KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN

## Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia




2018

KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

# LAPORAN TAHUNAN

## Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia



2018

# KANDUNGAN


Sidang Pengarang 3

Perutusan Pengerusi 6

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif 7

Informasi Korporat 9

Objektif, Visi dan Misi 14

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama KPI FINAS 2018 19

Carta Organisasi FINAS 21

Pengerusi dan Ahli – Ahli Perbadanan FINAS 25

Bahagian Dasar dan Perancangan 29

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan 51

Bahagian Khidmat Pengurusan 63

Bahagian Pembangunan Industri 81

Bahagian Pemasaran 101

Bahagian Galakan Penggambaran 129

Bahagian Kejuruteraan 133

Bahagian Teknologi Audio Visual 147

Bahagian Pengurusan Produksi 153

Bahagian Kreatif dan Teknikal 167

Bahagian Makmal 175

FINAS Cawangan Sarawak 181

Unit Komunikasi Korporat 191

Unit Audit Dalam 197

Unit Integriti 203

Unit Mediatheque 211

Penyata Kewangan FINAS 2018 219

# SIDANG PENGARANG

**PENGERUSI**
YBhg. Dato' Gerald Hans Isaac

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
YBrs. Encik Ahmad Idham Ahmad Nadzri

**KETUA EDITOR**
Encik Ahmad Syazli Muhd Khiar

**PASUKAN EDITORIAL**
Encik Muzri Abdullah
Cik Drusella Brigit Anak Rijeng
Encik Mohd Saufiddin Poniman
Puan Nur Farhanee Mohd Razali



# PERUTUSAN PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



# PERUTUSAN PENGERUSI

**Salam Sejahtera,**

Saya mewakili pihak Ahli Perbadanan dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Pada keseluruhannya, usaha-usaha FINAS bagi tahun 2018 untuk membangunkan industri perfileman Malaysia adalah amat positif selaras dengan misi utama yang ditetapkan merangkumi memacu industri perfileman Malaysia ke peringkat antarabangsa, memperkasakan perkhidmatan dan kemudahan yang cekap dan berkesan, memperkasakan profesionalisme dalam kalangan penggiat industri serta meningkatkan sokongan, penontonan dan semangat mencintai filem tempatan.

Pencapaian FINAS pada tahun 2018 dapat diterjemahkan melalui strategi pembangunan modal insan dengan penganjuran 33 program latihan dan bengkel perfileman kepada 1632 orang mewakili komuniti filem, karyawan muda dan profesional selain peranan FINAS sebagai badan peneraju industri kreatif di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk memperkasakan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

Selain itu, melalui strategi pembangunan pasaran, sebanyak RM109.81 juta nilai eksport global telah direkodkan melalui penyertaan di tiga program misi perdagangan antarabangsa dan melalui pencapaian jaringan urusniaga filem-filem yang mendapat dana atau insentif kerajaan di peringkat global. Strategi FINAS melalui pembangunan ekonomi dan pelaburan asing ke dalam negara juga telah memangkin RM163.75 juta potensi pelaburan produksi asing dan tempatan di bawah Insentif Penggambaran Filem di Malaysia (FIMI) yang juga telah merang sang sektor hiliran dan peluang pekerjaan kepada tenaga produksi tempatan.

Tahun 2018 juga memperlihatkan kejayaan cemerlang pasaran pecah panggung filem tempatan di mana RM170.4 juta kutipan kasar bagi 54 buah filem tempatan telah direkodkan berbanding RM57.9 juta untuk tahun 2017. Kejayaan di dalam negara juga ini diteruskan melalui pencapaian sebanyak hampir 90 buah filem pelbagai format dan genre telah menembusi festival filem antarabangsa melalui tayangan, penyertaan, pencalonan dan 37 daripadanya berjaya meraih kemenangan buat negara.

Akhir kata, saya bagi pihak Ahli Perbadanan merakamkan penghargaan kepada YB Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta semua pihak dan pemegang taruh termasuk penjawat FINAS dan penggiat industri yang telah mendukung kepada pemerkasaan organisasi dan industri filem tempatan.

**YBHG. DATO' GERALD HANS ISAAC**
Pengerusi



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,**

Saya mewakili pihak pengurusan dan seluruh anggota Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah mendukung kepada pelaksanaan strategi, program dan projek sepanjang tahun 2018 berdasarkan Pelan Strategik Kementerian, Komunikasi dan Multimedia serta Pelan Strategik FINAS sendiri. Sebagai badan peneraju industri filem di bawah perundangan Akta 244, FINAS sentiasa mendukung kepada pembangunan industri sebagai penjana ekonomi kreatif dan budaya melalui fungsi-fungsi utama seperti pelesenan dan penguatkuasaan, pemasaran, latihan, dana dan insentif, kemudahan studio dan fasiliti, pelaburan, restorasi dan khazanah, produksi, penyelidikan dan lain-lain. Di dalam menjana kepada pemerkasaan industri secara holistik di peringkat domestik dan antarabangsa, pengurusan FINAS juga telah memberi penekanan kepada usaha-usaha pemantapan organisasi dan perkhidmatan merangkumi pengurusan kewangan, audit, integriti, modal insan serta penyampaian yang menjana kepada peningkatan budaya, nilai dan sistem yang lebih baik.

**YBRS. ENCIK AHMAD IDHAM AHMAD NADZRI**
Ketua Pegawai Eksekutif



# INFORMASI KORPORAT



# Trivia FINAS
(Hari Ini Dalam Sejarah)

## Latar Belakang

### 9 JULAI 1974

Mesyuarat Jemaah Menteri di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak yang diadakan memandang berat tentang masalah perusahaan perfileman di Malaysia di dalam konteks jenis filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung di Malaysia dengan keadaan serta struktur perusahaan filem. Justeru, satu Jawatankuasa Bertugas Mengenai Industri Perfileman *(Task Force on Film Industry)* ditubuhkan oleh Bahagian Perancangan Am di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji perusahaan perfileman di Malaysia secara keseluruhan dan memberi cadangan dan langkah penyelesaian.

Laporan pasukan petugas telah mengkaji tiga aspek utama perusahaan filem tempatan iaitu penayangan, pengedaran dan pengeluaran dengan cabaran-cabaran utama iaitu:

a) Monopoli oleh syarikat pengusahaan asing iaitu Shaw Brothers dan Cathay Organization bagi pengawalan tayangan, pawagam serta pengedaran filem asing di Malaysia;

b) Pengeluar filem tempatan tidak mempunyai peluang akibat monopoli dan sistem perusahaan yang memberi keuntungan kepada pihak asing;

c) Lambakan filem asing dan import yang menegahkan budaya asing menjejaskan usaha kerajaan di dalam menjana perpaduan nasional;

d) Tiada perlindungan kepada pengusaha filem dan pengedar tempatan seperti yang dibuat negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

## 23 APRIL 1975

Mesyuarat Jemaah Menteri pada secara prinsipnya bersetuju dengan maklumbalas hasil kajian Jawatankuasa Petugas tersebut di mana salah satu hasil cadangannya ialah penubuhan Perbadanan Filem Nasional yang bertujuan memastikan industri perfileman berkembang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan nilai moraliti dan kebudayaan Malaysia selain fungsi-fungsi seperti:

i) memastikan filem-filem untuk tayangan umum sesuai dengan keperibadian dan nilai-nilai kebangsaan;

ii) mengadakan undang-undang untuk kebaikan industri filem;

iii) menyediakan kemudahan untuk mengembangkan industri perfileman dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

iv) mengemukakan syor-syor kepada Menteri tentang cara-cara meninggikan dan membesarkan industri perfileman;

v) memastikan cara dan sistem pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru;

vi) menyelaras aktiviti-aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem;

vii) lain-lain fungsi yang perlu dan mustahak untuk kebaikan industri filem.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh sama juga mengarahkan kedudukan dan fungsi Filem Negara Malaysia di bawah Kementerian Penerangan dikaji dan diputuskan sebelum Rang Undang-Undang Perbadanan Filem Nasional Malaysia diluluskan di Parlimen. Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Menteri YB. Datuk Haji Hamzah bin Haji Abu Samah telah menjadi penyelaras bagi mengambil langkah menyelaras edaran deraf Rang Undang-Undang bagi maksud penubuhan Perbadanan tersebut dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan cadangan atau ulasan mereka.

## 21 OKTOBER 1976

Deraf Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1976 (National Film Development Corporation of Malaysia Act 1976) telah dikemukakan oleh Peguam Negara kepada Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ia adalah berasaskan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972.

## 1 APRIL 1977

Perbincangan di antara YB. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Haji Hamzah Abu Samah dan YB. Menteri Penerangan, Datuk Amar Taib Mahmud berkaitan perkara penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, kedudukan Filem Negara dan bentuk Rang Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Filem Negara Malaysia 1977 yang dirangka Jabatan Peguam Negara (mengambil kira penggabungan fungsi Filem Negara ke dalam Perbadanan). Ia memberi input cadangan kepada kerajaan samada sesuai atau tidak penyerapan Filem Negara ke dalam Perbadanan yang akan ditubuhkan berdasarkan perbezaan fungsi dan peranan.

## 22 FEBRUARI 1978

Mesyuarat Jemaah Menteri telah menimbangkan Kertas Bil.82/1124/78 berkenaan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan memberi maklumbalas agar kajian lebih mendalam dibuat khususnya monopoli oleh syarikat Cathay dan Shaw Brothers di dalam soal penyebaran dan pemilikan wayang gambar. Kertas ini ditarik balik dan dikaji semula untuk pertimbangan Jemaah Menteri di masa akan datang.

## 9 DISEMBER 1978

YAB. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan Dialog bersama pihak pengeluar dan pengedar bumiputera bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan maklumbalas tentang langkah-langkah kerajaan di dalam membantu pengusaha filem tempatan. Perkara berkaitan fungsi Perbadanan yang akan ditubuhkan turut dibincangkan bagi meminda dan memperbaiki Akta Perbadanan sebelum ianya dilaksanakan.

## 4 JUN 1979

YAB. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan Dialog bersama pihak Cathay dan Shaw Brothers bagi membincangkan isu monopoli syarikat asing di dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan serta menyatakan hasrat kerajaan di dalam memperkasakan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam aktiviti perfileman dan seterusnya menjana ekonomi baru tanpa monopoli satu-satu syarikat sahaja.

## 26 JULAI 1980

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Arif Hakim Dato' Abdul Hamid Omar bagi merangka perlembagaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia serta diamanahkan menjalankan tugas-tugas awal Perbadanan, merangka dan merancang penubuhan Perbadanan serta merangka Akta 244 untuk kelulusan Parlimen.

## 12 DISEMBER 1980 & 9 JANUARI 1981

Rang Undang-Undang Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Disember 1980 oleh YB. Dato' Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dan kemudiannya diluluskan di Dewan Negara pada 9 Januari 1981.

## 12 & 19 FEBRUARI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mendapat persetujuan Diraja pada 12 Februari 1981 dan diterbitkan di dalam warta pada 19 Februari 1981.

## 28 MAC 1981

YAB. Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk pelantikan Ybhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris sebagai Pengerusi Perbadanan dan nama-nama Ahli Lembaga yang dicadangkan beserta En. Ismail Zain, Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan dan Sukan yang telah diberi 'secondment" sebagai Ketua Pengarah untuk tempoh dua tahun.

## 7 APRIL 1981

Surat tawaran Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga melalui persetujuan YAB. Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dikeluarkan secara rasmi.

## 1 MEI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dikuatkuasakan kesemua peruntukan di dalamnya (kecuali Bahagian V) di seluruh Malaysia dan pemberitahuan ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan bagi membolehkan ia berfungsi dan berkuatkuasa.

## 1 JUN 1981

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya selaras dengan tarikh rasmi pelantikan Pengerusi YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris , En. Ismail Zain, Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Pengarah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan jawatan-jawatan lain yang berkuatkuasa.

## 18 JUN 1981

Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan pelancaran FINAS pada jam 3.00 petang di Bilik Gerakan Tingkat 4, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian oleh YAB. Datuk Seri Mahathir Mohamed, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

## 28 JUN 1981

Iklan pengisian jawatan bagi Akauntan, Jurutera Eletrik, Pegawai Tadbir, Pembantu Teknik dan Pegawai Kerja di akhbar.

## 7-17 SEPTEMBER 1981

Sesi temuduga bagi jawatan pegawai dan kakitangan FINAS. Kelulusan jawatan adalah sebanyak 12 orang kumpulan A, 1 orang dari kumpulan B, 13 orang dari kumpulan C dan 11 orang dari kumpulan D.

## 15 OKTOBER 1981

Kumpulan pertama penjawat FINAS bertugas secara rasmi di premis No.7, Jalan Ampang Hilir di mana FINAS yang bernaung di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.

### 1 NOVEMBER 1981
FINAS beroperasi dengan pengisian lebih 70% anggota pentadbiran melalui peruntukan mengurus oleh kerajaan sebanyak RM869,200.00 dan sebanyak RM17juta bagi rancangan pembangunan di bawah RMK Ke-4.

### 1 SEPTEMBER 1984
Premis FINAS berpindah ke No. 198, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

### 15 SEPTEMBER 1984
Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Pindaan 1984 telah diwartakan dan pelaksanaannya pada tahun 1985 bagi membolehkan FINAS melesenkan syarikat-syarikat yang bergiat dalam sektor pengeluaran, pengedaran dan pemameran.

### 16 OKTOBER 1986
FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan Malaysia.

### 19 DISEMBER 1988
FINAS beroperasi secara rasmi di Kompleks Studio Merdeka, Hulu Kelang.

### 16 JUN 1992
FINAS Wilayah Utara telah dirasmikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

### 27 MAC 2004
FINAS bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA).

### 18 MAC 2008
FINAS bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW).

### 9 APRIL 2009
FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).

### 6 APRIL 2012
Memorandum Jemaah Menteri No. M235/2012 telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia (FNM) yang diterajui oleh FINAS.

### 15 MEI 2013 - KINI
Penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia berkuatkuasa.

### 1 JANUARI 2013
Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan 2013) diwartakan.

### 7 FEBRUARI 2013
FINAS bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

---

**Rujukan Data**


1. Laporan Tahunan FINAS 1981-2017
2. Arkib Negara (Hari Ini Dalam Sejarah)
3. Suara FINAS Bilangan 1 Tahun 1991
4. Fail Perbadanan Filem Nasional T&I (DT)012/7 1977-1981

# OBJEKTIF, VISI DAN MISI




**Objektif:** Menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman

**Visi:** Peneraju industri perfileman Malaysia bertaraf antarabangsa.

**Misi:**

**Memacu** industri perfileman Malaysia ke peringkat antarabangsa;

**Memperkasakan** perkhidmatan dan kemudahan yang cekap dan berkesan;

**Memperkasakan** profesionalisme dalam kalangan penggiat industri; dan

**Meningkatkan** sokongan, penontonan dan semangat mencintai filem tempatan.

# 7 TAKRIFAN LOGO

| | |
|---|---|
| 1 | FINAS adalah singkatan daripada perkataan Filem Nasional Malaysia iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. |
| 2 | Huruf "F" yang bergarisan jalur selari dan *track* yang meliuk adalah merupai suatu fenomena dalam kamera yang mengawal pembukaan dan penutupan *aperture*. |
| 3 | 14 bintang berbucu adalah gabungan 14 negeri dalam Malaysia yang merupakan gabungan kepakaran manusia dan kecanggihan peralatan bagi menghasilkan karya filem yang bermutu. |
| 4 | Susunan 14 bintang berbucu dalam bentuk bebola cahaya melambangkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sebagai agensi yang menerangi industri perfileman. |
| 5 | FINAS berjalur 3 adalah bermaksud peranannya memaju dan mendorong 3 aktiviti utama dalam industri iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran. |
| 6 | Warna ungu gabungan 3 warna utama merah, kuning dan biru yang menghasilkan warna neutral, bererti memberi layanan saksama kepada mana-mana golongan penglibat industri. |
| 7 | Logo FINAS telah diinspirasikan oleh Allahyarham En. Ismail Zain, Mantan Ketua Pengarah FINAS dan Cik Normah Nordin, bekas Penolong Pengarah Pembangunan FINAS yang kini merupakan aktivis seni dan tenaga pengajar lakonan. |



# FINAS Beroperasi Secara Rasmi Pada 1 Jun 1981 Melalui (Akta 244) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Pindaan) 2013)

Suatu Akta untuk Menggalak, Memelihara dan Memudahkan Kemajuan Perusahaan Perfileman Malaysia, Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan Mengadakan Peruntukan bagi Perkara-Perkara yang perlu, yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya

## TAKRIF FILEM

Termasuk filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, dokumentari, filem kecil dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan, termasuk pita video dan ceper video berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak, untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.

## TAKRIF PERUSAHAAN PERFILEMAN

Termasuk aktiviti-aktiviti mengeluar, mengedar dan mempamerkan filem yang dijalankan di Malaysia

| TIGA (3) AKTIVITI UTAMA PERFILEMAN DI BAWAH AKTA 244 | | |
|---|---|---|
| **PENGELUARAN FILEM**<br>Termasuk segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluar atau memproses filem-filem atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai; | **PENGEDARAN FILEM**<br>Termasuk menyewa dan meminjamkan filem-filem untuk keuntungan atau selainnya, mengimport dan mengedarkan filem-filem yang dikeluarkan di luar negeri dan mengedarkan filem-filem yang dikeluarkan di dalam negeri; | **PEMAMERAN FILEM**<br>Tayangan filem-filem untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai. |



# TUGAS PERBADANAN MERUJUK KEPADA (AKTA 244) AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (1)

| | |
|---|---|
| **(a)** | Membuat syor kepada Menteri tentang dasar, cara dan langkah yang hendak diambil untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman; |
| **(b)** | Untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfileman dengan berbagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat; |
| **(c)** | Untuk mengawal dan menyelaraskan aktiviti orang dan badan berkaitan dengan perkara yang berhubungan dengan perusahaan perfileman; |
| **(d)** | Amnya untuk menggalakkan dan membantu dalam memajukan perusahaan perfileman di dalam dan di luar Malaysia; |
| **(e)** | Untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pengedaran dan pameran filem dalam Malaysia dan berhubung dengannya membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen; |
| **(f)** | Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud subseksyen (2)(c); |
| **(g)** | Menyebar maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian Kerajaan melalui pengeluaran filem; dan |
| **(h)** | Merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib. |

# KUASA-KUASA PERBADANAN (AKTA 244) PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981 (PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (2)

| | | | |
|---|---|---|---|
| **(a)** | Untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan, atau pertubuhan perbadanan atau orang perseorangan dalam menjalankan tinjauan dan kajian berkenaan dengan perusahaan perfileman dan dalam menjalankan kajian kemungkinan bagi memajukan perusahaan perfileman tempatan; | **(g)** | Untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan perusahaan perfileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta, pameran dan seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia; |
| **(b)** | Untuk mengadakan kemudahan latihan dan untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek dan program latihan berhubung dengan perusahaan perfileman; | **(h)** | Untuk menubuhkan institusi, pusat, pusat kecil dan bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan aktiviti lain yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan perfileman; |
| **(c)** | Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan perfileman untuk pengeluar, pengedar dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar; | **(i)** | Untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan perfileman; |
| **(d)** | Untuk menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui; | **(j)** | Untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai pelbagai aspek perusahaan perfileman; |
| **(e)** | Untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman, kemudahan kredit, geran, pelaburan atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain dan mengambil bahagian dalam pengeluaran filem; | **(k)** | Mengeluarkan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib atau mengeluarkan apa-apa filem atau rakaman yang Kerajaan fikirkan perlu bagi maksud pendidikan, penerangan, seni, budaya dan perkara lain yang disyorkan oleh Perbadanan; |
| **(f)** | Untuk menetap dan melevi fi atau bayaran lain berhubung dengan pelaksanaan tugasnya dan perjalanan kuasanya di bawah Akta ini; | **(l)** | Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri. |

## Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama
## *Key Performance Indicator (KPI 2018)*
## Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

| Bil | KPI | SASARAN 2018 | PENCAPAIAN 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | **Memperkasa Industri Kreatif (Pemasaran)**<br>Meningkatkan jaringan pemasaran dan eksport kandungan kreatif tempatan ke peringkat antarabangsa. | RM70 Juta<br>nilai eksport | RM109.81Juta<br>nilai eksport |
| 2. | **Memperkasa Industri Kreatif (Pelaburan)**<br>Meningkatkan jumlah pelaburan penerbitan produksi filem antarabangsa dan domestik di dalam negara melalui Insentif Galakan Penggambaran (FIMI). | RM100 Juta QMPE | RM163.7Juta QMPE |
| 3. | **Memperkasa Industri Kreatif (Pelesenan)**<br>Meningkatkan pengeluaran lesen baru melalui operasi penerbitan, pengedaran dan pemameran filem. | 700 Pengeluaran Lesen Baharu | 679 Pengeluaran Lesen Baharu |
| 4. | **Memperkasa Industri Kreatif (Pembangunan Modal Insan)**<br>Memperkasakan profesionalisme karyawan industri melalui program kemahiran dan latihan. | 1,600 peserta program pembangunan modal insan | 2,655 peserta program pembangunan modal insan |
| 5. | **Membina Masyarakat Bermaklumat (Penerbitan Kandungan Audio Visual)**<br>Meningkatkan penerbitan kandungan audio visual beraspirasikan agenda nasional dan kerajaan. | 200 jam Penerbitan kandungan Audio Visual | 205 jam Penerbitan kandungan Audio Visual |
| 6. | **Membina Masyarakat Bermaklumat (Pembangunan Data Industri)**<br>Mengumpul, menganalisa dan merekod pencapaian filem Malaysia dari tahun 1950 - 2017 sebagai rujukan data industri. | Sepanjang Tahun | 100% |
| 7. | **Menghubung Rakyat (Promosi dan Komunikasi)**<br>Meningkatkan jaringan promosi filem tempatan bersama rakyat seluruh Negara. | 12 Program promosi filem seluruh negara | 24 Program promosi filem seluruh negara |



# CARTA ORGANISASI FINAS 2018

# Carta Organisasi FINAS 2018





Finas Cawangan Sarawak
Unit Audit Dalam
Unit Komunikasi Korporat
Unit Integriti
Timbalan Ketua Pengarah (Produksi & Teknikal)
Bahagian Teknologi Audio Visual
Bahagian Makmal
Bahagian Kejuruteraan
Bahagian Pengurusan Produksi
Bahagian Kreatif & Teknikal
Pusat Sumber
Unit Fasiliti Produksi
Unit Studio Digital Mixstage
Unit Penyeliaan Studio
Unit Analisis Kimia Dan Memproses Filem
Unit Cetakan Filem
Unit Perkhidmatan Filem Negatif
Unit Penyelenggaraan Am & Pembangunan Fizikal
Unit Penyelenggaraan (Fasiliti Produksi Dan Studio)
Unit Kandungan Digital
Unit Tempatan
Unit Antarabangsa
Unit Pelaksanaan Produksi
Unit Produksi & Dokumentasi



# PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN

# PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN



1



2



3



4



5




6

1. **YB Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib**
   *Pengerusi FINAS*
   9 September 2015 – 8 September 2017 (Lantikan Pertama)
   9 September 2017 – 14 Mei 2018 (Lantikan Semula)

2. **YBhg. Dato' Samsuni Mohd Nor**
   *Pengerusi FINAS*
   25 Oktober 2018 – 24 Januari 2019 (Lantikan Pertama)
   25 Januari 2019 – 28 Februari 2019 (Lantikan Semula)
   1 Mac 2019 – 7 April 2019 (Lantikan Semula)

3. **YBhg. Dato Mohid Mohamed**
   *Timbalan Pengerusi FINAS*
   1 Julai 2017 – 30 September 2018

4. **Encik Affendy Ali Dally**
   *Timbalan Pengerusi*
   25 Oktober 2018 – 24 Oktober 2020

5. **YBhg. Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad**
   *Ahli Perbadanan*
   22 Disember 2014 – 31 Mei 2018
   Wakil Ketua Setiausaha
   Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

6. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor**
   *Ahli Perbadanan*
   5 Julai 2018 – 15 Mac 2019
   Wakil Ketua Setiausaha
   Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



7



8



9



10



11



12

**7. Puan Siti Juriani binti Jalaluddin**
*Ahli Perbadanan*
22 Ogos 2017 – Sekarang
Wakil Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan Malaysia.

**8. Encik Zahrin bin Haji Aris**
*Ahli Perbadanan*
1 Julai 2014 - 31 Disember 2014 (Lantikan Pertama)
1 Julai 2015 – 30 Jun 2017 (Lantikan kedua)
1 Julai 2017 – 30 Jun 2018 (Lantikan ketiga)

**9. YBhg. Datuk Hajjah Rozzanamoon Dato' Haji Rahmat**
*Ahli Perbadanan*
1 Oktober 2016 – 30 September 2017 (Lantikan pertama)
1 Oktober 2017 – 30 September 2018 (Dilantik semula)

**10. YBhg. Dato' Rizal Mansor**
*Ahli Perbadanan*
1 Julai 2017 – 14 Mei 2018

**11. YBhg. Datuk Haji Tiyunin Jeman**
*Ahli Perbadanan*
1 November 2017 – 30 September 2018

**12. YBhg. Datuk Zulkilfli @ Zulkifli bin Ishak**
*Ahli Perbadanan*
1 Mac 2018 – 30 September 2018



13



14



15



16



17



18

13. **Encik Onn Norshal bin Hamzah**
    *Ahli Perbadanan*
    25 Oktober 2018 – 24 Oktober 2020

14. **Encik Mohan Rao a/l Simancha**
    *Ahli Perbadanan*
    25 Oktober 2018 – 24 Oktober 2020

15. **Puan Salwah Abdul Shukor**
    *Ahli Perbadanan*
    25 Oktober 2018 – 24 Oktober 2020

16. **Encik Andrew Tai Wui Charng**
    *Ahli Perbadanan*
    16 November 2018 – 15 November 2020

17. **Encik Hasnul Hadi Samsudin**
    *Ahli Perbadanan*
    14 November 2018 – 13 November 2020

18. **Encik Abdul Rashid Karim Mohd Razha**
    *Ahli Perbadanan*
    14 November 2018 – 13 November 2020



# BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

# Unit Dasar

## Latar Belakang Unit Dasar

Unit Dasar merupakan Unit di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan yang terdiri daripada seorang Ketua Penolong Pengarah Gred N48, seorang Penolong Pengarah Gred N41, 2 orang Pegawai Eksekutif Gred N29 (1 kekosongan) dan 2 orang Pembantu Tadbir/ Perkeranian Gred N19 (1 kekosongan).

## Objektif Unit Dasar

Menjadi '*Think Tank*' (perancang & pemikir) dan '*Strategic Integrator*' (penghubung strategik) bagi perancangan, penyelidikan dan pelaksanaan sesuatu dasar / program / projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

## Fungsi Unit Dasar

i. Pengurusan jaringan data dan pengantara rasmi FINAS bersama pelanggan (Parlimen, KKMM, EPU, Kerajaan Negeri, Badan Kerajaan);
ii. Pengurusan dan penyelarasan data Petunjuk Prestasi Utama (KPI) FINAS;
iii. Pengurusan dan penyelarasan berkaitan Akta dan perundangan;
iv. Pengurusan dan penyelarasan pembangunan dasar-dasar perfileman dan industri kreatif;
v. Pengurusan dan penyelarasan bahan/ dokumen untuk taklimat rasmi FINAS;
vi. Pengurusan dan penyelarasan penerbitan Laporan Tahunan FINAS.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM146,130.00 |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Lokasi |
|---|---|---|
| Persidangan Parlimen Penggal Ke Enam Parlimen Ke 13 Bermula 5 Mac Hingga 5 April 2018 (Dewan Rakyat) Dan 26 Mac 2018 Hingga 5 April 2018 (Dewan Negara) | | |
| 1. | Mesyuarat persediaan Istiadat Pembukaan Parlimen Ke 13 di pengerusikan oleh Setiausaha Dewan Rakyat | 24 Jan 2019<br>Parlimen |
| 2. | Mesyuarat Penyediaan Teks Ucapan Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ke-13 | 20 Mac 2018<br>Parlimen |
| 3. | Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Parlimen Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ke-13. | 21 Feb 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 4. | Sesi Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ke-13 Tahun 2018 bagi KKMM. | 21 Mac 2018<br>Parlimen |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Lokasi |
|---|---|---|
| 5. | Sesi Mesyuarat Penyediaan Teks Ucapan Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Negara Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam Parlimen ke 13 tahun 2018 pada di Bilik urus setia KKMM. | 27 Mac 2018<br>Blok Sementara Parlimen Malaysia |
| 6. | Sesi Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Negara Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam Parlimen ke 13 tahun 2018 bagi KKMM. | 28 Mac 2018<br>Parlimen |
| Persidangan Parlimen Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke 14 Tahun 2018 Bermula 16 Julai hingga 16 Ogos 2018 (Dewan Rakyat) dan 20 Ogos hingga 12 September 2018 (Dewan Negara) | | |
| 1. | Mesyuarat Pra Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ke 14 Bersama TImbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKMM. | 5 Jul 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 2. | Mesyuarat Pra Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Ke 14 Bersama YB Menteri KKMM. | 10 Jul 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 3. | Sesi Jawap Lisan KKMM Bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen ke 14 Dewan Rakyat. | 18 Jul 2018<br>Parlimen |
| 4. | Mesyuarat Penyelarasan Teks Ucapan Penggulungan Titah Diraja 5.00pm bersama YBM. | 30 Jul 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 5. | Sesi Penggulungan perbahasan Titah Diraja Giliran KKMM | 1 Ogos 2018<br>Parlimen |
| 6. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (D). | 8 Ogos 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 7. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBTM Tuan Edin. | 16 Ogos 2018<br>Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Blok Utama Parlimen |
| 8. | Mesyuarat Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Negara Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-14 Tahun 2018 Bersama YB Timbalan Menteri - KKZMM. | 4 Sept 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| Persidangan Parlimen Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke 14 bermula 15 Oktober 2018 hingga 12 Disember 2018 (Dewan Rakyat) dan 3 Disember 2018 – 20 Disember 2018 (Dewan Negara) | | |
| 1. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (D) | 4 Okt 2018<br>Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 32, Menara KKMM |
| 2. | Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YB Menteri 11.00 pagi. | 11 Okt 2018<br>Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 34, |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa |
|---|---|---|
| 3. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-11 Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (Operasi). | 29 Okt 2018<br>Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 34, Menara KKMM. |
| 4. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-11 Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YB Timbalan Menteri. | 30 Okt 2018<br>Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Wisma TV, Angkasapuri |
| 5. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM 2019 (Peringkat Dasar) Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (O). | 15 Nov 2018<br>Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 34, Menara KKMM, Putrajaya |
| 6. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM 2019 (Peringkat Dasar) Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YB Menteri. | 19 Nov 2018<br>Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 3, Aras 2, Blok Sementara, Parlimen Malaysia |
| 7. | Sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM 2019 (Peringkat Dasar) | 21 Nov 2018<br>Parlimen |
| 8. | Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBM Menteri KKMM | 27 Nov 2018<br>Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Wisma TV, Angkasapuri |
| 9. | Sesi Perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2019 (Peringkat Jawatankuasa) bagi Bekalan/ Pembangunan 47 (B/P47) KKMM | 5 Dis 2018<br>Parlimen Malaysia. |
| 10. | Mesyuarat Pra-Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM 2019 (Peringkat Dasar) Dewan Negara Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (D) | 14 Dis 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 11. | Mesyuarat Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM 2019 (Peringkat Dasar) Dewan Negara Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YB Timbalan Menteri | 17 Dis 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| | Sesi Penggulungan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM Dewan Negara | 17 Dis 2018<br>Parlimen |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa |
|---|---|---|
| 12. | Mesyuarat NKEA Operasi Bil 1.2018 @ KKMM - 26.2.2018. Mesyuarat Jawatankuasa Peneraju NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (NKEA CCI) Bilangan 2/2018 | 27 Feb 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 13. | Mesyuarat Memuktamadkan Dokumen Program *Charter,* Dokumen Sampingan Kepada *Communications And Multimedia Blueprint 2018-2025* | 9 Feb 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 14. | Sesi *Roundtable Discussion* Bagi Memuktamadkan Dokumen Program *Charter Communications & Multimedia Blueprint 2018-2025* | 2 Mac 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 15. | Pra Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dasar KKMM JKPD Bil 2/2018 | 3 Mei 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 16. | Mesyuarat Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra | 12 Jan 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 17. | Mesyuarat Cadangan Penubuhan Yayasan Amanah | 22 Feb 2018<br>Dewan Samad Idris, |
| 18. | Mesyuarat Cadangan Penubuhan Yayasan Amanah | 12 Mac 2018<br>Dewan Samad Idris, FINAS Hulu Kelang |
| 19. | Mesyuarat Perjanjian Rundingan Dua Hala Malaysia - Turki (MTFTA) Bagi Sektor Perkhidmatan, Pelaburan Dan Ecommerce (13-14 Mac 2018) | 13 Mac 2018<br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) |
| 20. | Mesyuarat Cadangan Data Buku Maklumat Dan Statistik Terpilih KKMM 2017 Bil.1/2018, | 20 Mac 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 21. | Mesyuarat Penyelarasan Prestasi Peringkat "*Activity Performance Management Framework (APMF)*" dan Pengemaskinian Status Laporan Prestasi Berdasarkan Kerangka Keberhasilan Suku Tahun Bil.1 Tahun 2018 | 19 Apr 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 22. | Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Perancangan Dasar (JKPD) Bil.2/2018 | 3 Mei 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 23. | Mesyuarat Perjanjian Rundingan Dua Hala Malaysia - Turki (MTFTA) Bagi Sektor Perkhidmatan, Pelaburan Dan *Ecommerce*) | 24 Apr 2018<br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa |
|---|---|---|
| 24. | Sesi Townhall Hasil Kajian Dasar Kebudayaan Kebangsaan | 30 Jul 2018<br>Dewan Serbaguna Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Presint 5 Putrajaya |
| 25. | Sesi Klinik PSJP KKMM Sesi Klinik Penyediaan Pelan Strategik Jangka Panjang KKMM - Peringkat Program | 19 Sept 2018<br>KKMM, Putrajaya |
| 26. | Mesyuarat Kumpulan Fokus Tematik KKMM Kluster Industri Kreatif Bil. 1/2018 bersama YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia. | 18 Dis 2018<br>Bilik Mesyuarat *Studio Digital Mixstage,* FINAS |



Mesyuarat Pra Penyelarasan Teks Penggulungan Perbahasan Bajet 2019 bersama YBM Menteri KKMM pada 19 November 2018


Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara bersama YB Timbalan Menteri KKMM pada 16 Ogos 2018 di bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen


Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dasar (JKPD) bil. 2/2018 di KKMM


Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (D) 4 Oktober 2018 (Khamis) 3.00 petang



Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU (D) pada 8 Ogos 2018 di KKMM.



Mesyuarat Permohonan Projek RP4 RMK11- Sambungan Sedia Ada Dan Baharu pada 12 Mac 2018 di KKMM



Sesi Pembentangan RUU Perbekalan 47000 2019 Peringkat Jawatankuasa Dewan Rakyat bersama YBTM KKMM pada 5 Disember 2018



YB Menteri & YB Timbalan Menteri bersama Dato' KSU dan TKSU serta pegawai KKMM dan agensi termasuk FINAS untuk Sesi Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-14



Sesi Penggulungan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Parlimen ke-14 pada 4 September 2018



Sesi Penggulungan RUU Perbekalan Peringkat Dasar KKMM 2019 Dewan Rakyat Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen 14 bersama YBM KKMM pada 21 November 2018

# Unit Perancangan

## Latar Belakang Unit Perancangan

Unit Perancangan terdiri dari 3 orang penjawat iaitu seorang Pegawai Tadbir (N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang Pembantu Tadbir (N19).

## Objektif Unit Perancangan

Menjadi '*Think Tank*' (perancang & pemikir) dan '*Strategic Integrator*' bagi perancangan, penyelidikan dan pelaksanaan sesuatu dasar/ program/ projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

## Fungsi Unit Perancangan

i. Pengurusan dan penyelarasan urusan dan operasi Mesyuarat Ahli Perbadanan;

ii. Pengurusan dan penyelarasan urusan dan operasi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FINAS;

iii. Pengurusan dan penyelarasan maklumbalas FINAS bersama pengurusan tertinggi Kementerian dan pasca Kabinet;

iv. Pengurusan dan penyelarasan program-program jaringan rasmi, urusan, dokumen dan maklumbalas Jawatankuasa - Jawatankuasa rasmi melibatkan Ahli Perbadanan;

v. Pengurusan dan penyelarasan Memorandum/ Nota Jemaah Menteri dan Kabinet;

vi. Pengurusan dan penyelarasan Pelan Strategik Jangka Panjang organisasi.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM2,000,000.00 |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Perancangan

| Bil. | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Mengurus dan menyelia pentadbiran dan operasi Mesyuarat Ahli Perbadanan. | Empat (4) Kali Setahun | 3 Mesyuarat Ahli Perbadanan. 3 Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan |
| 2. | Mengurus dan menyelia urusan pentadbiran dan operasi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FINAS | Sepanjang tahun | 6 kali |
| 3. | Mengurus dan menyelia maklumbalas FINAS untuk Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian dan pasca kabinet bersama YB Menteri | Sepanjang tahun | |
| 4. | Mengurus dan menyelia urusan berkaitan penyediaan Memorandum/ Nota Jemaah Menteri dan Kabinet- | Sepanjang tahun | 2 Memorandum |

| Bil. | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 5. | Mengurus dan menyelia penyediaan *blueprint*/ halatuju/ pelan strategik organisasi. | Sepanjang tahun | |
| 6. | Melaksanakan arahan daripada Ketua Jabatan dari masa ke semasa. | Sepanjang Tahun | |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sesi Engagement Siri 1 Ahli Perbadanan FINAS Bersama Pihak Pengurusan FINAS | 6 Disember 2018 9.00 pagi | FINAS Hulu Kelang | Taklimat berkaitan fungsi bahagian di FINAS |
| 2. | Sesi Engagement Siri 2 Ahli Perbadanan FINAS Bersama Pihak Pengurusan FINAS | 18 Disember 2018 9.00 pagi | FINAS Hulu Kelang | Taklimat berkaitan fungsi bahagian di FINAS |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

### Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2018 telah diadakan seperti berikut:

a. **Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 1/2018**
Tarikh : 3 April 2018 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2, FINAS Hulu Kelang

b. **Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 2/2018**
Tarikh : 20 April 2018 (Jumaat)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Dewan Samad Idris, Aras 2, FINAS Hulu Kelang

c. **Mesyuarat Ahli Perbadanan Bil. 3/2018**
Tarikh : 22 November 2018 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 34, KKMM, Putrajaya

### Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan FINAS bagi tahun 2018 telah diadakan seperti berikut:

a. **Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 1/2018**
Tarikh : 30 November 2018 (Jumaat)
Masa : 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, FINAS, Petaling Jaya

b. **Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 2/2018**
Tarikh : 3 Disember 2018 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 32, KKMM Putrajaya

c. **Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan Bil. 3/2018**
Tarikh : 10 Disember 2018 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, FINAS, Petaling Jaya

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 13 Kertas Kerja dan 3 Kertas Makluman telah dibincang dan dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Perbadanan.







**Perbincangan Ahli Perbadanan FINAS bersama Pihak Produksi Korea**
Tarikh : 19 Disember 2018 (Rabu)
Masa : 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, FINAS Petaling Jaya

# Unit Penyelidikan

## Latar Belakang Unit Penyelidikan

Unit Penyelidikan merupakan satu unit di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan, bertempat di FINAS Hulu Kelang. Unit ini berperanan dalam memastikan perancangan, pembangunan dan kajian yang berkaitan dengan Dasar Perfileman dilaksanakan dengan efektif. Tugasan seperti mengumpul dan menganalisis data serta maklumat berkaitan industri perfileman adalah fokus utama unit ini. Unit Penyelidikan terdiri daripada 4 orang penjawat iaitu dua orang Pegawai Tadbir (N44 dan N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang Pembantu Tadbir (N19).

## Objektif Unit Penyelidikan

Menjadi *'Think Tank'* (perancang & pemikir) dan *'Strategic Integrator'* (penghubung strategik) bagi perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar/program/projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

## Fungsi Unit Penyelidikan

i. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi;
ii. Pengurusan Kajian Industri;
iii. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi;
iv. Pengurusan dan Analisis Statistik;
v. Pengurusan kajian *Descriptive, Diagnostic, Predictive & Prescriptive Analysis* (Kajian Impak);
vi. Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global.

## Senarai Program / Projek Utama Sepanjang Tahun

i. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi.
ii. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi.
iii. Pengurusan dan Analisis Statistik Industri.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Pencapaian Sepanjang Tahun

i. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi – **Sepanjang Tahun.**
ii. Pengurusan Kajian Industri – **Sepanjang Tahun.**
iii. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi – **4 kali (Sukuan).**
iv. Pengurusan dan Analisis Statistik Industri – **5 kali.**
v. *Descriptive, Diagnostic, Predictive & Prescriptive Analysis* (Kajian Impak) – **Sepanjang Tahun.**
vi. Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global – **Sepanjang Tahun.**
vii. Arahan dari semasa ke semasa.

## 50 Filem Cereka Tempatan Dengan Kutipan Tertinggi

| Bil. | Judul Filem | Pengarah | Syarikat Produksi | Genre | Kutipan (RM/Juta) | Tahun | Jumlah Pawagam |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MUNAFIK 2 | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTION SDN. BHD. | SERAM | 37.74 | 2018 | 92 |
| 2 | HANTU KAK LIMAH | MAMAT KHALID | ASTRO SHAW SDN. BHD./ INFINITUS GOLD SDN. BHD. | KOMEDI | 36.23 | 2018 | 141 |
| 3 | PASKAL THE MOVIE | ADRIEN TEH | SPECTRUM FILMS / ASIA TROPICAL FILMS | AKSI | 28.98 | 2018 | 80 |
| 4 | BOBOIBOY MOVIE 2 | MOHD NIZAM ABD RAZAK | ANIMONSTA STUDIOS (M) SDN BHD | ANIMASI | 27.70 | 2019 | 116 |
| 5 | UPIN & IPIN : KERIS SIAMANG TUNGGAL | ADAM AMIRUDDIN / AHMAD RAZURI ROSELI / SYED NURFAIZ | LES' COPAQUE PRODUCTION SDN. BHD. | ANIMASI | 25.28 | 2019 | 100 |
| 6 | ABANG LONG FADIL 2 | SYAFIQ YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | AKSI | 18.15 | 2017 | 130 |
| 7 | POLIS EVO | GHAZ ABU BAKAR | ASTRO SHAW SDN. BHD. | AKSI | 17.74 | 2015 | 44 |
| 8 | THE JOURNEY (Kantonis) | CHIU KENG GUAN | THE FILM ENGINE SDN. BHD. | DRAMA | 17.17 | 2014 | 57 |
| 9 | MUNAFIK | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | SERAM | 17.04 | 2016 | 49 |
| 10 | OLA BOLA | CHIU KENG GUAN | ASTRO SHAW SDN BHD / GSC SDN BHD / MULTIMEDIA ENT. SDN BHD | DRAMA | 16.67 | 2016 | 88 |
| 11 | POLIS EVO 2 | JOEL SOH / ANDRE CHIEW | BLACKFLAG SDN. BHD. / ASTRO SHAW SDN. BHD. | AKSI | 15.91 | 2018 | 82 |
| 12 | BOBOIBOY THE MOVIE | MOHD NIZAM ABD RAZAK | ANIMONSTA STUDIOS (M) SDN BHD | ANIMASI | 15.77 | 2016 | 106 |
| 13 | KL SPECIAL FORCE | SYAFIQ YUSOF | VIPER STUDIOS SDN. BHD. / SKOP PRODUCTION SDN. BHD. | AKSI | 12.22 | 2018 | 92 |
| 14 | KL GANGSTER | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | AKSI | 11.74 | 2011 | 71 |
| 15 | OMBAK RINDU | OSMAN ALI | ASTRO SHAW / DOUBLE VISION | DRAMA | 10.90 | 2011 | 73 |
| 16 | DUKUN | DAIN SAID | ASTRO SHAW SDN. BHD. | SERAM | 10.00 | 2018 | 100 |
| 17 | MISTERI DILAILA | SYAFIQ YUSOF | SKOP PRODUCTION SDN. BHD. / ASTRO SHAW SDN. BHD. | SERAM | 9.46 | 2019 | 80 |

| Bil. | Judul Filem | Pengarah | Syarikat Produksi | Genre | Kutipan (RM/Juta) | Tahun | Jumlah Pawagam |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | HANTU BONCENG | AHMAD IDHAM | EXCELLENT PICTURES SDN. BHD. | KOMEDI | 8.54 | 2011 | 68 |
| 19 | NGANGKUNG | ISMAIL BOB HASHIM | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | KOMEDI | 8.18 | 2010 | 59 |
| 20 | KONGSI | FARID KAMIL | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | AKSI | 8.09 | 2011 | 87 |
| 21 | KHURAFAT | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | SERAM | 8.08 | 2011 | 66 |
| 22 | TOMBIRUO : PENUNGGU RIMBA | SETH LARNEY | ASTRO SHAW SDN. BHD. | AKSI | 7.97 | 2017 | 62 |
| 23 | HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH | MAMAT KHALID | TAYANGAN UNGGUL SDN. BHD. | KOMEDI | 7.90 | 2010 | 46 |
| 24 | BIKERS KENTAL 2 | MOHD HELMI YUSOF | MRB NETWORK SDN. BHD. | KOMEDI | 7.68 | 2019 | 88 |
| 25 | ADNAN SEMPIT | AHMAD IDHAM | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | KOMEDI | 7.66 | 2010 | 61 |
| 26 | AH BENG THE MOVIE : THREE WISHES (Kantonis) | SILVER CHUNG | THE FILM ENGINE SDN. BHD. | DRAMA | 7.55 | 2012 | 100 |
| 27 | J REVOLUSI | MOHD ZULKARNAIN MOHD AZHAR | INFINITUS PROD SDN. BHD. / PRIMEWORKS STUDIOS SDN. BHD. | AKSI | 7.13 | 2017 | 59 |
| 28 | NASI LEMAK 2.0 (Mandarin) | NAMEWEE | PRODIGEE MEDIA SDN. BHD. | KOMEDI | 7.00 | 2011 | 70 |
| 29 | ADNAN SEMPIT 2 | ISMAIL BOB HASHIM | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | KOMEDI | 6.82 | 2012 | 82 |
| 30 | HIKAYAT MERONG MAHA WANGSA | YUSRY ABD HALIM | KRU STUDIOS SDN. BHD. | AKSI | 6.50 | 2011 | 67 |
| 31 | GREAT DAY (Kantonis) | CHIU KENG GUAN | WOOHOO PICTURES SDN. BHD. | DRAMA | 6.50 | 2011 | 40 |
| 32 | LAGI-LAGI SENARIO | AZIZ M. OSMAN | GRAND BRILLIANCE SDN. BHD. | KOMEDI | 6.33 | 2001 | 30 |
| 33 | GENG : PENGEMBARAAN BERMULA | MOHD NIZAM ABD RAZAK | LES' COPAQUE PRODUCTION SDN. BHD. | ANIMASI | 6.20 | 2009 | 55 |
| 34 | SEMBILU 2 | YBHG. DATO' YUSOF HASLAM | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | DRAMA | 6.10 | 1995 | 33 |

| Bil. | Judul Filem | Pengarah | Syarikat Produksi | Genre | Kutipan (RM/Juta) | Tahun | Jumlah Pawagam |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 35 | JANGAN PANDANG BELAKANG CONGKAK | AHMAD IDHAM | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | KOMEDI | 6.09 | 2009 | 58 |
| 36 | THE KID FROM THE BIG APPLE (Mandarin) | JESS TEONG | THREE PRODUCTION SDN. BHD. | DRAMA | 6.01 | 2016 | 85 |
| 37 | HUSIN, MON & JIN PAKAI TONCET | MAMAT KHALID | TAYANGAN UNGGUL SDN. BHD. | KOMEDI | 5.89 | 2013 | 71 |
| 38 | ONCE UPON A TIME (Kantonis) | SILVER CHUNG | THE FILM ENGINE SDN. BHD. | DRAMA | 5.80 | 2013 | 62 |
| 39 | JANGAN PANDANG BELAKANG | AHMAD IDHAM | MIG PRODUCTION SDN. BHD. | SERAM | 5.78 | 2007 | 40 |
| 40 | EVOLUSI KL DRIFT 2 | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | AKSI | 5.67 | 2010 | 65 |
| 41 | ROCK BRO ! KEMBALI KE PANGKAL JALAN | MAMAT KHALID | PRIMEWORKS STUDIO SDN. BHD. | KOMEDI | 5.39 | 2016 | 68 |
| 42 | THINK BIG BIG (MANDARIN) | CHIU KENG GUAN | ASTRO SHAW / GOLDEN SCREEN CINEMAS / MULTIMEDIA ENTERTAINMENT / MM2 ENTERTAINMENT | DRAMA | 5.30 | 2018 | 70 |
| 43 | CICAK MAN | YUSRY ABD HALIM | KRU STUDIOS SDN. BHD. | AKSI | 5.15 | 2006 | 34 |
| 44 | JALAN KEMBALI : BOHSIA 2 | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. / GRAND BRILLIANCE SDN. BHD. | AKSI | 4.99 | 2012 | 80 |
| 45 | KL GANGSTER 2 | SYAMSUL YUSOF | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. / GRAND BRILLIANCE SDN. BHD. | AKSI | 4.96 | 2013 | 101 |
| 46 | NUR KASIH THE MOVIE | KABIR BHATIA | PRIMEWORKS STUDIO SDN. BHD. | DRAMA | 4.93 | 2011 | 61 |
| 47 | UPIN & IPIN JENG, JENG, JENG | HAJAH AINON ARIF / ERMA FATIMA | LES' COPAQUE PRODUCTION SDN. BHD./ KRU STUDIOS SDN. BHD. | ANIMASI | 4.90 | 2016 | 73 |
| 48 | MAEL LAMBONG | AHMAD IDHAM | EXCELLENT PICTURES SDN. BHD. | AKSI | 4.89 | 2012 | 77 |
| 49 | LEE CHONG WEI - RISE OF THE LEGEND (Mandarin) | TENG BEE | CB PICTURES SDN. BHD. | DRAMA | 4.75 | 2018 | 70 |
| 50 | MARIA MARIANA | YBHG. DATO' YUSOF HASLAM | SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD. | DRAMA | 4.72 | 1996 | 36 |

## Senarai Pawagam 2018

| Senarai Pawagam | Skrin | Tempat Duduk |
|---|---|---|
| **JOHOR** | | |
| TGV AEON Tebrau | 10 | 2,114 |
| TGV AEON Bukit Indah, Johor Bahru | 9 | 1,698 |
| TGV AEON KulaiJaya | 5 | 1,213 |
| GSC Paradigm Mall, Johor Bahru | 16 | 2,107 |
| MBO Kluang Mall | 6 | 963 |
| MBO Cinemas Square One, Batu Pahat | 8 | 1,217 |
| MBO Cinemas U Mall, Skudai | 5 | 606 |
| MBO KSL City Mall, Johor Bahru | 8 | 1,328 |
| MBO Heritage Mall, Kota Tinggi | 7 | 1,036 |
| MMCineplexes City Square, Johor Bahru | 10 | 2,230 |
| MMCineplexes IOI Mall, Kulai Jaya | 6 | 920 |
| MMCineplexes 1Segamat Shopping Complex | 8 | 1,703 |
| Super Star Cinema Ulu Tiram Mall | 8 | 1,373 |
| Super Star Cinema Bandar Seri Alam, Masai | 4 | 543 |
| KPI Broadway Theatre, Johor Bahru | 1 | 244 |
| KPI Kompleks Perling Mall, Johor Bahru | 2 | 582 |
| LFS Plaza Tasek Cineplex, Skudai | 3 | 649 |
| LFS Skudai Parade, Johor Bahru | 4 | 1,088 |
| Paragon Cinemas Batu Pahat Mall | 7 | 1,060 |
| Suara Screen Cinema, Pasir Gudang | 2 | 260 |
| **MELAKA** | | |
| GSC Dataran Pahlawan | 10 | 2,004 |
| GSC AEON Bandaraya Melaka | 10 | 1,773 |
| MBO Cinemas Melaka Mall, Ayer Keroh | 7 | 1,212 |
| MBO Elements Mall, Taman Melaka Raya | 10 | 1,584 |
| MMCineplexes Mahkota Parade | 4 | 645 |
| Suara Screen, Soon Seng Plaza, Jln Hang Tuah | 2 | 159 |
| **NEGERI SEMBILAN** | | |
| TGV AEON Seremban 2 | 7 | 1,219 |
| GSC Terminal One, Seremban | 4 | 1,086 |
| GSC Palm Mall Seremban, Kemayan Square | 10 | 1,659 |
| MBO Cinemas Terminal 2, Seremban | 6 | 771 |
| MMCineplexes Bahau Cineplex | 6 | 1,036 |
| LFS Perdana KM Plaza, Seremban | 1 | 268 |
| **SELANGOR** | | |
| TGV Bukit Raja, Klang | 8 | 1,438 |

| Senarai Pawagam | Skrin | Tempat Duduk |
|---|---|---|
| TGV The Mines, Seri Kembangan | 5 | 1,024 |
| TGV Bukit Tinggi, Klang | 10 | 1,925 |
| TGV Sunway Pyramid, Bandar Sunway | 11 | 1,634 |
| TGV AEON Persiaran Anggun, Rawang | 8 | 1,301 |
| TGV Setia Walk, Puchong | 9 | 1,685 |
| TGV One Utama, Petaling Jaya | 9 | 1,671 |
| TGV Encorp Strand Mall, Kota Damansara | 8 | 1,054 |
| TGV Jaya Shopping Centre, Petaling Jaya | 8 | 993 |
| TGV DPulze, Cyberjaya | 8 | 1,118 |
| GSC Summit USJ | 7 | 1,251 |
| GSC One Utama, Petaling Jaya | 13 | 2,168 |
| GSC IOI Mall Puchong | 9 | 2,402 |
| GSC 3 Damansara (Tropicana City Mall), PJ | 8 | 1,465 |
| GSC Setia City Mall, Shah Alam | 9 | 1,570 |
| GSC Paradigm Mall, Petaling Jaya | 9 | 1,566 |
| GSC Klang Parade | 8 | 1,323 |
| LFS Capitol Selayang | 3 | 754 |
| LFS State Cineplex | 2 | 362 |
| LFS Kajang Cineplex | 4 | 875 |
| LFS Sri Intan, Klang | 4 | 539 |
| LFS Sun Cineplex, Rawang | 1 | 397 |
| MMCineplexes 1Plaza, Kuala Selangor | 5 | 733 |
| MMCineplexes Shaw Centre Point, Klang | 4 | 875 |
| MBO Cinemas Harbour Place, Port Klang | 11 | 1,288 |
| MBO Cinemas Subang Parade | 8 | 1,368 |
| MBO Space U8 Mall, Shah Alam | 7 | 1,401 |
| MBO Citta Mall, Petaling Jaya | 9 | 1,617 |
| MBO Starling Mall, Petaling Jaya | 10 | 1,457 |
| Premium-X Cinemas, One City Mall, PJ | 12 | 1,056 |
| TSR Cinemax, IRDKL Mall, Shah Alam | 8 | 1,251 |
| Amerin Cineplex, Amerin Mall, Seri Kembangan | 8 | 1,062 |
| MY Cinema Banting | 4 | 1,000 |
| WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | | |
| TGV Suria KLCC, Kuala Lumpur | 12 | 2,459 |
| TGV AEON, Cheras Selatan | 8 | 1,333 |
| TGV AEON Metro Prima, Kepong | 6 | 1,342 |
| TGV Wangsa Walk Mall, Wangsa Maju | 9 | 1,628 |
| TGV 1Shamelin Shopping Mall, Tmn Shamelin Perkasa | 8 | 1,693 |
| TGV Cheras Sentral, Cheras | 8 | 1,243 |

| Senarai Pawagam | Skrin | Tempat Duduk |
|---|---|---|
| TGV AEON AU2, Taman Keramat | 6 | 1,266 |
| TGV Sunway Putra, Jalan Putra | 6 | 1,057 |
| TGV Sunway Velocity Mall, Maluri | 9 | 1,638 |
| GSC Midvalley Shopping Centre | 18 | 2,345 |
| GSC Cheras Leisure Mall | 4 | 1,423 |
| GSC Pavillion Bukit Bintang | 13 | 1,888 |
| GSC Signature, The Garden, Midvalley | 7 | 570 |
| GSC Berjaya Times Square | 10 | 2,125 |
| GSC Quill City Mall, Jln Sultan Ismail | 10 | 1,751 |
| GSC NU Sentral, Jalan Tun Sambanthan | 11 | 1,783 |
| GSC MyTown Shopping Centre, Jln. Cochrane | 13 | 1,800 |
| GSC Melawati Mall, Taman Melawati | 10 | 1,424 |
| MMCineplexes @ E-Curve, Damansara | 12 | 1,968 |
| MBO Cinemas Desa Petaling | 5 | 620 |
| MBO Kepong Village Mall | 7 | 1,078 |
| MBO KL Festival City, Setapak | 7 | 1,107 |
| MBO Brem Mall, Kepong | 12 | 1,810 |
| LFS Coliseum, Jln TAR | 2 | 474 |
| Pandan Capital, Pandan Indah | 2 | 527 |
| One Cinemas, Spectrum Ampang | 6 | 777 |
| Federal Cinema, Jalan Raja Laut | 2 | 900 |
| **WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA** | | |
| GSC Alamanda, Putrajaya | 8 | 1,388 |
| GSC IOI City Mall, Putrajaya | 13 | 2,145 |
| **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** | | |
| Perdana Cineplex, Labuan | 1 | 90 |
| **PERAK** | | |
| TGV Kinta City Shopping Centre | 6 | 1,176 |
| TGV Station 18, AEON Ipoh | 8 | 1,582 |
| TGV AEON Seri Manjung | 5 | 1,210 |
| TGV AEON Taiping | 7 | 1,370 |
| TGV AEON Klebang, Ipoh | 7 | 1,270 |
| GSC Ipoh Parade | 3 | 803 |
| MBO Taiping Sentral | 7 | 1,206 |
| MBO Teluk Intan | 3 | 450 |
| MBO AEON BIG Falim, Ipoh | 8 | 1,164 |
| MMCineplexes Kampar | 6 | 846 |
| MMCineplexes Seri Iskandar, Seri Iskandar Business Centre | 7 | 1,349 |
| MMCineplexes Kerian Sentral Mall, Parit Buntar | 8 | 1,183 |

| Senarai Pawagam | Skrin | Tempat Duduk |
|---|---|---|
| LFS Sitiawan | 4 | 812 |
| LFS Seri Kinta | 4 | 651 |
| MY Cinema, Teluk Intan | 1 | 298 |
| MY Cinema Bagan Serai, Ipoh | 1 | 280 |
| Paragon Cinemas, Taiping Mall, Taiping | 8 | 1,212 |
| PULAU PINANG | | |
| TGV 1st Avenue, Georgetown | 8 | 1,310 |
| TGV Gurney Paragon, Persiaran Gurney | 9 | 1,298 |
| TGV AEON Alma, Bukit Mertajam | 7 | 820 |
| GSC Plaza Gurney, Georgetown | 12 | 1,833 |
| GSC Queens Bay Mall, Bayan Lepas | 8 | 1,512 |
| GSC Sunway Carnival | 8 | 1,482 |
| MMCineplexes Bukit Jambul | 6 | 1,167 |
| MMCineplexes Prangin Mall, Georgetown | 8 | 1,490 |
| LFS Cinemas Butterworth | 4 | 926 |
| MM2 Screen Prai, Penang | 6 | 1,467 |
| MM2 Screen Sunshine Bertam Shopping Mall, Kepala Batas | 4 | 756 |
| KEDAH | | |
| GSC Amanjaya Mall, Sg. Petani | 8 | 1,306 |
| GSC Aman Central, Alor Setar | 10 | 1,599 |
| MBO Kulim Landmark | 6 | 1,108 |
| MBO Square Shopping Centre, Sg. Petani | 8 | 1,159 |
| Jitra Mall Cineplex, Jitra | 4 | 546 |
| MM2 Screen Langkawi | 3 | 535 |
| Grand Cineplex, Legenda Village Mall, Sg. Petani | 4 | 680 |
| MMCineplexes Riverfront City, Sungai Petani | 9 | 1,195 |
| Paragon Cinemas, Alor Setar | 6 | 867 |
| PAHANG | | |
| GSC East Coast Mall | 9 | 1,621 |
| GSC Berjaya Megamall, Kuantan | 5 | 948 |
| GSC Mentakab Star Mall, Mentakab | 6 | 1,093 |
| MBO Kuantan City Mall | 9 | 1,344 |
| Bona Cinemas, Genting Highland | 2 | 332 |
| TERENGGANU | | |
| TGV Mesra Mall, Kerteh | 5 | 780 |
| LFS Paya Bunga Sentral, Kuala Terengganu | 11 | 1,631 |
| SARAWAK | | |
| GSC Bintang Megamall, Miri | 8 | 1,010 |

| Senarai Pawagam | Skrin | Tempat Duduk |
|---|---|---|
| TGV Permaisuri Imperial City Mall, Miri | 8 | 1,277 |
| GSC CityONE Megamall, Kuching | 10 | 1,876 |
| TGV Vivacity Megamall, Kuching | 8 | 1,196 |
| MBO Cinemas, The Spring, Kuching | 8 | 1,500 |
| MMCineplexes Riverside, Kuching | 4 | 585 |
| MMCineplexes Summer Mall, Kota Samarahan | 12 | 2,038 |
| King's Trioplex, Sibu | 3 | 950 |
| **SABAH** | | |
| GSC One Borneo, K. Kinabalu | 8 | 1,502 |
| GSC Suria, Kota Kinabalu | 8 | 1,465 |
| MBO Imago Mall, Kota Kinabalu | 8 | 1,038 |
| LFS Sandakan Harbour Square, Sandakan | 7 | 1,015 |
| Growball Cinemax, Centrepoint | 8 | 1,745 |
| Megalong Cineplex, Kota Kinabalu | 4 | 615 |
| Eastern Cineplex, Tawau | 6 | 784 |
| City Cineplex, City Mall, Kota Kinabalu | 6 | 833 |
| Ocean Cinema, Keningau Mall, Keningau | 2 | 190 |
| **JUMLAH** | **1,094** | **186,911** |

| Maklumat Pawagam 2018 | |
|---|---|
| Jumlah Pawagam | 156 |
| Jumlah Skrin | 1,094 |
| Jumlah Tempat Duduk | 186,911 |

## Senarai Kutipan Tertinggi *(Box Office)* Filem Tempatan Tahun 2018

| Bil | Judul Filem | Kutipan (RM/Juta) | Tahun |
|---|---|---|---|
| 1. | Munafik 2 | 37.74 | 2018 |
| 2. | Hantu Kak Limah | 36.23 | 2018 |
| 3. | Paskal ** | 28.98 | 2018 |
| 4. | Polis Evo 2 | 15.91 | 2018 |
| 5. | KL Special Force | 12.22 | 2018 |
| 6. | Dukun | 10.00 | 2018 |
| 7. | Think Big Big (Mandarin) ** | 5.30 | 2018 |
| 8. | Lee Chong Wei (Rise of the Legend) | 4.75 | 2018 |
| 9. | Pulang | 2.27 | 2018 |
| 10. | Vedigundu Pasangge (Tamil) | 1.33 | 2018 |

## Kutipan Tertinggi *(Box Office)* Filem Tempatan Tahun 2018 (RM / JUTA)

Munafik 2

**RM 37.74juta**




Hantu Kak Limah

**RM 36.23juta**




Paskal **

**RM 28.98juta**




Polis Evo 2

**RM 15.91juta**




KL Special Force

**RM 12.22juta**




Dukun

**RM 10.00juta**




Think Big Big (Mandarin) **

**RM 5.30juta**



Lee Chong Wei
(Rise of The Legend)

**RM 4.75juta**




Pulang

**RM 2.27juta**




Vedigundu Pasangge (Tamil)

**RM 1.33juta**





# BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

# Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

## Objektif Bahagian / Unit

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan berfungsi bagi mengawal selia aktiviti perfileman melalui usaha memelihara dan memajukan industri perfileman negara berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) dan perundangan-perundangan kecil di bawahnya.

## Fungsi Bahagian / Unit

i. Menerima, memproses dan mengeluarkan lesen pengeluaran filem, pengedaran filem dan pameran filem kepada penggiat filem;
ii. Menyemak dan meluluskan permohonan Surat Perakuan Penggambaran (SPP), Bayaran Filem Import/ Bayaran Filem Import pukal, Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA);
iii. Meluluskan permohonan tuntutan balik deposit lesen;
iv. Menyemak lucuthak deposit lesen;
v. Mengawalselia, menyelaras, memantau dan menguatkuasakan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) berhubung aktiviti-aktiviti pengeluaran ;
vi. Menjalankan kuasa di bawah Bahagian VA Akta 244;
vii. Menerima aduan awam berkaitan dengan kegiatan perfileman;
viii. Menerima aduan daripada pengguna berkaitan dengan kegiatan perfileman;
ix. Menjalankan risikan, pemeriksaan dan siasatan di lokasi dan premis yang menjalankan kegiatan perfileman;
x. Memantau penayangan filem yang dibawah Peraturan Skim Wajib Tayang;
xi. Menguruskan tatacara pendakwaan di mahkamah; dan
xii. Memantau permohonan Surat Perakuan Penggambaran (SPP), Bayaran Filem Import, Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM), Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan pemantauan penggambaran di bawah Pemohonan Bagi Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).

## Jumlah Bajet Diluluskan 2018

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan menerima bajet berjumlah RM1.4 juta bagi mengurus tugas pelesenan dan penguatkuasaan.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
| --- |
| RM1.4 juta |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian/ Unit 2018

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Lesen Baharu | 735 | 679 |
| 2. | Lesen Pembaharuan | 5,775 | 5,834 |
| 3. | Bayaran Filem (Judul/ Jumlah Bayaran) | 4,200 judul<br>RM1,100,000 | 4,192 judul<br>RM1,284,282 |
| 4. | Surat Perakuan Penggambaran (SPP) | 756 | 888 |
| 5. | Surat Akuan Filem Buatan Malaysia (MIM) | 1,680 | 1,841 |
| 6. | Surat Sokongan Pekerja Filem Asing (PFA) | 420 | 416 |
| 7. | Lucuthak Deposit Lesen | RM1,000,000 | RM1,600,000 |
| 8. | Pemeriksaan Lesen | 1,800 | 2,801 |
| 9. | Tindakan Kes | 81 | 123 |
| 10. | Pemantauan Penggambaran Filem (SPP) | 60 | 79 |
| 11. | Pemantauan Pekerja Filem Asing (PFA) | 60 | 79 |
| 12. | Pemantauan Skim Wajib Tayang (SWT) | 350 | 310 |
| 13. | Mengkompaun Kesalahan (Jumlah Saman/ Nilai Kompaun) | 75<br>RM35,000 | 67<br>RM44,950 |
| 14. | Lelong (RM) | RM7,000 | - |

## Laporan Aktiviti dan Pencapaian 2018

Pengeluaran Lesen Aktiviti Pelesenan

Perbadanan mengeluarkan tiga jenis lesen kepada industri perfileman iaitu:

(i) Lesen Pengeluaran Filem/ Video
(ii) Lesen Pengedaran Filem/ Video
(iii) Lesen Pemameran Filem/ Video

Lesen Pengeluaran Filem/Video merupakan segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluar atau memproses filem atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.

Lesen Pengedaran Filem/ Video merujuk kepada aktiviti menyewa dan meminjamkan filem-filem untuk keuntungan atau selainnya, mengimport dan mengedarkan filem-filem yang dikeluarkan di luar negeri dan mengedarkan filem yang dikeluarkan di dalam negeri.

Lesen Pemameran Filem/Video adalah aktiviti penayangan filem yang dilihat orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai. Keseluruhan lesen yang dikeluarkan pada tahun 2018 merangkumi lesen baharu dan pembaharuan lesen adalah sebanyak 6,513 lesen seperti perincian berikut:

(a) **Lesen Pengeluaran:**

- Lesen Pengeluaran Filem (PF) - 1,410 lesen
- Lesen Pengeluaran Video (PV) - 30 lesen

(b) **Lesen Pengedaran:**

- Lesen Pengedaran Filem (DF) - 1,116 lesen
- Lesen Pengeluaran Video (DV) - 1,106 lesen

(c) **Lesen Pemameran:**

- Lesen Pemameran Filem (EF) - 1,202 lesen
- Lesen Pemameran Video (EV) - 1,649 lesen

Berdasarkan jumlah lesen yang dikeluarkan, hasil kutipan lesen pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,317,900 seperti di Jadual 2.

## Bayaran Filem (Akuan Pengimportan Filem)

Seksyen 24A Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 mensyaratkan pemegang lesen pengedaran yang menjalankan aktiviti pengimportan filem perlu mengemukakan akuan pengimportan filem dan membuat bayaran filem mengikut kadar yang telah ditetapkan sebelum membuat edaran. Pengimportan filem bagi tahun 2018 adalah sebanyak 4,192 permohonan dengan hasil bayaran filem berjumlah RM1,284,282 seperti di Jadual 3.

## Surat Perakuan Penggambaran (SPP)

Surat Perakuan Penggambaran Filem (SPP) merupakan sijil yang dikeluarkan oleh Perbadanan kepada penerbit. Sijil ini adalah salah satu syarat dalam Syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem. Permohonan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum penggambaran bermula. Pada tahun 2018, pengeluaran SPP adalah sebanyak 887 permohonan dengan kos produksi sebanyak RM469.91 juta. Maklumat SPP pada tahun 2018 adalah berdasarkan kepada pecahan kategori dan kos produksi seperti di Jadual 4.

## Surat Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM)

Surat Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia atau MIM merupakan perakuan yang diperlukan oleh penerbit filem iklan sebelum sesuatu iklan disiarkan oleh badan penyiar termasuk dalam Syarat Tambahan Lesen Pengeluaran Filem.

Pengeluaran Sijil MIM bagi tahun 2018 adalah sebanyak 1,841 permohonan dengan kos produksi berjumlah RM169,276,048. Manakala hasil MIM bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM184,100 seperti Jadual 5.

## Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing atau PFA merupakan satu dokumen yang diperlukan oleh penerbit filem sebelum membawa masuk pekerja filem asing untuk terlibat dalam industri perfileman negara. Permohonan PFA ini memerlukan pertimbangan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum dibenarkan untuk bergiat di Malaysia.

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 416 surat sokongan pekerja filem asing telah dikeluarkan pada tahun 2018. Khidmat tenaga pekerja asing yang paling ramai adalah dari India iaitu seramai 65 orang, diikuti Singapura seramai 65 orang dan China seramai 41 orang. Manakala seramai 137 orang yang terdiri dari tenaga kerja dalam kalangan Artis/ Model/ Pelakon/ Peserta/ Pengubah Lagu/ Penari/ Penyanyi/ Host telah memohon PFA bagi tahun 2018.

Pengeluaran surat sokongan kemasukan pekerja filem asing mengikut negeri dan kategori tenaga kerja seperti di Jadual 6 dan Jadual 7.

## Lucut Hak Deposit Lesen

Deposit yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dianggap terlucuthak kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Perbadanan. Pada tahun 2018, sebanyak 961 lesen telah dilucuthak dengan nilai RM1,600,000 (P.U (B) 364/2018).

Jadual 1 : Pengeluaran Lesen pada tahun 2018

| Kategori Lesen | Lesen Baharu | Pembaharuan Lesen | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Pengeluaran Filem (PF) | 176 | 1,234 | 1,410 |
| Pengeluaran Video (PV) | - | 30 | 30 |
| Pengedaran Filem (DF) | 134 | 982 | 1,116 |
| Pengedaran Video (DV) | 51 | 1,055 | 1,106 |
| Pemameran Filem (EF) | 37 | 1,165 | 1,202 |
| Pemameran Video (EV) | 281 | 1,368 | 1,649 |
| **Jumlah** | **679** | **5,834** | **6,513** |

Jadual 2: Kutipan Hasil Lesen Mengikut Kategori Lesen

| Kategori Lesen | Lesen Baharu | Pembaharuan Lesen | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Pengeluaran Filem (PF) | 17,600 | 123,400 | 150,100 |
| Pengeluaran Video (PV) | - | 3,000 | 3,000 |
| Pengedaran Filem (DF) | 53,600 | 392,800 | 488,400 |
| Pengedaran Video (DV) | 20,400 | 422,000 | 567,200 |
| Pemameran Filem (EF) | 3,700 | 116,500 | 124,900 |
| Pemameran Video (EV) | 28,100 | 136,800 | 166,100 |
| **Jumlah** | **123,400** | **1,194,500** | **1,317,900** |

Jadual 3 : Pengimportan Filem Tahun 2018

| Bulan | Judul | Bayaran (RM) |
|---|---|---|
| Januari | 283 | 98,872 |
| Februari | 316 | 76,884 |
| Mac | 277 | 70,970 |
| April | 262 | 64,720 |
| Mei | 339 | 49,968 |
| Jun | 314 | 124,114 |
| Julai | 296 | 134,348 |
| Ogos | 316 | 67,126 |
| September | 300 | 81,873 |
| Oktober | 384 | 131,449 |
| November | 280 | 133,130 |
| Disember | 825 | 250,828 |
| **Jumlah** | **4,192** | **1,284,282** |

Jadual 4: Pengeluaran Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) dan Kos Produksi Mengikut Kategori

| Jenis Kategori | 2018 | |
|---|---|---|
| | BIL. SPP | Kos Produksi (RM /Juta) |
| Program TV | 264 | 134.78 |
| Dokumentari | 53 | 12.6 |
| Promosi | 11 | 0.79 |
| Cereka TV | 201 | 21.08 |
| Temu Bual | 29 | 28.02 |
| Animasi | 6 | 27.64 |
| Drama TV | 138 | 80.41 |
| Realiti TV | 28 | 13.52 |
| Game Show | 6 | 0.87 |
| Cereka Pawagam | 84 | 142.8 |
| Video Korporat | 11 | 1.55 |
| Cereka VCD | 4 | 0.32 |
| Cereka Pendek | 38 | 3.07 |
| Muzikal | 12 | 2.30 |
| Pendidikan | 2 | 0.16 |
| **Jumlah** | **887** | **469.91** |

Jadual 5 : Pengeluaran Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM)

| Bulan | Jumlah Mim | Anggaran Kos Produksi (RM) | Hasil MIM (RM) |
|---|---|---|---|
| Januari | 154 | 10,475,285 | 15,400 |
| Februari | 117 | 8,138,425 | 11,700 |
| Mac | 158 | 8,224,900 | 15,800 |
| April | 192 | 13,206,020 | 19,200 |
| Mei | 290 | 23,624,093 | 29,000 |
| Jun | 116 | 29,750,643 | 11,600 |
| Julai | 124 | 20,877,848 | 12,400 |
| Ogos | 170 | 12,462,319 | 17,000 |
| September | 141 | 8,828,627 | 14,100 |
| Oktober | 139 | 11,288,483 | 13,900 |
| November | 114 | 14,282,426 | 11,400 |
| Disember | 1126 | 8,116,979 | 12,600 |
| **Jumlah** | **1,841** | **169,276,048** | **184,100** |

Jadual 6 : Pengeluaran Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

| Bil. | Negara Asal | 2017 | Bil. | Negara Asal | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Amerika Syarikat | 14 | 20 | Korea | 18 |
| 2 | Africa | 10 | 21 | Kanada | 5 |
| 3 | Australia | 13 | 22 | Mesir | 1 |
| 4 | Argentina | 1 | 23 | New Zealand | 3 |
| 5 | Albania | 1 | 24 | Poland | 7 |
| 6 | Brazil | 3 | 25 | Perancis | 3 |
| 7 | Bangladesh | 2 | 26 | Pakistan | 8 |
| 8 | Britain | 5 | 27 | Singapura | 58 |
| 9 | Brunei | 5 | 28 | Sepanyol | 1 |
| 10 | China | 41 | 29 | Nepal | 1 |
| 11 | Belanda | 1 | 30 | Taiwan | 9 |
| 12 | Filipina | 4 | 31 | Russia | 1 |
| 13 | Germany | 1 | 32 | Ukraine | 1 |
| 14 | Hong Kong | 33 | 33 | United Kingdom | 9 |
| 15 | India | 65 | 34 | Nigeria | 1 |
| 16 | Indonesia | 36 | 35 | Thailand | 9 |
| 17 | Ireland | 1 | 36 | Vietnam | 1 |
| 18 | Netherlands | 4 | 37 | Uzbekistan | 4 |
| 19 | Jepun | 24 | 38 | Sweden | 2 |
| | | | | **Jumlah** | **416** |

Jadual 7: Pengeluaran Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) Mengikut Kategori Tenaga Kerja Bagi Tahun 2017

| Bil. | Kategori Kepakaran | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Pengarah Filem/Pengarah Eksekutif/Pengarah Teknikal | 81 |
| 2 | Pengarah Fotografi/Dop/Lakon Layar | 48 |
| 3 | Pengarah Seni/Pengarah Kreatif/Pengarah Muzik | 7 |
| 4 | Penulis Skrip | 3 |
| 5 | Penolong Pengarah/Penolong *Dop* | 20 |
| 6 | Pengurus Produksi/Pereka Produksi/Penyelaras Produksi/*Casting*/ Lokasi/ *Videographer* | 7 |
| 7 | Artis/Model/Pelakon/Peserta/Pengubah Lagu/Penari/Penyanyi/*Host* | 137 |
| 8 | Ketua Penyunting/Kontinuiti | 17 |
| 9 | Pelakon Lagak Ngeri | 12 |
| 10 | Juru Audio/Penata Bunyi | 6 |
| 11 | Jurukamera/Jurugambar/*Technician* | 21 |

| Bil. | Kategori Kepakaran | Jumlah |
|---|---|---|
| 12 | Pengarah Juru Cahaya/Juru Cahaya/Juru Lampu | 4 |
| 13 | Pereka Seni/Pereka Animasi/Pereka Set | 6 |
| 14 | *Wardrobe/Hair Stylist/Make Up Artist/Food Stylist* | 17 |
| 15 | *Compositor/3d Animation/CGI* | 3 |
| 16 | Pegawai Dagang | 16 |
| 17 | *Rigging/Focus Puller* | 4 |
| 18 | Krew | 7 |
| | **Jumlah** | **416** |

Jadual 8: Hasil Pelesenan Bagi Tahun 2017

| Bil. | Aktiviti | Hasil Kutipan (RM) |
|---|---|---|
| **1.** | **Pengeluaran Lesen** | |
| | Lesen Baru (LB) | 679 |
| | **Hasil Kutipan** | **123,400** |
| | Pembaharuan Lesen (PL) | 5,834 |
| | **Hasil Kutipan** | **1,194,500** |
| | Jumlah Pengeluaran Lesen (LB + PL) | 6,513 |
| | **Hasil Kutipan** | **1,317,900** |
| **2.** | **Bayaran Filem** | |
| | Jumlah Filem Import | 4,192 |
| | **Hasil Kutipan** | **1,284,282** |
| 3. | Sijil Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM) | |
| | Bilangan MIM | 1,841 |
| | **Hasil Kutipan** | **184,100** |
| **4.** | **Sijil Perakuan Penggambaran Filem (SPP)** | |
| | Bilangan SPP | 888 |
| | **Hasil Kutipan** | **44,400** |
| **5.** | **Lucut Hak Deposit** | **1,600,000** |
| | **Jumlah** | **4,430,682** |

## Unit Penguatkuasaan

Tugas penguatkuasaan, pemeriksaan dan pemantauan ini dilaksanakan di bawah seliaan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan. Kawasan seliaan ibu pejabat meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak Selatan. Zon Selatan meliputi negeri Johor dan Melaka. Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan di bawah seliaan Pejabat Zon Timur, manakala Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak Utara di bawah seliaan Pejabat Zon Utara. Pejabat Cawangan Sabah meliputi keseluruhan negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan, manakala seluruh negeri Sarawak di bawah seliaan Pejabat Pelesenan dan Penguatkuasaan Cawangan Sarawak.

## Pemeriksaan Lesen

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 2,856 aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan yang merangkumi pemeriksaan lawatan, amaran dan kes.

Pemeriksaan dilakukan bagi memastikan semua penglibat dan pengusaha perfileman di negara ini mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perbadanan. Aktiviti pemameran filem mendahului senarai pemeriksaan lesen iaitu sebanyak 1140 pemeriksaan, diikuti 498 pemeriksaan bagi aktiviti pengedaran dan 114 pemeriksaan bagi aktiviti pengeluaran. Tumpuan adalah terhadap aktiviti pemameran filem iaitu pawagam dan pusat karaoke.

Keseluruhannya, Johor telah mencatat jumlah pemeriksaan tertinggi iaitu 336 pemeriksaan diikuti oleh Selangor sebanyak 218 pemeriksaan dan Sabah 205 pemeriksaan (Jadual 9).

## Amaran

Sebanyak 982 buah premis telah dikeluarkan surat amaran atas pelbagai kesalahan. Sebanyak 753 surat amaran telah dikeluarkan bagi aktiviti pameran iaitu kebanyakannya bagi aktiviti pemeran karaoke, manakala bagi aktiviti pengedaran pula sebanyak 227 surat amaran telah dikeluarkan dan hanya 2 buah premis diberi amaran bagi aktiviti pengeluaran. Negeri yang mencatatkan jumlah amaran tertinggi ialah Sarawak iaitu sebanyak 286 premis diikuti Johor sebanyak 235 premis dan 165 premis di Sabah (Jadual 9).

## Tindakan Kes

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 122 kes telah diambil atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 244 dan Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Dari jumlah berkenaan, 40 kes melibatkan pelanggaran Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional malaysia 1981, manakala 82 kes lagi kerana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1983 (Perlesenan) 1985 (Jadual 10).

Selangor mencatatkan jumlah kes terbanyak iaitu sebanyak 42 kes diikuti Kuala Lumpur sebanyak 27 kes. Sabah dan Sarawak masing-masing mencatat 16 kes. Tiada kes dicatatkan di Putrajaya, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perlis.

Dari jumlah keseluruhan 122 kes, 56 kes telah dikenakan tindakan rampasan. Dari segi jumlah nilaian rampasan pula, dianggarkan sebanyak RM87,625.00. Jumlah nilaian rampasan terbanyak ialah negeri Sarawak iaitu RM40,500.00 diikuti negeri Sabah RM15,000.00, dan Johor RM13,505.00 (Jadual 11).

## Bayaran Kompaun Dan Hukuman Mahkamah

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 64 kes telah dikompaun atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 dengan jumlah kutipan sebanyak RM43,550.00. Sebanyak 4 kes telah dibawa ke Mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM6,500.00. (Jadual 12).

## Pemantauan Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

Selain tugas-tugas penguatkuasaan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981, Unit Penguatkuasaan juga terlibat dalam pemantauan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara. Pemantauan ini diadakan bersama-sama Jawatankuasa Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara. Sebanyak 13 pemantauan telah dijalankan sepanjang tahun 2018 di seluruh negara.

Jadual 9 : Pecahan Tugas Penguatkuasaan Mengikut Negeri 2018

| Aktiviti | Pemeriksaan/ Lawatan | | | | Amaran | | | | Kes | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Negeri | P | D | E | Jumlah | P | D | E | Jumlah | P | D | | E | SPP | Jumlah | |
| | | | | | | | | | | PR | KT | | | | |
| Johor | 6 | 145 | 185 | 336 | 2 | 59 | 174 | 235 | | 5 | 6 | | 1 | 12 | 583 |
| Melaka | | 35 | 34 | 69 | | 5 | 38 | 43 | | 1 | | 1 | | 2 | 114 |
| N. Sembilan | 2 | 17 | 64 | 83 | | 4 | 12 | 16 | | | 1 | | | 1 | 100 |
| Selangor | 40 | 33 | 145 | 218 | | 14 | 25 | 39 | | | 2 | | 40 | 42 | 299 |
| Kuala Lumpur | 42 | 10 | 118 | 170 | | | 25 | 25 | | | 1 | | 26 | 27 | 222 |
| Putrajaya | | 1 | 10 | 11 | | | | 0 | | | | | | 0 | 11 |
| Perak | 3 | 18 | 58 | 79 | | 6 | 24 | 30 | | 2 | | | | 2 | 111 |
| Pahang | 11 | 60 | 52 | 123 | | 17 | | 17 | | | | | | 0 | 140 |
| Terengganu | 4 | 32 | 19 | 55 | | 9 | | 9 | | | | | | 0 | 64 |
| Kelantan | 2 | 4 | | 6 | | 1 | | 1 | | | | | | 0 | 7 |
| Pulau Pinang | 1 | 5 | 116 | 122 | | 17 | 51 | 68 | | | | 3 | | 3 | 193 |
| Kedah | 2 | 13 | 51 | 66 | | 8 | 35 | 43 | | | 1 | | | 1 | 110 |
| Perlis | | 2 | 8 | 10 | | | 5 | 5 | | | | | | 0 | 15 |
| Sabah | | 50 | 155 | 205 | | 23 | 142 | 165 | | 5 | | 11 | | 16 | 386 |
| Sarawak | 1 | 73 | 125 | 199 | | 64 | 222 | 286 | | 15 | 1 | | | 16 | 501 |
| **Jumlah** | **114** | **498** | **1140** | **1752** | **2** | **227** | **753** | **982** | **0** | **28** | **12** | **15** | **67** | **122** | **2,856** |

**** P = Pengeluaran D = Pengedaran E = Pemameran PR = Premis KT = Kaunter SPP = Surat Perakuan Penggambaran*

Jadual 10 : Bilangan Kes dan Jenis Kesalahan Tahun 2018

| Tahun | Bil. Kes | Aktiviti | | | | Kesalahan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | P | D | E | SPP | Melanggar Seksyen 22 (1) Akta 244 | Melanggar Peraturan-Peraturan dan Syarat-syarat Tambahan |
| 2018 | 122 | 0 | 40 | 15 | 67 | 40 | 82 |

*P = Pengeluaran D = Pengedaran E = Pemameran PR = Premis KT = Kaunter SPP = Surat Perakuan Penggambaran*

Jadual 11: Bilangan Kes dan Anggaran Nilaian Rampasan Tahun 2018

| Bil. | Negeri | Bil. Kes | Anggaran Nilai (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Johor | 12 | 13,505.00 |
| 2. | Melaka | 2 | 100.00 |
| 3. | Negeri Sembilan | 1 | 2,120.00 |
| 4. | Selangor | 2 | 3,325.00 |
| 5. | Kuala Lumpur | 1 | 1,175.00 |
| 6. | Putrajaya | | |
| 7. | Perak | 2 | 2,185.00 |
| 8. | Pahang | | |
| 9. | Terengganu | | |
| 10. | Kelantan | | |
| 11. | Pulau Pinang | 3 | RM8,400.00 |
| 12. | Kedah | 1 | RM1,315.00 |
| 13. | Perlis | | |
| 14. | Sabah | 16 | RM15,000.00 |
| 15. | Sarawak | 16 | RM40,500.00 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **56** | **RM87,625.00** |

Jadual 12 : Bayaran Kompaun dan Hukuman Mahkamah Tahun 2018

| Bil. | Negeri | Kompaun | | Mahkamah | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. Kes | RM | Bil. Kes | RM |
| 1 | Johor | 3 | 1,800.00 | 3 | 3,500.00 |
| 2 | Melaka | 2 | 700.00 | | |
| 3 | Negeri Sembilan | | | | |
| 4 | Selangor | 32 | 19,000.00 | | |
| 5 | Kuala Lumpur | 20 | 15,950.00 | | |
| 6 | Putrajaya | | | | |
| 7 | Perak | | | | |
| 8 | Pahang | | | | |
| 9 | Terengganu | | | | |
| 10 | Kelantan | | | | |
| 11 | Pulau Pinang | 1 | RM500.00 | | |
| 12 | Kedah | | | | |
| 13 | Perlis | | | | |
| 14 | Sabah | 2 | RM2,000.00 | | |
| 15 | Sarawak | 4 | RM3,600.00 | 1 | RM3,000.00 |
| | **Jumlah** | **64** | **RM43,550.00** | **4** | **RM6,500.00** |



# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# Unit Pentadbiran

## Pengenalan

Unit Pentadbiran merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan bersama Unit Pengurusan Sumber Manusia dan Unit Teknologi Maklumat serta sub Unit Pengurusan Aset.

Unit Pentadbiran secara amnya terbahagi kepada dua (2) iaitu di:

Ibu Pejabat FINAS Hulu Kelang & Petaling Jaya.

## Objektif

- Memberi khidmat sokongan dalam membekal bekalan / perkhidmatan / fasiliti dan kemudahan untuk keperluan dalam urus tadbir FINAS.
- Memastikan bekalan / perkhidmatan dapat memenuhi kehendak pelanggan (dalaman / luaran).
- Mengawal selia operasi perkhidmatan supaya mematuhi spesifikasi perkhidmatan / kerja.

## Fungsi

Bahagian Khidmat Pengurusan melalui Unit Pentadbiran melaksanakan fungsi seperti berikut:-

i. Penyediaan peralatan dan alat kelengkapan pejabat untuk operasi jabatan / Bahagian / Unit.
ii. Penyediaan kemudahan dan fasiliti jabatan / Bahagian / Unit.
iii. Pengurusan proses pembiayaan bil-bil utiliti jabatan.
iv. Pengurusan kenderaan jabatan untuk kegunaan rasmi pegawai / penjawat.
v. Pengurusan Aset Alih dan bekalan (inventori) jabatan.
vi. Pengurusan rekod / fail dan surat-menyurat jabatan.
vii. Pengurusan perjalanan dalam negeri dan luar negeri pegawai / penjawat / pelanggan.
viii. Pengurusan perkhidmatan keselamatan, pembersihan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan operasi organisasi.
ix. Pengurusan bilik mesyuarat, tempahan jamuan & pengurusan majlis rasmi jabatan.

## Indeks Pencapaian Prestasi Unit Pentadbiran

| Perkara | Petunjuk Prestasi Utama | Aktiviti | Sasaran | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN KESELAMATAN | Memastikan keselamatan dan kawalan dalaman premis / aset FINAS | Pemantauan tahap keselamatan berada pada tahap yang baik dan selamat | Sepanjang tahun | 100% |
| PENGURUSAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN | Memastikan kebersihan dan keceriaan kompleks FINAS Hulu Klang & Petaling Jaya | Pemantauan tahap kebersihan | Sepanjang tahun | 100% |
| PENGURUSAN ASET | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) | Mesyuarat telah diadakan pada setiap sukuan | 4 kali | 100% |
| | Pendaftaran: Memastikan Harta Modal dan Inventori didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) | Harta Modal dan Inventori telah didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA) sepanjang tahun | Sepanjang tahun | 100% |
| | Pemeriksaan: Memastikan setiap aset berada di lokasi yang ditetapkan | Urusan pemeriksaan aset telah dilaksanakan sepanjang tahun | Sepanjang tahun | 100% |
| | Pelupusan: Memastikan aset yang tidak diperlukan / digunakan dilupuskan mengikut prosedur. | Urusan pelupusan aset telah dilaksanakan sepanjang tahun aset | 1 kali | 100% |
| PENGURUSAN STOR | Pembelian: Memastikan stok alat tulis/ bekalan/ keperluan pejabat mencukupi. | Pembelian stok dilakukan mengikut sukuan | Sepanjang tahun | 100% |
| | Pengeluaran: Memastikan pengeluaran stok alat tulis/ bekalan/ mengikut keperluan. | Pengeluaran stok dilakukan mengikut keperluan / permintaan | Sepanjang tahun | 100% |
| | Pemeriksaan dan verifikasi stor | 1 kali | | 100% |
| PENGHANTARAN SURAT / POS | Penghantaran semua dokumen/ surat dihantar dengan cepat dan sempurna mengikut keutamaan | Penghantaran semua semua dokumen/ surat | Sepanjang tahun | 100% |

| Perkara | Petunjuk Prestasi Utama | Aktiviti | Sasaran | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN / PENYELENGG-ARAAN KENDERAAN | Memastikan kenderaan diselenggara mengikut prosedur | Urusan penyelenggaraan kenderaan dilaksanakan pada setiap sukuan / keperluan | Setiap sukuan | 100% |
| PENGURUSAN FAIL | Pembukaan fail baharu mengikut prosedur | Pembukaan fail baharu telah dilaksanakan mengikut keperluan | Dari semasa ke semasa | 100% |
| | Pelupusan fail tidak aktif dilupuskan mengikut prosedur | Pelupusan fail dilaksanakan pada sukuan 1 | 1 kali | 100% |
| PERHIMPUNAN FINAS & MAJLIS KERAIAN | Memastikan Perhimpunan FINAS diadakan bagi membolehkan amanat Ketua Jabatan dapat disampaikan kepada penjawat FINAS | Mengikut sukuan / keperluan | 4 | 100% |
| MESYUARAT UNIT PENTADBIRAN | Mesyuarat Unit Pentadbiran diadakan bagi memastikan kelancaran dan keberkesan fungsi unit | Diadakan mengikut sukuan dan keperluan | 3 | 100% |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) FINAS Setiap Sukuan Tahun<br>i. JKPAK Bil 01/2018<br>ii. JKPAK Bil 02/2018<br>iii. JKPAK Bil 03/2018<br>iv. JKPAK Bil 04/2018 | <br><br><br>09/04/2018<br>16/07/2018<br>11/10/2018<br>18/01/2019 | Ibu Pejabat FINAS Hulu Klang | Mesyuarat berkala 4 kali setahun |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan dan Hapuskira | 30/01/2018<br>16/03/2018<br>10/04/2018 | Ibu Pejabat FINAS Hulu Klang | Mesyuarat berkala sekurang-kurangnya sekali setahun |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Pertukaran hak milik kenderaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia kepada FINAS.<br>i. Toyota Fortuner WPN 1044 di Zon Selatan<br>ii. Toyota Fortuner WPN 1030 di Zon Timur<br>iii. Toyota Fortuner WPN 1040 di Zon Utara<br>iv. Toyota Fortuner WPN 973 di Cawangan Sabah | <br><br><br><br>18/10/2018<br><br>01/11/2018<br><br>13/11/2018<br><br>23/11/2018 | <br><br><br><br>Zon Selatan<br><br>Zon Timur<br><br>FINAS Utara<br><br>FINAS Sabah | Tujuan pendaftaran atas rekod FINAS. |
| 4. | Penerimaan 5 buah kenderaan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA).<br>i. Ford Everest WPQ 8097 (JASA Perak)<br>ii. Toyota Fortuner WRL 3457 (JASA Kedah)<br>iii. Ford Everest WPQ 8055 (JASA Kelantan)<br>iv. Toyota Hilux WXH 6149 (JASA Sarawak)<br>v. Toyota Fortuner WRL 3306 (JASA Sabah) | 15/11/2018 | KKMM | Keputusan kerajaan membubarkan JASA & kenderaan diserahkan kepada KKMM untuk keperluan jabatan / agensi |
| 5. | Perhimpunan FINAS 2018<br>Bil. 01/2018<br>Bil. 02/2018<br>Bil. 03/2018<br>Bil. 04/2018 | <br>01/03/2018<br>25/05/2018<br>23/08/2018<br>08/11/2018 | Ibu Pejabat FINAS | KPI Ketua Pengarah |
| 6. | Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Kementerian Komunikasi & Multimedia | 20/06/2018 | KKMM | Semua agensi di bawah KKMM |









Antara siri perhimpunan FINAS anjuran BKP.






Pemeriksaan kesihatan percuma dan khidmat nasihat oleh LPPKN sebagai pengisian sampingan perhimpunan FINAS.





Pemeriksaan kesihatan percuma dan khidmat nasihat oleh LPPKN sebagai pengisian sampingan perhimpunan FINAS.





BKP juga bertanggungjawab menyelia *booth* FINAS pada majlis Aidilfitri KKMM.



*Retreat* BKP bagi tujuan penambahbaikan operasi dan fungsi BKP.

## Gambar Foto Pelupusan Aset Alih Kerajaan







# Unit Teknologi Maklumat

## LAMAN WEB FINAS

**http://www.finas.gov.my**
**http://www.facebook.com/malaysiafinas**
Twitter @FinasMy
Instagram : FINASMalaysia

### Fungsi Unit Teknologi Maklumat

Antara fungsi Unit Teknologi Maklumat adalah;-

- Menjalankan kajian, perancangan, analisis dan pembangunan ke atas keperluan perkakasan dan perisian ICT baru dan tambahan.
- Merancang dan mentadbir pengurusan internet, wifi, e-mel dan perisian.
- Memantau keselamatan rangkaian, portal dan aplikasi dalam talian FINAS.
- Melaksanakan pembangunan portal.
- Merancang, memantau dan melaksanakan pembangunan sistem dan aplikasi ICT.
- Membantu dalam khidmat bantuan sistem MySPA, MyFIS dan e-Lesen.
- Mengurus operasi fasiliti Pusat Data FINAS Hulu Kelang, bilik server PJ dan CMPC.
- Menyelia kandungan di portal dan paparan digital FINAS.
- Melaksanakan kriteria pemantauan PROBE ke atas portal.
- Melaksanakan projek berkaitan perkakasan dan perisian ICT baru dan tambahan.
- Menguruskan pinjaman perkakasan ICT.
- Membantu tugas-tugas pengurusan aset ICT di FINAS.
- Menyelenggara kemudahan & perkhidmatan ICT, perisian, perkakasan dan aplikasi serta menyelesaikan masalah teknikal.

### Laman web FINAS www.finas.gov.my




Sistem Kewangan MyFIS merupakan sistem terbaru yang dibangunkan melalui kerjasama antara Bahagian Kewangan dan Unit Teknologi Maklumat. Sistem Maklumat Kewangan MyFIS FINAS telah mula diguna pakai pada Januari 2017.

Pada 11 Oktober 2018, sebanyak 70 unit aset termasuk komputer peribadi, komputer riba, pencetak dan Mac Book telah dilupuskan oleh Jawatankuasa Pelupusan Aset FINAS. Keseluruhan aset peralatan ICT yang dilupuskan telah berusia melebihi 14 tahun dan tidak boleh beroperasi lagi.





Unit Teknologi Maklumat juga terlibat dalam pelaksanaan pengumpulan data keahlian persatuan, maklumat latihan perfileman, idea rekabentuk portal, serta pengujian portal *Malaysia Creative Industry Exchange* (MCIX). Ia merupakan hub / platform perkongsian maklumat penggiat industri kreatif di Malaysia. Secara tidak langsung, ianya menjadi medium pencarian bakat bagi pengiat industri antarabangsa dengan menyediakan lebih 40 kategori kepakaran dalam industri kreatif tempatan. Pembangunan portal ini adalah hasrat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) YB Tuan Gobind Singh Deo sebagai hub jaringan data industri. Portal telah dirasmikan pada 8 Disember 2018 di Studio Sound Stage FINAS, Hulu Kelang.









Pada 2 November 2018, satu lawatan pengauditan ICT oleh Audit Negara telah dilaksanakan. Dalam pemerhatian tersebut, Unit IT telah menerima teguran berkaitan tadbir urus. Selaras dengan itu, tindakan segera diambil bagi menyelesaikan setiap teguran tersebut.



Lawatan ke pusat operasi CCTV



Pada 28 November 2018, telah berlangsung Program Hari ICT 2018 anjuran KKMM. Unit Teknologi Maklumat FINAS telah terlibat dalam Jawatankuasa Pelaksana program tersebut. Penglibatan Unit IT FINAS adalah dengan merekabentuk dan melaksanakan portal Hari ICT. Pengguna boleh mengakses portal berkenaan dengan mengimbas QR Code pada poster dan medium hebahan bagi mendapatkan maklumat berkaitan program. Selain itu, Unit IT FINAS turut terlibat dalam penyediaan buku aturcara bagi majlis tersebut.












Paparan laman web versi mudah alih.

Melalui penyaluran peruntukan mengurus 2018, Unit IT telah dapat melaksanakan pembelian sebanyak 50 buah komputer peribadi dan 5 buah komputer riba. Agihan meliputi penggantian komputer yang berusia melebihi 6 tahun.

Berdasarkan sumber peruntukan yang terhad, pelbagai langkah penjimatan telah dilaksanakan termasuk penyelenggaraan peralatan ICT, kemaskini kandungan portal dan pembangunan aplikasi dilaksanakan secara sumber dalaman.

Melalui pemantauan ini didapati tiada sebarang insiden keselamatan IT yang serius. Penyenggaraan kemudahan ICT (perkakasan dan perisian) secara tahunan telah dilaksanakan pada tahun 2018 melibatkan pejabat wilayah Utara, Selatan dan Timur. Sehingga Disember 2018, butiran aduan ICT adalah seperti berikut;-

## Khidmat Bantuan Teknikal Diselesaikan Sepanjang 2018

| Khidmat Bantuan Teknikal | Jumlah |
|---|---|
| Komputer | 866 |
| Komputer Riba | 132 |
| Server | 95 |
| Perisian | 353 |
| Sistem Aplikasi | 256 |
| Rangkaian | 329 |
| Virus | 239 |
| Mesin Pencetak | 212 |
| **Jumlah keseluruhan** | **2482** |

Secara keseluruhan jumlah aduan diterima ialah sebanyak 2482. Manakala aduan diselesaikan adalah 100% daripada aduan yang diterima. Pecahan aduan mengikut kategori adalah seperti di rajah Khidmat Bantuan Teknikal sehingga Disember 2018.

Fasa penyelenggaraan sistem telah dilaksanakan oleh Unit IT/ Kewangan pada fasa pertama dan fasa kedua oleh pihak syarikat yang membangunkan sistem MyFIS. Berikut adalah laporan aduan bagi setiap modul sistem MyFIS:

| Bil | Modul | | Penyelesaian Masalah |
|---|---|---|---|
| 1. | Report | | |
| | 1.1 | Account Payable | 8 |
| | 1.2 | Account Receivable | 1 |
| 2. | Asset | | 1 |
| | 2.1 | Authorization Report | 1 |
| | 2.2 | Bank Reconcilation | 2 |
| | 2.3 | Bank Reconcilation | 12 |
| 3. | CPA | | 2 |
| | 3.1 | Debit Note | 1 |
| | 3.2 | Detail Account Transaction | 1 |
| 4. | EPS | | 1 |
| | 4.1 | Financial Reports | 3 |
| | 4.2 | Good Receive Note | 3 |
| 5. | GST | | 2 |
| 6. | HR | | 1 |
| 7. | Investment | | 2 |
| 8. | Journal | | 3 |
| 9. | Loan | | 5 |
| 10. | MBS | | 1 |
| 11. | Overtime | | 2 |
| 12. | Payroll | | 3 |
| | 12.1 | Petty cash | 6 |
| | 12.2 | Purchasing | 12 |
| 13. | Receipt | | 4 |
| | 13.1 | Requisition | 3 |
| 14. | Setup | | 3 |
| | 14.1 | System Fixed | 2 |
| | 14.2 | Travelling | 6 |
| | 14.3 | Vendor Assessment | 4 |
| | 14.4 | Vendor maintainance | 2 |
| 15 | Virement | | 3 |
| 16 | Voucher | | 1 |
| | **Total** | | **104** |

# Unit Pengurusan Sumber Manusia

## Pengenalan

Unit Pengurusan Sumber Manusia merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan bersama Unit Pentadbiran dan Unit Teknologi Maklumat.

Unit Pengurusan Sumber Manusia secara amnya berkaitan struktur organisasi dan perjawatan, urusan perkhidmatan, latihan kakitangan dan peperiksaan serta urusan berkaitan prestasi kakitangan FINAS.

## Objektif

Untuk memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif unit / bahagian mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan & Perbadanan.

## Fungsi

Bahagian Khidmat Pengurusan melalui fungsi Unit Pengurusan Sumber Manusia melaksanakan fungsi seperti berikut:-

1. Membuat perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi;
2. Menguruskan pelantikan, pengesahan jawatan dan cuti;
3. Menguruskan penempatan, pertukaran, persaraan, kenaikan gaji dan urusan sumber manusia kakitangan;
4. Mengendalikan kemudahan perubatan klinik / hospital panel;
5. Merancang aktiviti latihan dalam dan luar negara;
6. Mengendali & menyelia peperiksaan perkhidmatan dan Jabatan;
7. Mengendalikan kursus-kursus umum / latihan dalaman;
8. Mengendalikan urusan kenaikan pangkat dan laporan prestasi;
9. Menyelaras pelaksanaan modul HRMIS, (JD) *Job Description* dan *MyPortfolio* di peringkat Perbadanan;
10. Menguruskan latihan aplikasi HRMIS.
11. Mengurus Majlis Bersama Jabatan (MBJ).
12. Menguruskan jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Sumber Manusia.

## Perjawatan

Secara ringkasnya maklumat perjawatan tetap berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. K 3 Tahun 2013 adalah 418 perjawatan dan pengisian serta kekosongan sehingga 31 Disember 2018.

FINAS juga mempunyai penjawat lantikan kontrak *(Contract for Service)* seramai 32 pada tahun 2018. Sehubungan dengan itu, FINAS mempunyai seramai 413 tenaga kerja yang merangkumi penjawat lantikan tetap/kontrak. Maklumat ringkas mengenai perjawatan tersebut seperti berikut:

**Bilangan Perjawatan Tahun 2018**

| Kumpulan Perkhidmatan | Perjawatan Pada 1 Oktober 2018 | | |
|---|---|---|---|
| | Lulus | Isi | Kosong |
| Anggota Pentadbiran dan Lantikan Undang-undang | - | - | - |
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi | 3 | 2 | 1 |
| Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 70 | 64 | 6 |
| Kumpulan Pelaksana | 345 | 315 | 30 |
| **JUMLAH** | **418** | **381** | **37** |

## Indeks Pencapaian Prestasi Unit Pengurusan Sumber Manusia

| Perkara | Petunjuk Prestasi Utama | Aktiviti | Sasaran | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Buku Perkhidmatan Serta Fail | Memastikan setiap rekod dikemaskini serta selaras dengan setiap dokumen. | Sepanjang masa | Sepanjang tahun | 100% |
| Pengurusan HRMIS | Memastikan semua modul mencapai 100% di dalam sistem HRMIS. | Sepanjang masa | Sepanjang tahun | 100% |
| Pembangunan Organisasi / Latihan | Memastikan setiap penjawat mencapai jumlah kehadiran berkursus iaitu 7 hari berkursus. | Sepanjang masa | Sepanjang tahun | 100% |
| Perjawatan | Memastikan setiap jawatan diisi mengikut keperluan jabatan dan kelulusan JPA serta memastikan pengesahan bagi setiap jawatan lantikan dan kenaikan pengkat pangkat. | Sepanjang masa | Sepanjang tahun | 100% |
| Mesyuarat Unit PSM | | | 4 kali setahun | 100% |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ceramah Ihya' Ramadhan (Pu Rahmat) | 18 Mei 2018 | Pawagam Mini P. Ramlee | **Ramadhan Satu Latihan** Program di adakan bertujuan untuk memberi pengetahuan tambahan ilmu-ilmu agama khusus kepada kakitangan FINAS. |
| 2. | Ceramah Ihya' Ramadhan (Pu Izat) | 31 Mei 2018 | Panggung 1 Finas Petaling Jaya | **Menggapai Ampunan Ramadhan** Program di adakan bertujuan untuk memberi pengetahuan tambahan ilmu-ilmu agama khusus kepada kakitangan FINAS. |
| 3. | Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan | 13 – 15 Ogos 2018 | Hotel Casuarina @Meru Ipoh Perak | Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan untuk penjawat FINAS dengan memberikan tunjuk ajar dan kefahaman berkaitan pengurusan aset alih kerajaan bagi mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan dapat dipraktikkan di Bahagian / Unit masing-masing. |
| 4. | Kursus Pra Persaraan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Sesi 2018 | 19 – 21 Sep 2018 | Hotel Felda Residence Kuala Terengganu Darul Iman | Tujuan kursus ini diadakan bagi menghargai warga kerja yang telah lama berkhidmat di Perbadanan. Melalui kursus yang dijalankan, peserta diberikan pendedahan aktiviti selepas bersara |
| 5. | Kursus Pengurusan Risiko Rasuah (Modul SPRM) | 30 Oktober – 1 November 2018 (Selasa – Khamis) | Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang, Selangor | Modul (CRM) adalah salah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik. |

i. Ceramah Ihya' Ramadhan (Ramadhan Satu Latihan)






ii. Ceramah Ihya' Ramadhan (Ramadhan Satu Latihan)






iii. Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan





iv. Kursus Pra Persaraan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Sesi 2018





v. Kursus Pengurusan Risiko Rasuah (Modul CRM)






## Persaraan 2018

Pada tahun 2018, seramai lapan (8) orang penjawat telah bersara iaitu satu (1) orang penjawat dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi manakala tujuh (7) orang penjawat dari Kumpulan Pelaksana. Berikut nama pesara FINAS bagi tahun 2018:

| Bil | Nama Pesara | Jawatan Dan Gred | Jenis Persaraan |
|---|---|---|---|
| 1. | Zulkefle bin Mohd Din | Penolong Jurutera (JA29) | Bersara Pilihan |
| 2. | Sharudin bin Gazali | Pemandu Kenderaan (H11) | Bersara Paksa |
| 3. | Halijah binti Ahmad | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)/N19 | Bersara Paksa |
| 4. | Rosnainah binti Ismail | Pembantu Tadbir (Kewangan) W26 | Bersara Pilihan |
| 5. | Jamilah binti Amat | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)/N19 | Bersara Paksa |
| 6. | Nurul Shaadah binti Shaaban | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)/N19 | Bersara Pilihan |
| 7. | Nik Hussin bin Nik Mat | Pembantu Awam (H11) | Bersara Paksa |
| 8. | Mohd Zulkifli bin Ab Wahab | Timbalan Ketua Pengarah (Produksi & Teknikal)/JUSA C | Bersara Paksa |



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI



## Latar Belakang Bahagian Pembangunan Industri

Bahagian Pembangunan Industri merupakan salah satu bahagian di bawah sektor Pengurusan yang di ketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan.  Bahagian ini terdiri daripada 3 unit iaitu :



# Unit Galakan Industri

## Fungsi Unit Galakan Industri

Terdapat tiga (3) fungsi bagi Unit Galakan Industri seperti berikut:

### Skim Wajib Tayang

- Urus setia Jawatankuasa Skim Wajib Tayang
- Menguruskan pratonton dan Mesyuarat Jawatankuasa Skim Wajib Tayang
- Menentukan tarikh tayangan filem tempatan.
- Memaklumkan kepada pawagam seluruh Malaysia tarikh tayangan dan lokasi tayangan.

### Kutipan Filem Tempatan

- Mengumpul kutipan kasar harian filem di bawah Skim Wajib Tayang daripada pawagam seluruh Malaysia.
- Mengemaskini kutipan kasar filem di dalam laman sesawang FINAS

### Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC)

- Menerima laporan kutipan filem yang telah disahkan oleh penerbit dan pawagam untuk tuntutan ITFC
- Mengira, menyemak dan mengesahkan tuntutan serta kemukakan ke Bahagian Kewangan
- Menguruskan penyampaian ITFC

## Jumlah Bajet Yang Diluluskan Pada Tahun 2018

| Bajet | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Mengurus | RM38,430.00 |
| RMK-11 (ITFC) | RM3,000,000 |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit

Skim Wajib Tayang

| KPI / Perkara | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| Filem yang ditayangkan | 50 filem | 50 filem |
| Kutipan Kasar Filem | 50 juta | RM120 juta |

Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC)

| KPI / Perkara | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| Bilangan Filem | 50 filem | 41 filem |
| Bilangan Syarikat | 30 Syarikat | 36 Syarikat |

## Senarai Aktiviti 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Majlis Penyerahan Cek Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) Bil. 1 | 12 April 2018 | Pawagam Mini P Ramlee, FINAS | Insentif ITFC kepada penerbit filem di bawah Skim Wajib Tayang |
| 2 | Majlis Penyerahan Cek Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) Bil. 2 | 16 Ogos 2018 | Pawagam Mini P Ramlee, FINAS | Insentif ITFC kepada penerbit filem di bawah Skim Wajib Tayang |
| 3 | Majlis Penyerahan Cek Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) Bil. 3 | 6 Disember 2018 | Pawagam Mini P Ramlee, FINAS | Insentif ITFC kepada penerbit filem di bawah Skim Wajib Tayang |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

### Skim Wajib Tayang

Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pempamer. Kewajipan pempamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 50 buah filem telah ditayangkan pada tahun 2018. Bilangan penayangan filem ini telah menurun sebanyak 15% berbanding pada tahun 2017 iaitu sebanyak 59 buah filem. Walaupun bilangan penayangan filem menurun tetapi jumlah kutipan kasar pada tahun 2018 iaitu RM120,334,017.87 telah meningkat sebanyak 107% berbanding tahun 2017 sebanyak RM58,202,864.68 **(Jadual 1).** Peningkatan jumlah kutipan kasar tersebut adalah disebabkan filem-filem yang dikeluarkan pada tahun ini banyak mendapat sambutan penonton di pawagam.

Maklumat ringkas perbandingan kutipan kasar filem di bawah Skim Wajib Tayang pada tahun 2014 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

Perbandingan Kutipan Kasar Filem daripada
**Tahun 2014 sehingga 2018**



Sebanyak 9 buah filem daripada 50 buah filem yang ditayangkan telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1 juta pada tahun 2018 dengan jumlah kutipan RM113,712,945.28. Bilangan filem yang ditayangkan pada tahun 2018 menurun tetapi jumlah kutipan jualan tiket meningkat berbanding tahun 2017 dengan jurang perbezaan berjumlah RM62,131,153.19. Kutipan tiket yang tertinggi iaitu sebanyak RM37.7 juta adalah bagi filem cereka berjudul 'Munafik 2' terbitan Skop Production Sdn. Bhd. **(Jadual 2).**

Daripada 50 buah filem tersebut 28 filem Bahasa Malaysia, 13 filem Bahasa Mandarin, 8 filem Bahasa Tamil dan 1 filem Bahasa Inggeris. Maklumat ringkas perbandingan filem mengikut bahasa pada tahun 2017 dengan tahun 2018 adalah seperti berikut:-




Pada tahun 2016 Kerajaan melalui peruntukkan di bawah RMK11 sebanyak RM30 juta telah disediakan bagi pembayaran Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) kepada penerbit. Insentif ini adalah bantuan pihak Kerajaan untuk membantu pengeluar filem tempatan. Kerajaan masih meneruskan pemberian insentif ini kerana menyedari kepentingan industri kandungan kreatif yang boleh menyumbangkan kepada ekonomi negara

Sepanjang tahun 2018 sebanyak 41 buah filem cereka telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM3,308,120.25 (Jadual 3). Jumlah tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) ini telah menurun sebanyak 28% berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 57 buah filem dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM3,559,939.00. Penurunan ini disebabkan kerana pengurangan perbitan filem pada tahun 2017 dan 2018.

Daripada 41 buah filem cereka yang telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC), 21 filem Bahasa Malaysia, 14 filem Bahasa Mandarin dan 6 filem Bahasa Tamil.

Bilangan Filem Menerima ITFC Mengikut
**Bahasa pada tahun 2018**




Maklumat ringkas perbandingan tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) pada tahun 2013 sehingga 2018 adalah seperti berikut:-

Perbandingan Tuntutan ITFC
**Bermula tahun 2013 sehingga 2018**



## Jadual 1

### Tayangan Filem Cereka Tempatan Di Bawah Skim Wajib Tayang Tahun 2018

| Bil. | Tarikh Mula Tayangan | Judul Filem | Pengeluar | Bil. Pawagam Tayangan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 11.01.2018 | Busker | Astro Shaw Sdn. Bhd | 52 |
| 2 | 18.01.2018 | Best Story (Mandarin) | Lomo Pictures Sdn. Bhd | 52 |
| 3 | 25.01.2018 | Bukan Cinta Malaikat | Ace Motion Production Sdn. Bhd | 45 |
| 4 | 1.02.2018 | Makrifat Cinta | Dhananwoodd Films Sdn. Bhd | 70 |
| 5 | 15.02.2018 | Badang | Fita Studios Sdn. Bhd | 43 |
| 6 | | A House Of Happiness | Lomo Pictures Sdn. Bhd | 56 |
| 7 | 22.02.2018 | Amazing Titanman | Jaguar Lim Films & Prod. (M) Sdn. Bhd | 30 |
| 8 | | Surf This Love | Global Solution Resources Sdn. Bhd | 47 |
| 9 | 1.03.2018 | Bidong The Boat People | Yks Film Maker Sdn. Bhd | 30 |
| 10 | 8.03.2018 | Kl Special Force | Viper Studios Sdn. Bhd | 92 |
| 11 | | Get Hard | Storideas Sdn. Bhd | 20 |
| 12 | 15.03.2018 | Lee Chong Wei - Rise Of The Legend | CB Pictures Sdn. Bhd | 70 |
| 13 | | 33km From Kl | Ks Armada Megah Sdn. Bhd | 16 |
| 14 | 22.03.2018 | Hantu Wangan | Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd | 37 |
| 15 | 29.03.2018 | Enjin No 9 | Rangkaian Melati Production Sdn. Bhd | 25 |
| 16 | 19.04.2018 | Villavan | Gvkm Elephant Pictures Sdn. Bhd | 28 |
| 17 | 10.05.2018 | Shun Pong O | Daa Production Sdn. Bhd | 46 |
| 18 | 17.05.2018 | Sughamaai Subbulakshmi | Ma Productions House Sdn. Bhd | 30 |
| 19 | 24.05.2018 | Million Loves In Me | Full Billion Entertainment Sdn. Bhd | 32 |
| 20 | 07.06.2018 | Impermanence Life | Cao Min Pictures Sdn. Bhd | 20 |
| 21 | 14.06.2018 | Qhaliq | Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd | 38 |
| 22 | 21.06.2018 | Blue Tears | Global China Film (Malaysia) Sdn. Bhd | 30 |
| 23 | | This Is Pilah | Madness Films Sdn. Bhd | 35 |
| 24 | 28.06.2018 | Blok 404 (Hidup Sampai Mati) | Dbi Entertainment Sdn. Bhd | 38 |
| 25 | | Ghora | Algebra Films Sdn. Bhd | 20 |
| 26 | 05.07.2018 | Atcham Thavir | Jps Consultancy & Training Sdn. Bhd | 20 |
| 27 | 19.07.2018 | Buyer Beware | Cinetopia Sdn. Bhd | 40 |

| Bil. | Tarikh Mula Tayangan | Judul Filem | Pengeluar | Bil. Pawagam Tayangan |
|---|---|---|---|---|
| 28 | 26.07.2018 | Vedigundu Pasangge | Veedu Production Sdn. Bhd | 29 |
| 29 | | Pulang | Primeworks Sdn. Bhd | 60 |
| 30 | 09.08.2018 | Hantu Kak Limah | Astro Shaw Sdn. Bhd / | 80 |
| | | | Infinitus Gold Sdn. Bhd | |
| 31 | 16.08.2018 | Wheely | Kru International Sdn. Bhd | 57 |
| 32 | | Thirudathey Papa Thirudathey | Story Films Sdn. Bhd | 25 |
| 33 | 30.08.2018 | Munafik 2 | Skop Production Sdn. Bhd | 92 |
| 34 | 06.09.2018 | One Two Jaga | Pixel Play Sdn. Bhd | 35 |
| 35 | 13.09.2018 | Rise | Prodigee Film Sdn. Bhd | 50 |
| 36 | 20.09.2018 | Langsuir | Nuansa Sdn. Bhd | 60 |
| 37 | | Neeyum Naanum | Bgw Studios Sdn. Bhd | 25 |
| 38 | 27.09.2018 | Tangisan Akinabalu | New Line Film Sdn. Bhd | 30 |
| 39 | 11.10.2018 | Kalla | Little Film Sdn. Bhd | 40 |
| 40 | 25.10.2018 | Gol & Gincu Vol. 2 | Red Films Sdn. Bhd | 65 |
| 41 | 1.11.2018 | Operasi X | Dream Pictures Production (M) Sdn. Bhd. | 56 |
| 42 | 08.11.2018 | Tujuh: Sumpahan Suri | Primeworks Studios Sdn. Bhd | 40 |
| 43 | 15.11.2018 | Mahaguru | Bismi Adira Production Sdn. Bhd | 21 |
| 44 | 22.11.2018 | Polis Evo 2 | Blackflag Sdn. Bhd / Astro Shaw Sdn. Bhd | 82 |
| 45 | 29.11.2018 | Guang | Reservoir World Sdn. Bhd | 30 |
| 46 | 6.12.2018 | Who Is The Champion | Lomo Pictures Sdn. Bhd | 30 |
| 47 | | 3:00 Am | Bright Sun Media Sdn. Bhd | 20 |
| 48 | 13.12.2018 | A Stolen Life | Mon Space Media Entertainment Sdn. Bhd | 30 |
| 49 | 20.12.2018 | The Spiral | Lomo Pictures Sdn. Bhd / Rex Films Dist. Sdn. Bhd | 40 |
| 50 | 27.12.2018 | Awang Gerudi | Kirawang Sdn. Bhd | 15 |

## Jadual 2

### Filem Di Bawah Skim Wajib Tayang Yang Mendapat Kutipan Kasar Jualan Tiket Melebihi RM1 juta Pada Tahun 2018

| Bil. | Judul Filem | Pengeluar | Jualan Tiket (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | A House Of Happiness | Lomo Pictures Sdn. Bhd | 1,857,484.52 |
| 2 | Kl Special Force | Viper Studios Sdn. Bhd | 12,216,321.00 |
| 3 | Lee Chong Wei - Rise Of The Legend | Cb Pictures Sdn. Bhd | 4,753,281.14 |
| 4 | Vedigundu Pasangge | Veedu Production Sdn. Bhd | 1,330,302.40 |
| 5 | Pulang | Primeworks Sdn. Bhd | 2,242,752.17 |
| 6 | Hantu Kak Limah | Astro Shaw Sdn. Bhd / Infinitus Gold Sdn. Bhd | 36,231,126.77 |
| 7 | Munafik 2 | Skop Production Sdn. Bhd | 37,738,463.83 |
| 8 | Langsuir | Nuansa Sdn. Bhd | 1,437,004.45 |
| 9 | Polis Evo 2 | Blackflag Sdn. Bhd / Astro Shaw Sdn. Bhd | 15,906,209.00 |
| | | **Jumlah Keseluruhan** | **113,712,945.28** |

## Jadual 3

### Tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) Tahun 2018

| Bil. | Nama Syarikat | Judul Filem | Jualan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Three Pictures Sdn. Bhd. | The Kid From The Big Apple 2 : Before We Forget | 291,209.59 |
| 2. | Aura White Global Sdn. Bhd. | Pinjamkan Hatiku | 256,516.28 |
| 3. | Suhan Movies & Trading | Rempit Sampai Langit | 79,519.17 |
| 4. | The Film Engine Sdn. Bhd. | Papa Come Home | 58,688.75 |
| 5. | Idea Entertainment Sdn. Bhd. | Pasar Malam | 38,443.00 |
| 6. | SpektraSelasihSdn. Bhd. | Jibam | 35,213.43 |
| 7. | S Cape Imagination Sdn. Bhd. | The Farm :En Veettu Thottathil | 17,967.34 |
| 8. | Ace Motion Production Sdn. Bhd. | Bukan Cinta Malaikat | 12,794.08 |
| 9. | Fita Studios Sdn. Bhd. | Badang | 9,349.65 |
| 10. | Global Solution Resources Sdn. Bhd. | Surf This Love :Gelora Juara | 4,772.43 |
| 11. | Unique Twins Sdn. Bhd. | Peransang Rentap | 3,461.41 |
| 12. | WayangPaduSdn. Bhd. | Kerja Kahwin | 1,526.44 |
| 13. | Viper Studios Sdn. Bhd. | KL Special Force | 500,000.00 |

| Bil. | Nama Syarikat | Judul Filem | Jualan (RM) |
|---|---|---|---|
| 14. | Astro Shaw Sdn. Bhd | Tombiruo: Penunggu Rimba | 883,433.58 |
| 15. | | Bisik Pada Langit | |
| 16. | | Kau Yang Satu | |
| 17. | | Busker | |
| 18. | More Entertainment Sdn. Bhd. | Shuttle Life | 36,890.50 |
| 19. | Dbi Entertainment Sdn Bhd | Blok 404 (Hidup Sampai Mati) | 31,930.72 |
| 20. | Dhananwoodd Films Sdn. Bhd. | Makrifat Cinta | 24,832.81 |
| 21. | Storideas Sdn. Bhd. | Get Hard Tongkat Ali | 17,051.70 |
| 22. | M A Productions House Sdn Bhd | Sughamaai Subbulakshmi | 14,814.75 |
| 23. | Just Work Ent. Sdn. Bhd. | Headlines | 12,800.17 |
| 24. | Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd. | Hantu Wangan | 11,521.20 |
| 25. | Madness Films Sdn Bhd | This Is Pilah | 8,379.22 |
| 26. | Malayflix Movies Sdn. Bhd. | Brotherhood | 8,342.88 |
| 27. | Cinetopia Sdn. Bhd | Asli | 5,716.94 |
| 28. | Rangkaian Melati Production Sdn. Bhd. | Enjin No 9 | 1,027.14 |
| 29. | Lomo Pictures Sdn. Bhd. | Haunted Hotel | 321,217.26 |
| 30. | | A House Of Happiness | |
| 31. | | Best Story | |
| 32. | Primeworks Studios Sdn. Bhd. | Pulang | 212,137.60 |
| 33. | Nuansa Sdn. Bhd. | Langsuir | 143,700.44 |
| 34. | Veedu Production Sdn. Bhd. | Vedigundu Pasangge (Rowdy Folks) | 132,748.56 |
| 35. | Daa Productions Sdn. Bhd. | 913 The Returning | 43,094.56 |
| 36. | Story Films Sdn. Bhd. | Thirudathey Papa Thirudathey | 31,452.40 |
| 37. | Full Billion Entertainment Sdn Bhd. | Million Loves In Me | 21,520.19 |
| 38. | Algebra Films Sdn. Bhd. | Ghora | 12,981.57 |
| 39. | Jaguar Lim Films & Productions (M) Sdn. Bhd. | Amazing Titanman | 12,414.40 |
| 40. | Nova Rimbun Sdn. Bhd. | Aasaan | 8,178.31 |
| 41. | Tsar Asia Sdn. Bhd. | Dubai My Love | 2,471.78 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | | **3,308,120.25** |



**Majlis Penyampaian ITFC 1/2018** | Pada 12 April 2018 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS



**Majlis Penyampaian ITFC 2/2018** | Pada 16 Ogos 2018 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS



**Majlis Penyampaian ITFC 3/2018 |** Pada 6 Disember 2018 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS

# Unit Khidmat Produksi

## Latar Belakang Unit Khidmat Produksi

### Sewaan Kemudahan Dan Peralatan Perfileman

Selaras dengan objektif penubuhan FINAS, iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan industri perfileman.Perbadanan juga sentiasa berusaha untuk memberi bantuan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada penggiat industri perfileman dengan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan serta penggunaan peralatan dan kemudahan perfileman yang moden dan berteknologi tinggi.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM58.000.000 |

## Fungsi Unit Khidmat Produksi

Unit Khidmat Produksi berperanan menguruskan sewaan bagi fasiliti-fasiliti di FINAS dan bertanggungjawab menyediakan infrastruktur untuk industri perfileman seperti studio, peralatan produksi dan pasca produksi. Berikut ialah kemudahan fasiliti yang disediakan oleh FINAS:

- Studio Sound Stage (Hulu Kelang & Petaling Jaya)
- Studio L.Krishnan
- Studio Ho Ah Loke
- Pawagam Mini P.Ramlee
- Dataran Karyawan & Concourse FINAS
- Peralatan Produksi
- Khidmat Pasca Produksi
- Jualan Futej, dokumentari dan promo

## Hasil Sewaan Fasiliti Finas (KETARA)

| Fasiliti | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Sewaan Peralatan Produksi | 9,352.05 |
| Pawagam Mini & Panggung 1 | 8,915.60 |
| Studio Sound Stage | 700,430.00 |
| Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan | 10,010.00 |
| Dataran, Concourse & Lobi | 13,810.00 |
| Penjualan Futej | 55,800.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **798,317.65** |

## Hasil Sewaan Fasiliti Finas (TIDAK KETARA)

| Fasiliti | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pawagam Mini & Panggung 1 | 92,669.60 |
| Studio Sound Stage | 43,500.00 |
| Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan | 13,594.00 |
| Dataran, Concourse & Lobi | 153,026.00 |
| Penjualan Futej | 415,400.00 |
| Penjualan Promo | 1,200.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **719,389.60** |

## Denda Kerosakan / Kebersihan Sewaan Fasiliti & Token Perkhidmatan

| Fasiliti | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pawagam Mini (Deposit tidak dituntut) | 400.00 |
| Studio Sound Stage | 3,500.00 |
| Dataran & Concourse | 290.00 |
| Penjualan Futej | 1,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **5,190.00** |

## Kuantiti Sewaan Fasiliti Finas

| Fasiliti | Ketara | Tidak Ketara |
|---|---|---|
| Sewaan Peralatan Produksi | 16 | 0 |
| Pawagam Mini & Panggung 1 | 34 | 85 |
| Studio Sound Stage | 14 | 7 |
| Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan | 8 | 13 |
| Dataran, Concourse & Lobi | 21 | 93 |
| **Jumlah** | **93** | **198** |
| **Jumlah Keseluruhan Penggunaan Fasiliti** | **291** | |

## Tajaan Penggunaan Fasiliti Finas

| Fasiliti | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pawagam Mini & Panggung 1 | 8,147.40 |
| Studio Sound Stage | 16,500.00 |
| Dataran & Concourse | 127,126.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **151,203.40** |

** Persatuan Perfileman layak menerima kadar rata sebanyak RM190/hari bagi penggunaan Pawagam Mini & Panggung 1*

## Sasaran & Pencapaian Sewaan 2018

| Perkara/ KPI | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| Bilangan pengunaan/sewaan | 300 | 291 |
| Hasil (Ketara) | RM 4000,000.00 | RM 800,011.65 |

** Sasaran Bilangan Penggunaan/ Sewaan tidak dapat dicapai kerana terdapat beberapa fasiliti yang ditutup untuk proses baik pulih iaitu:*

i) **Studio Sound Stage FINAS Petaling Jaya**
**Ditutup** dari Januari – Disember 2018

ii) **Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang**
**Ditutup** dari November 2018 – April 2019 (TBC berikutan Projek FIT)

iii) **Pawagam Mini P. Ramlee**
**Ditutup** pada bulan Februari 2018

## Program Lawatan Industri Studio Pinewood Iskandar Malaysia 30 Oktober 2018






# Unit Latihan Industri

## Objektif Unit Latihan Industri

Mengendalikan program kemahiran seperti bengkel & masterclass; seminar, simposium, forum & apresiasi filem; menyediakan platform untuk belia industri kandungan kreatif; program yang menggalakkan inovasi & penciptaan IP; kerjasama strategik dengan persatuan perfileman, penggiat industri, agensi kerajaan atau NGO.

## Fungsi Unit Latihan Industri

1. Merancang dan mengendalikan program berteraskan pembangunan kemahiran berkaitan industri seperti bengkel & *masterclass;*
2. Mengendalikan program pendedahan mengenai industri kandungan kreatif menerusi seminar simposium, forum & apresiasi filem;
3. Merancang dan menyediakan platform untuk menggalakkan pembangunan belia industri kandungan kreatif terutamanya penuntut IPTA/IPTS;
4. Menyelia program *'Mentoring'* bersama tokoh perfileman;
5. Mengendalikan program yang menggalakkan inovasi dan penciptaan IP bagi industri multimedia kreatif;
6. Mengadakan kerjasama strategik dengan persatuan perfileman untuk sasaran penggiat industri;
7. Mewujudkan kolaborasi dengan agensi kerajaan atau NGO untuk tujuan pendedahan tentang potensi kerjaya dalam bidang perfileman;
8. Pemantauan penerima-penerima *Creative Industry Lifelong Learning (CILL);*
9. Melaksana analisis pekerjaan/ *Occupational Analysis (OF)* mengikut sektor industri yang ditetapkan – Kandungan Kreatif;
10. Membangun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) baru dan mengkaji semula NOSS sedia ada bagi sektor industri Kandungan Kreatif serta mendapatkan kelulusan dari Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) terhadap NOSS yang disediakan;
11. Mempromosi dan mendapatkan penyertaan penggiat *industry* / persatuan dalam program Persijilan Kemahiran Malaysia-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Dan Pencapaian Sepanjang Tahun

### KPI FINAS:

| KPI | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| **Program Pemacuan** | | |
| a) Bilangan Program | 4 | 3 |
| b) Bilangan Peserta | 50 | 91 |
| **Program Pembangunan Kemahiran** | | |
| a) Bilangan Program | 15 | 18 |
| b) Bilangan Peserta | 450 | 493 |

| KPI | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| **Program Perkongsian Idea** | | |
| a) Bilangan Program | 10 | 12 |
| b) Bilangan Peserta | 500 | 1303 |
| **Program Kesedaran Kreatif** | | |
| a) Bilangan Program | 10 | 14 |
| b) Bilangan Peserta | 600 | 768 |

## KPI Rancangan Malaysia Ke - 11 (RMK11):

| KPI | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|
| **Program Pemacuan** | | |
| a) Bilangan Harta Intelek (IP) | 10 | 3 |
| b) Bilangan Peserta | 30 | 91 |
| **Program Pembangunan Kemahiran** | | |
| a) Bilangan Peserta | 430 | 493 |
| b) % Pekerjaan Berpendapatan Tinggi | 20% | |
| **Program Perkongsian Idea** | | |
| a) Bilangan Peserta | 500 | 1303 |
| b) % Pengetahuan / Pengalaman | 40% | |
| c) Institut Niche | 2 | |
| **Program Kesedaran Kreatif** | | |
| a) Bilangan Peserta | 600 | 768 |
| b) % Pemahaman Tentang Industri Kandungan Kreatif (CCI) | 40% | |

## Data & Statistik Melibatkan Pencapaian Program/Projek (Sekiranya Ada)

### 1. Jumlah Program:

| | | |
|---|---|---|
| • Pemacuan | : | 3 |
| • Pembangunan Kemahiran | : | 18 |
| • Perkongsian Idea | : | 12 |
| • Kesedaran Industri Kreatif | : | 14 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **:** | **47 program** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **2.** | **Kolaborasi Strategik:** | | |
| | • Persatuan Industri | : | 14 |
| | • NGO | : | 13 |
| | • Badan Kerajaan | : | 1 |
| | • IPT | : | 3 |
| | • Syarikat | : | 5 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **:** | **36 rakan strategik.** |
| **3.** | **Penyertaan:** | | |
| | • Bengkel/ Masterclass/ Incubator | : | 584 orang |
| | • Forum/ Simposium/ Apresiasi | : | 1303 orang |
| | • Kempen Kesedaran Industri Kreatif | : | 768 orang |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **:** | **2655 orang.** |
| **4.** | **Demografik:** | | |
| | • Penyertaan Industri (Profesional + Newcomer) | : | 1887 orang |
| | • Penyertaan Umum | : | 768 orang |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **:** | **2655 orang.** |

## Senarai Program / Projek Utama Sepanjang Tahun

### 1. *Underwater Cinematography – Open Water Dive & Advance Underwater Course For Crew*

**Tarikh** : 8-11 Oktober 2018

**Tempat** : Pulau Tenggol, Terengganu

**Jumlah Peserta** : 15 orang *(Open Water Dive);* 10 orang *(Advance)*

Ini merupakan tahun kedua FINAS telah bekerjasama dengan *Malaysian Society Of Cinematographers (MySC)* dalam menganjurkan dua siri bengkel *Underwater Cinematography* iaitu *Open Water Dive* (Pengenalan) dan *Advance* (Lanjutan). Objektif bengkel adalah bagi melahirkan pekerja filem tempatan yang mahir dalam bidang *'Underwater Filming'* dan mendapat pengiktirafan *'Advance Diver'.* Bengkel tersebut telah disertai oleh ahli-ahli persatuan industri seperti MySC, FDAM, PROFIMA, SENIMAN dan banyak lagi. Tenaga pengajar bengkel adalah En. Emran Taib, En. Mohammad Shamsul Bartan & En. Diki zulkarnain Md Shahrom.





## 2. Bengkel Stunt Masterclass

**Tarikh** : 26 November 2018 - 5 Disember 2018

**Tempat** : Movie Animation Park Studios, Ipoh, Perak

**Jumlah Peserta** : 23 orang

Dengan kerjasama Persatuan Pekerja Filem Profesional Malaysia (PROFIMA), FINAS telah berjaya mennganjurkan program *Stunt Masterclass* dengan sokongan MAPS Perak. Bengkel ini yang juga merupakan kali kedua pernah diadakan bertujuan untuk menyediakan platform latihan formal bagi menaiktaraf kualiti kemahiran *'stuntmen'* tempatan. Peserta yang terdiri daripada para ahli PROFIMA & kakitangan MAPS mengikut latihan aksi bertaraf antarabangsa dari Australian Stunt Academy melalui tenaga pengajar utama iaitu En. Colin Handley.






## 3. Bengkel Intensif Koordinasi Pengurusan Logistik Perfileman Langkawi

**Tarikh** : 2 - 6 Disember 2018

**Tempat** : Hotel Adya, Langkawi.

**Jumlah Peserta** : 30 orang

Program ini melibatkan perkongsian ilmu dalam pengetahuan pengurusan produksi dan kemahiran sebagai kru penggambaran melalui teori dan praktikal untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut. Program yang disertai seramai 30 orang peserta ini merupakan kerjasama pertama kali di antara FINAS dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Pertubuhan Inovasi Digital Malaysia (PIDM).





## 4. Bengkel *Motion Capture*

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 27 - 28 November 2018 |
| **Tempat** | : | Royal Chulan, Damansara, Selangor |
| **Jumlah Peserta** | : | 30 orang |

Bengkel ini telah dilaksanakan oleh Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS) dengan sokongan utama FINAS dan Summit Features Sdn Bhd selaku pengedar tunggal dan teknikal bagi sistem *VICON Motion Capture.* Tujuan bengkel ini adalah bagi memberi pengenalan tentang MOCAP khusus kepada kelompok produser dan penggiat industri perfileman termasuk dalam bidang animasi dan membangunkan kepakaran tempatan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan dalam bidang ini di Malaysia. Tenaga pengajar bengkel adalah Dr. Aaron Chin (Jurutera Kanan, VICON Asia Pasifik), Max Cowen (Sokongan Pelanggan, VICON), Kris Kamarudin (Animator & Pengarah Kreatif, Montagu Studios) dan Dr Kim Rachel Duffy (Jurutera Sokongan, VICON UK).




## 5. Seashorts Film Festival 2018

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 1 - 5 Ogos 2018 |
| **Tempat** | : | Khazanah Nasional Berhad, Georgetown, Pulau Pinang |
| **Jumlah Peserta** | : | 160 orang |

SEAShorts Film Festival merupakan program yang menghimpunkan filem-filem pendek dari sekelompok negara di Asia Tenggara termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam dan banyak lagi. Pelbagai sesi perkongsian yang diadakan sepanjang festival ini termasuk tayangan filem pendek diikuti sesi soal jawab; forum dengan panel yang terdiri daripada kalangan penggiat industri, agensi kerajaan dan akademik; *masterclass* dan bengkel filem pendek.





## 6. *Connectasia 2018: Symposium & Networking Event*

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 29 - 30 November 2018 |
| **Tempat** | : | Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur |
| **Jumlah Peserta** | : | 260 orang |

Untuk kali kedua, FINAS dengan kerjasama Creative Content Association Malaysia (CCAM) telah berjaya menganjurkan program *Connect Asia 2018,* sebuah program yang fokus dalam mempamerkan kandungan tempatan kepada delegasi kandungan kreatif luar negara, berkongsi maklumat mengenai trend pemasaran & teknologi, permintaan kandungan di pasaran antarabangsa, perkongsian idea mengenai projek filem tempatan yang berjaya dan banyak lagi. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi & Multimedia dan disertai oleh ramai penggiat industri tempatan dan antarabangsa dari USA, Australia, Indonesia, Latin Amerika, Singapura, Lebanon, India & lain-lain.






## 7. *Selling Your Story To The International Market-Asd*

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | 1 - 2 Disember 2018 |
| **Tempat** | : | Qliq Hotel, Damansara Perdana, Selangor |
| **Jumlah Peserta** | : | 16 orang |

Program anjuran FINAS & Persatuan Dokumentari Malaysia *(MyDocs)* ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penggiat industri dokumentari untuk mempelajari lebih lanjut mengenai *pitching* untuk dana bagi projek dokumentari mereka di pasaran antarabangsa. Tenaga pengajar menggalakan peserta untuk membuat pembentangan mengenai projek masing-masing dan mengadakan sesi perbincangan tentang bagaimana untuk menambahbaik pembentangan masing-masing. Peserta mendapat peluang berkongsi ilmu dengan En. Gary Kam (Korea) dan Jane Mote (Britain).







# BAHAGIAN PEMASARAN

# Unit Penerbitan

## Latar Belakang Unit Penerbitan

Unit Penerbitan diwujudkan adalah khusus bagi menguruskan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, percetakan dan reka bentuk bahan-bahan penerbitan serta urus selia kerja-kerja editorial. Dengan kekuatan seramai 3 orang penjawat diketuai oleh Penolong Pengarah, Pegawai Eksekutif dan seorang Pembantu Tadbir. Selain bertindak dalam pengurusan dan penyelarasan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, penerbitan bahan-bahan bercetak seperti buku program, brosur, poster, pamplet, borang dan kad jemputan, Unit Penerbitan juga berfungsi sebagai penyelaras jualan, pameran dan mempromosikan buku-buku terbitan FINAS.

## Objektif Unit Penerbitan

Menyediakan khidmat reka bentuk, penerbitan bahan-bahan percetakan yang berkaitan dengan program / acara / majlis rasmi anjuran FINAS. Membantu, mengurus dan menyelaras penjualan, pameran dan turut juga mempromosikan buku-buku terbitan FINAS. Bertindak dalam pengurusan editorial bagi buku-buku dan majalah terbitan FINAS.

## Fungsi Unit Penerbitan

Unit Penerbitan bertanggungjawab dalam kerja-kerja penerbitan bahan rasmi FINAS seperti produk bergenre ilmiah dan biografi tokoh perfileman tanah air, selain berperanan dalam menguruskan manuskrip buku dan menjalankan fungsi editorial. Bahan terbitan FINAS akan dibawa menyertai pameran bagi tujuan penjualan dan hebahan dalam usaha menyebarkan sejarah kandungan industri perfileman yang telah dibukukan dan diterbitkan.

Ia juga melibatkan aktiviti promosi dan jualan bahan terbitan FINAS menerusi program pameran strategik industri kreatif selain penyertaan dalam penganjuran pesta buku di dalam negara.

Khidmat percetakan dan reka bentuk oleh unit ini adalah merangkumi bahan-bahan penerbitan seperti berikut:

- Brosur
- Bunting
- Banner
- Poster
- Buku Program
- Kad Aturcara
- Kad Jemputan

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM215,380.00 |

## Jadual 1: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Penerbitan

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan manuskrip buku-buku tokoh perfileman tanah air<br>a. Biografi Seniman Hussein Abu Hassan<br>b. Biografi Seniwati Mariani<br>c. Biografi Tokoh Datuk Yusof Haslam<br>d. Journey Of An Artist : Jins Shamsudin<br>e. Biografi Studio Merdeka | 5 | 5 |

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 2. | Penerbitan buku biografi Ceria Bersama S. Shamsuddin dan Wahid Satay | 1 | 1 |
| 3. | Menyertai pameran buku dan membantu dalam mempromosikan buku-buku terbitan FINAS<br>a. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (PBAKL2018)<br>b. Pameran Buku sempena Festival Cinemini<br>c. Pameran buku sempena Program Singgah Santai dan pelancaran E-book Koleksi Komik Imuda<br>d. Pesta Buku Borneo 2018 (BBF2018) | 4 | 4 |
| 4. | Menguruskan bahan-bahan penerbitan dan percetakan rasmi FINAS<br>a. brosur<br>b. poster<br>c. banner<br>d. sampul dan kad hari raya FINAS | 4 | 4 |

## Jadual 2: Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pameran buku sempena Program Singgah Santai dan pelancaran *E-book* Koleksi Komik Imuda. | 24 Februari 2018, 9.00pg-4.00ptg | Perpustakaan Negara | Program pameran yang dibuka untuk kunjungan orang awam dan pencinta sastera yang dikendalikan oleh Perpustakaan Negara. |
| 2. | Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (PBAKL 2018) | 27 April - 6 Mei 2018, 9.00pg- 10.00 mlm | PWTC | Pameran buku terbesar Malaysia yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). |
| 3. | Pameran Buku sempena Festival Cinemini | 15 Mei 2018, 9.00pg-5.00 ptg | Balai Seni Lukis Negara | Program pameran kerjasama dengan UNISEL. |
| 4. | Pesta Buku Borneo 2018 (BBF 2018) | 5 - 9 Oktober 2018 | Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu, Sabah | Pameran buku peringkat Borneo yang merangkumi Sabah dan Sarawak peringkat Negeri Sabah. |

Reka bentuk dan cetakan bahan promosi yang dihasilkan oleh Unit Penerbitan bagi program-program anjuran FINAS. Antaranya adalah seperti berikut :

i. **Bahan-Bahan Penerbitan**

Unit Penerbitan juga terlibat dengan Jawatankuasa Penerbitan bagi program-program anjuran FINAS. Bahan-bahan penerbitan yang telah dilaksanakan oleh unit ini antaranya:

a. Buku Program
b. *Backdrop* Pentas
c. Bunting
d. Kad dan Sampul Duit Hari Raya Aidilfitri

ii. **Penerbitan Buku**

FINAS telah berjaya menerbitkan sebuah lagi buku bergenre biografi, Ceria Bersama S. Shamsuddin dan Wahid Satay pada April 2018 yang mengisahkan mengenai lakar belakang kehidupan 2 orang tokoh lagenda perfileman tanah air di era 50-an.

iii. **Pengurusan Manuskrip**

FINAS buat julung kalinya bakal menerbitkan buku tokoh perfileman wanita iaitu **Seniwati Mariani** (Allahyarhamah) dengan cerita eksklusif berlatar belakangkan rangkuman disebalik asam garam kisah kehidupan Mariani yang belum pernah didedahkan kepada umum. Diterbitkan dalam dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Buku dwi bahasa ini juga turut diterbitkan dalam sebuah naskhah lagi iaitu Seniman Hussein Abu Hassan. Sebuah lagi naskhah ialah Tokoh Datuk Yusof Haslam. Penghasilan ketiga-tiga manuskrip ini masih berkisarkan kehidupan peribadi mereka dalam menjalani kehidupan sebagai anak seni bermula daripada sebelum, selepas dan semasa kehidapan mereka selepas meraih sebagai seorang insan seni yang berjaya. Tidak ketinggalan juga buku yang bakal mendapat tempat dihati peminat-peminat filem melayu didatangkan khas dalam edisi Bahasa Inggeris, *Journey Of An Artist : Jins Shamsudin.* Selain pada corak biografi mengenai seniman dan seniwati, satu judul ekslusif telah dipilih untuk dijadikan naskah yang hebat iaitu biografi Studio Merdeka, dimana Kompleks Studio Merdeka ini sendiri diangkat menjadi sebuah garapan untuk pembaca berkisarkan tokoh-tokoh pelakon dan orang industri yang pernah bekerja dan terlibat dalam pembikinan filem yang berlaku di kompleks ini selain daripada sejarah penubuhan tempat itu sendiri.

iv. **Pameran Dan Jualan Buku**

Unit Penerbitan telah menyertai penganjuran pameran dan penjualan buku-buku terbitan FINAS. Penyertaan pameran ini mampu mempromosikan buku-buku terbitan FINAS kepada pengunjung dan secara tidak langsung dapat meningkatkan penjualan buku-buku. Antara penganjuran pameran yang telah disertai oleh Unit Penerbitan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

a. Pameran buku sempena Program Singgah Santai dan pelancaran *e-book* koleksi komik Imuda pada 24 Februari 2018 bertempat di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
b. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (PBAKL 2018) pada 27 April hingga 6 Mei 2018 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur.
c. Pameran Buku sempena Festival Cinemini pada 15 Mei 2018 bertempat di Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.
d. Pesta Buku Borneo 2018 (BBF 2018) pada 5 hingga 9 Oktober 2018 bertempat di Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu, Sabah.

Jadual 3: Hasil Penjualan Buku Terbitan FINAS Bagi Tahun 2018

| Bulan | Jumlah Buku Yang Terjual | Jumlah Hasil Jualan (RM) |
|---|---|---|
| Januari | 25 | 51.00 |
| Februari | 151 | 364.00 |
| Mac | 40 | 249.00 |
| April | 35 | 1,960.00 |
| Mei | 58 | 2,591.00 |
| Jun | - | - |
| Julai | 26 | 854.00 |
| Ogos | 203 | 7,846.00 |
| September | 87 | 3,269.00 |
| Oktober | 11 | 731.00 |
| November | 10 | 1,401.00 |
| Disember | 2 | 166.00 |
| **Jumlah** | **648** | **RM19,482.00** |




Statistik Hasil Penjualan Buku-buku Terbitan FINAS Bagi Tahun 2018




Percetakan dan reka bentuk sampul duit raya




Percetakan dan reka bentuk kad Hari Raya Aidilfitri




Percetakan dan reka bentuk buku
Ceria Bersama S. Shamsuddin dan Wahid Satay

Pelancaran E-book Koleksi Komik Imuda pada 24 Februari 2018 bertempat di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur




Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (PBAKL 2018) pada 27 April - 6 Mei 2018 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur



Pameran Buku sempena Festival Cinemini pada 15 Mei 2018 bertempat di Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur



Pesta Buku Borneo 2018 (BBF 2018) pada 5 - 9 Oktober 2018
bertempat di Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu, Sabah














# Unit Pasaran Antarabangsa

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penyertaan Di Pasaran Kandungan Kreatif Antarabangsa | 3 | 3 |
| 2. | Penyertaan Filem-filem Malaysia di Festival Filem Antarabangsa | 3 | 3 |

## Senarai Aktiviti/ Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Hong Kong Filmart | 19-22 Mac 2018 | Hong Kong | Pasaran Kandungan Kreatif Antarabangsa |
| 2. | MIPCOM | 15-18 Oktober 2018 | Cannes, Perancis | Pasaran Kandungan Kreatif Antarabangsa |
| 3. | Asia TV Forum & Market (ATF) | 5-7 Disember 2018 | Singapura | Pasaran Kandungan Kreatif Antarabangsa |
| 4. | Forum Filem Animasi ke-11 | 15-22 Februari 2018 | Mesir | Festival Filem Antarabangsa |
| 5. | 49th International Film Festival of India | 20-28 November 2018 | Goa, India | Festival Filem Antarabangsa One Two Jaga |
| 6. | Asia Pacific Screen Awards | 29 November 2018 | Brisbane, Australia | Festival Filem Antarabangsa Tombiruo: Penunggu Rimba/ Pulang/ Wheely |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

Aktiviti yang dijalankan oleh Unit Pasaran Antarabangsa sepanjang tahun 2018 adalah merangkumi penyertaan di pasaran filem antarabangsa dan program-program antarabangsa.

### 1. Unit Pasaran Antarabangsa

Penyertaan FINAS di pasaran kandungan kreatif antarabangsa adalah untuk menggalakkan penerbit dan syarikat filem tempatan memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka serta melebarkan pasaran filem Malaysia ke pelbagai benua. FINAS secara konsisten membawa penerbit dan pengeluar menyertai pasaran bagi mengukuhkan penyertaan Malaysia di pasaran kandungan kreatif antarabangsa. Kerjasama strategik di antara FINAS dan agensi-agensi seperti MDEC dan MATRADE telah memperkukuhkan lagi usaha pemasaran bersepadu ke peringkat global.

Pasaran kandungan kretif antarabangsa merupakan landasan yang paling sesuai untuk mewujudkan rangkaian perniagaan, pengetahuan pasaran, hubungan dan peluang perniagaan dengan para profesional dalam bidang berkaitan.

Antara produk yang mendapat perhatian pembeli luar negara ialah filem cereka, dokumentari, animasi, program TV dan drama.

Pasaran kandungan kreatif antarabangsa memberi manfaat dalam pelbagai aspek terutama dalam urus niaga, peluang perniagaan, jaringan hubungan serta perkongsian ilmu bagi meningkatkan industri perfileman Malaysia. Ini sejajar dengan agenda kerajaan di mana industri kreatif ini berpotensi untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Pemasaran melalui Unit Pasaran Antarabangsa telah mengetuai penyertaan di tiga (3) pasaran kandungan antarabangsa dan bertindak sebagai badan penyelaras kepada para penerbit filem tempatan yang telah turut serta ke pasaran filem. Pasaran kandungan antarabangsa yang disertai sepanjang tahun 2018 dengan jualan sebenar nilai eksport kandungan kreatif keseluruhan adalah sebanyak RM99.87 juta. Manakala, nilai jualan potensi eksport kandungan kreatif adalah sebanyak RM214.66 juta, dengan butiran pencapaian seperti berikut:

| BIL | PASARAN FILEM | PENCAPAIAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | JUMLAH SYARIKAT | NILAI SEBENAR EKSPORT KANDUNGAN KREATIF (RM) | NILAI POTENSI EKSPORT KANDUNGAN KREATIF (RM) |
| 1. | HONG KONG FILMART<br>19 – 22 MAC 2018 | 6 | 168,280 | 66 JUTA |
| 2. | MIPCOM, PALAIS DE FESTIVAL CANNES, PERANCIS<br>15 – 18 OKTOBER 2018 | 14 | 99.70 JUTA | 111.76 JUTA |
| 3. | ASIA TV FORUM AND MARKET SINGAPORE<br>5 – 7 DISEMBER 2018 | 10 | 10,000 | 36.9 JUTA |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **30** | **99.87 JUTA** | **214.66 JUTA** |

## 2. Penyertaan Di Festival Filem Antarabangsa

Bagi mempromosikan filem-filem Malaysia yang berkualiti di luar Negara, Unit Pasaran Antarabangsa telah menghantar filem-filem Malaysia untuk bertanding di beberapa buah siri festival filem antarabangsa. Senarai festival filem antarabangsa dan filem yang dipilih untuk menyertai festival filem antarabangsa adalah seperti berikut:

| Bil | Festival Filem | Judul Filem | Status |
|---|---|---|---|
| 1. | Forum Filem Animasi ke-11 | Boboi Boy the Movie | Penyertaan |
| 2. | 49th International Film Festival of India | i) One Two Jaga | Penyertaan |
| 3. | Asia Pacific Screen Awards | i) Tombiruo: Penunggu Rimba<br>ii) Pulang<br>iii) Wheely | Penyertaan |






RISE
ARCA CREATIVE HOUSE
MALAYSIA



# Unit Promosi

## Latar Belakang Unit

Tujuan laporan ini adalah untuk makluman berkenaan aktiviti – aktiviti Unit Promosi sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2018. Unit Promosi diselia oleh seorang Penolong Pengarah N41, seorang Penolong Pegawai Tadbir N29 dan seorang Pembantu Tadbir N19 dalam usaha mempromosikan kandungan kreatif tempatan dan pemakluman secara langsung MISI, VISI dan peranan FINAS melalui program pameran, program wayang pacak tempatan, pembangunan komuniti perfileman dan tayangan filem Malaysia di peringkat antarabangsa melalui kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN). Unit Promosi adalah salah satu daripada unit yang diselia sepenuhnya oleh Pengarah Bahagian Pemasaran. Unit promosi bertanggungjawab untuk penyertaan program pameran, penyediaan bahan tayangan filem tempatan, festival filem antarabangsa (bukan pertandingan) dan tayangan filem tempatan di peringkat antarabangsa. Kelab Pencinta Filem (KPF) yang ditubuhkan sekitar 2008 merupakan tanggungjawab unit promosi untuk penyediaan program ke arah pembangunan industri kreatif negara.

## Objektif Unit

Objektif penubuhan unit promosi adalah sejajar dengan peranan FINAS iaitu menyokong dan membantu dalam menggalakkan, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia melalui pembangunan komuniti perfileman, pembangunan sosial dan komuniti selaras dengan fungsi, misi, visi dan objektif organisasi. Unit promosi diperkasakan dengan tiga (3) komponen utama dalam pelaksanaan aktiviti iaitu;

I. Koordinator strategik kepada jaringan promosi domestik FINAS melalui program Kementerian / Agensi / NGO dan organisasi persatuan industri kreatif.

II. Membangunkan program berteraskan ko-kurikulum perfileman pelajar sekolah / universiti dan mewujudkan hubungan kerjasama strategik dengan agensi luar bandar untuk aktiviti Kelab Pencinta Filem (KPF).

III. Memperluaskan aktiviti penjelajahan interaktif bersama rakyat dengan menyediakan tayangan filem / khidmat pesanan masyarakat (PSA) dan transformasi kerajaan melalui program merakyatkan filem.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM156,419.28 |

## Fungsi Unit

I. Pengurusan dan penyelarasan program-program strategik di antara FINAS dan pihak KKMM, agensi dan industri.

II. Pengurusan dan penyelarasan permohonan insentif penyertaan festival filem antarabangsa untuk tayangan perdana, pencalonan dan slot tayangan.

III. Pengurusan dan penyelarasan program-program pembangunan komuniti filem (KPF) tempatan dan antarabangsa.

IV. Pengurusan dan penyelarasan program-program kesedaran *(film awareness programme).*

V. Pengurusan dan penyelarasan program-program jemputan daripada pihak KKMM, agensi kerajaan dan industri.

VI. Pengurusan dan penyelarasan penyertaan filem Malaysia ke festival filem antarabangsa (bukan penyertaan pertandingan).

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penglibatan program-program Pameran Interaktif | 13 penglibatan program-program pameran interaktif | 29 penglibatan program-program pameran interaktif |
| 2. | Penglibatan program-program Pameran Interaktif dan Jualan Buku Terbitan FINAS | 2 penglibatan program - program pameran interaktif dan jualan buku terbitan FINAS | 2 penglibatan program-program pameran interaktif dan jualan buku terbitan FINAS |
| 3. | Penglibatan program-program Pembangunan Komuniti Filem | 3 penglibatan program-program pembangunan komuniti filem; Kelab Pencinta Filem (tempatan) | 2 program pembangunan komuniti filem tempatan (Kelab Pencinta Filem) |
| 4. | Pengurusan dan penyelarasan program wayang pacak tempatan dan penghantaran filem -filem Malaysia (promosi global) program kerjasama kedutaan Malaysia | 12 pengurusan dan penyelarasan wayang pacak domestik (tempatan)<br><br>3 penglibatan program tayangan bersama kedutaan Malaysia bagi menyokong aktiviti di peringkat antarabangsa | 31 pengurusan dan penyelarasan wayang pacak domestik (tempatan)<br><br>6 penglibatan program tayangan bersama Kedutaan Malaysia dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia bagi menyokong aktiviti di peringkat antarabangsa. |

## Senarai Aktiviti/ Program 2018

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 1. | Program Karnival Jualan Sentuhan Rakyat 2018<br>(22 Februari 2018, 7:00am-2:00pm Felda Trolak Selatan, Sungkai Perak) | Program Karnival Jualan Sentuhan Rakyat 2018 di Felda Trolak Selatan, Perak. Unit Promosi menyelaras artis/ karyawan jemputan iaitu pengacara majlis dan sesi slot bersama artis. Program jualan murah yang diadakan sekitar Felda Trolak Selatan. |
| 2. | Program Sehari Bersama Media<br>(1 Mac 2018, 8:00am-7:00pm Politeknik Kuching, Sarawak) | Dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sarawak sempena Program Sehari Bersama Media. |
| 3. | Program Fiesta Sehati@RTM Perak<br>*#untukkomeler*<br>(10-11 Mac 2018, 9:00am-10:00pm Padang EMV Hall, AEON Manjung, Perak) | Program pameran sempena perasmian Slot Baru di PerakFM serta majlis penutupan Pemukiman Parlimen Lumut. |
| 4. | Program Karnival Sehati@RTM Kedah<br>*#maicheqmai*<br>(15-17 Mac 2018, 9:00am-10:00pm, Dataran Aman Jaya Mall, Sg. Petani Kedah | Program pameran yang dianjurkan RTM. Pameran yang disertai oleh agensi-agensi di bawah Kementerian. |
| 5. | Program Karnival Sehati@ RTM Sabah<br>*#bagusbah*<br>(15-17 Mac 2018, 10:00am-10:00pm Padang Merdeka, Kota Kinabalu) | Pelbagai acara serta pameran menarik disediakan kepada pengunjung. Karnival ini akan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Salleh Said Keruak, Menteri KKMM. |
| 6. | Program Fiesta Sehati@RTM Melaka<br>*#gegaube*<br>(23-25 Mac 2018, 9:00am-10:00pm Dataran MITC, Ayer Keroh Melaka) | Karnival yang dianjurkan oleh Jabatan Penyiaran Malaysia bersempena sambutan ulang tahun ke - 71 Radio Televisyen Malaysia (RTM) peringkat negeri Melaka. Ini merupakan Karnival yang ke - 4 selepas diadakan di Sabah. |
| 7. | Program Fiesta Sehati@RTM Johor<br>*#yokdatangek*<br>29-31 Mac 2018, 9:00am-10:00pm Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor Darul Takzim | Program Fiesta Sehati @RTM yang diadakan di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor dari 29 – 31 Mac 2018 yang dirasmikan YAB Dato' Seri Hj. Mohamed Khalid Nordin, Menteri Besar Johor. Antara pengisian interaktif yang diadakan termasuklah eksplorasi bakat, pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. Turut bersama-sama hadir menyokong program di *booth* FINAS ialah penyanyi dan pelakon muda, Nabila Razali. |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 8. | Program Kunjungan Kembara Jalinan Kasih Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS-CTU) KKMM (31 Mac - 1 April 2018, 8.00am-8.00pm SMK Kampar, Perak) | Di antara pengisian interaktif yang diadakan di *booth* FINAS termasuklah eksplorasi bakat, pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu, kuiz perfileman selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. Turut bersama-sama hadir menyokong program di *booth* FINAS ialah pelakon muda, Chacha Maembong. |
| 9. | Program Sehati@RTM Kelantan: Bachok Berselawat 2018 (05-06 April 2018, 10:00am-10:00pm Pantai Bachok, Kelantan) | Di antara pengisian interaktif yang diadakan di *booth* FINAS termasuklah eksplorasi bakat, pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu, kuiz perfileman selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. Turut bersama-sama hadir menyokong program di booth FINAS ialah pelakon, pengarah dan penerbit, Pekin Ibrahim. |
| 10. | Pogram Menghubung Menyatu @Minda Inklusif Negara Digital (MINDA) (05-07 April 2018, 10:00am-10:00pm Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu) | Pameran Malaysia Inklusif Negara Digital (Minda) merupakan program berjiwa rakyat yang bermatlamat menghubungkan rakyat, membina masyarakat bermaklumat dan merangsang ekonomi digital. Program MINDA yang julung kalinya diadakan merupakan platform yang terbaik bagi Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan membantu rakyat mendepani pelbagai cabaran era digital yang semakin berkembang di negara kita. |
| 11. | Program Karnival Rindok Hati ke Tupong (06-08 April 2018, 10:00am-10:00pm Tupong, Kuching Sarawak) | Pameran anjuran bersama Gabungan Kejiranan Mesra (KJM) Tupong yang dihadiri Datuk Bandar DBKU Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadhillah Yusof di Dewan Masyarakat Gita. Selain pameran, pelbagai acara diadakan termasuk tai chi, hafazan, ceramah motivasi dan agama serta pelbagai aktiviti menarik. |
| 12. | Program Sepakat Komuniti 1Malaysia (07 April 2018, 10:00am-10:00pm Putrajaya) | Program Sepakat Komuniti 1Malaysia (Parlimen Putrajaya) yang dirasmikan Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor ini dengan pengisian interaktif seperti pameran organisasi dan perkhidmatan, eksplorasi bakat bersama pelakon muda, Aprena Manrose, pameran peralatan perfileman dan teknologi pendigitalan, kuiz industri dan tayangan penerbitan kandungan audio visual terbitan FINAS dan lain-lain lagi. |
| 13. | Program Menghubung dan Menyatu NBOS-CTU Khas (13-14 April 2018, 10:00am-10:00pm Padang SMK Tamu Darat, Kota Belud, Sabah) | Di antara pengisian interaktif yang diadakan di *booth* FINAS termasuklah eksplorasi bakat, pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu, kuiz perfileman selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. Artis; Lia Natalia. |
| 14. | Fiesta NBOS Peringkat Negeri Sarawak 2018 (13-15 April 2018, 9:00am -7:00pm Sarikei, Sarawak) | Di antara pengisian interaktif yang diadakan di *booth* FINAS seperti pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu, kuiz perfileman selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 15. | Program Menghubung dan Menyatu Minda Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) (20-22 April 2018, 10:00am-12:00pm Dataran Kulim, Kedah) | Program anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dianjurkan agar program dilaksanakan mencapai objektif dalam menyalurkan maklumat kepada orang awam mengenai fungsi agensi masing-masing. |
| 16. | Program Menghubung dan Menyatu (NBOS-CTU) Khas (20-21 April 2018, 9:00am-7:00pm Pasir Puteh, Kelantan) | Di antara pengisian interaktif yang diadakan di *booth* FINAS seperti pameran organisasi dan perkhidmatan merangkumi teknologi audio visual dan khazanah ilmu, kuiz perfileman selain tayangan dokumentari terbitan FINAS. |
| 17. | Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (28-29 April 2018, 10:00am-9:00pm Putra World Trade Centre (PWTC) | Penglibatan Unit Promosi adalah membawa karyawan jemputan/ artis ke *booth* pameran buku untuk menarik pengunjung yang hadir. Artis: Gambit Saifullah & Adam Shahz. |
| 18. | Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (5-6 Mei 2018, 10:00am-9:00pm Putra World Trade Centre (PWTC) | Penglibatan Unit Promosi adalah membawa karyawan jemputan/ artis ke *booth* pameran buku untuk menarik pengunjung yang hadir. Artis: Gambit Saifullah & Chacha Maembong. |
| 19. | Perasmian Pameran dan Aktiviti Berkala Pameran Tan Sri Taib Andak (09 Julai 2018, 09:00am-7:00pm Muzium Tokoh, Johor Bahru) | Pameran 'Taib Andak Figura Versatil' yang dianjurkan oleh Muzium Tokoh Johor diadakan selama enam bulan untuk memberikan pendedahan secara mendalam mengenai sejarah tokoh terkemuka itu khususnya dalam kalangan generasi muda. |
| 20. | *Program Caring Bridge:* Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibarkan Jalur Gemilang (03-05 Ogos 2018, 9:00am-10:00pm Padang Kota Lama, Pulau Pinang) | Program pelancaran sempena bulan kebangsaan dan kibarkan jalur gemilang yang dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. |
| 21. | Program *MYMerdeka* 61 Jelajah Mydin Mall Zon Utara (03-05 Ogos 2018, 9:00am-10:00pm Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang) | Program kempen kesedaran bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-61 serta merapatkan keharmonian pelbagai kaum melalui perkongsian nilai 'Cintakan Tanah air' selain dapat menarik minat kumpulan sasar iaitu generasi X dan Y untuk turut serta aktiviti yang diadakan. |
| 22. | Majlis Perasmian Pelancaran Kibarkan Jalur Gemilang (10 Ogos 2018, 8:00am-5:00pm SK Batu Muda Gombak KL) | Program pelancaran sempena bulan kebangsaan dan kibarkan jalur gemilang di peringkat sekolah rendah untuk memupuk kepada para pelajar mengenai Kemerdekaan. |
| 23. | Program *MYMerdeka* 61 Jelajah Mydin Mall Zon Tengah (16-19 Ogos 2018, 9:00am-10:00pm Mydin Mall USJ Subang Jaya) | Program kempen kesedaran bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-61 serta merapatkan keharmonian pelbagai kaum melalui perkongsian nilai 'Cintakan Tanahair' selain dapat menarik minat kumpulan sasar iaitu generasi X dan Y untuk turut serta aktiviti yang diadakan. |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 24. | Program *MYMerdeka* 61 Jelajah Mydin Mall Zon Utara (30 Ogos-1 September 2018, 9:00am-10:00pm, Mydin Mall Meru Raya, Ipoh Perak) | Program kempen kesedaran bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-61serta merapatkan keharmonian pelbagai kaum melalui perkongsian nilai 'Cintakan Tanah air' selain dapat menarik minat kumpulan sasar iaitu generasi X dan Y untuk turut serta aktiviti yang diadakan. |
| 25. | Program *MYMerdeka* 61 Jelajah Mydin Mall Zon Selatan (6-8 Ogos 2018, 9:00am-10:00pm Mydin Mall Mutiara Rini, Johor Bahru) | Program kempen kesedaran bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-61 serta merapatkan keharmonian pelbagai kaum melalui perkongsian nilai 'Cintakan Tanahair' selain dapat menarik minat kumpulan sasar iaitu generasi X dan Y untuk turut serta aktiviti yang diadakan. |
| 26. | Program *MYMerdeka* 61 Jelajah Mydin Mall Zon (14-16 Sept 2018, 9:00am-10:00pm Mydin Mall Petrajaya Kuching Sarawak) | Program kempen kesedaran bersempena dengan bulan Kemerdekaan yang ke-61 serta merapatkan keharmonian pelbagai kaum melalui perkongsian nilai "Cintakan Tanah Air" selain dapat menarik minat kumpulan sasar iaitu generasi X dan Y untuk turut serta aktiviti yang diadakan. |
| 27. | Hari Telekomunikasi & Masyarakat Berinformasi Sedunia 2018 (22-23 Sept 2018, 9:00am-10:00pm Pusat Sains Negara Wilayah Utara, Alor Setar Kedah) | Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia 2018 (WTISD18) dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) pada 22 hingga 23 September 2018 bertempat di Pusat Sains Negara, Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU), Alor Setar, Kedah yang disempurnakan oleh Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tan Kok Yew, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Kerajaan Negeri Kedah. |
| 28. | Hari Unesco Malaysia 2018 (29-30 Sept 2018, 9:00am-10:00pm Bulatan Azlan Shah Ipoh, Perak) | Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2018 telah diadakan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh Perak bermula pada 29 hingga 30 September 2018. Sambutan ini dianjurkan oleh pihak Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertemakan *"Youth for Change".* Tujuan sambutan diadakan adalah untuk meningkatkan visibiliti dan peranan SKUM diperingkat kebangsaan dan juga meningkatkan jalinan kerjasama antara SKUM dengan agensi kerajaan mahupun bukan pihak kerajaan. |
| 29. | *Sabah Borneo Book Fair 2018* (5–9 Sept 2018, 10:00am-9:00pm Kompleks Karamunsing Sabah) | Penglibatan Unit Promosi adalah membawa karyawan jemputan/ artis ke *booth* pameran buku untuk menarik pengunjung yang hadir. |
| 30. | Program Xplorasi Ilmu dan Fiesta Seni 2018 (14-15 Nov 2018, 8:00am-7:00pm Perpustakaan Awam Cawangan Simpang Empat, Perlis) | Program yang mengkhususkan kepada seni. Antaranya adalah pameran agensi, pertandingan fotografi, masakan berasaskan pekasam, anyaman sarung keris, baca jawi & naskah lama serta aktiviti kesenian negeri Perlis. Antara pengisian di *booth* FINAS adalah sesi bersama artis/ karyawan jemputan; Ika Nabila bersama pengunjung yang hadir. |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 31. | Program Wayang Pacak Sempena Sambutan Tahun Baru 2018 (1 Januari 2018, Padang Utama Kampus UPSI Dataran *1MYC Food Truck* Tanjung Malim, Perak) | Program wayang pacak filem Adiwiraku sempena sambutan tahun Baru 2018 di padang utama Kampus UPSI Tanjung Malim Perak. |
| 32. | Program Wayang Pacak Sempena Lawatan YB TPM ke Felda Besout 1, Perak (10 Mac 2018, Padang Awam Felda Besout 1, Perak) | Tayangan wayang pacak filem Bisik Pada Langit adalah satu kaedah yang efektif dan kreatif di dalam usaha untuk memupuk rasa cintakan filem dan ia juga dapat menjana sifat perpaduan dan patriotik diantara kaum – satu sama lain. |
| 33. | Sambutan Hari Autisme Sedunia (1 April 2018, Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching) | Program ini diadakan bersempena dengan Hari Austime yang diraikan setiap 2 April setiap tahun. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Sri Satok telah mengadakan sesi tayangan filem Redha bersama sama dengan pengarah filem tersebut, iaitu Tunku Mona bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching bersempena dengan Hari Austime bagi tujuan pendekatan dengan masyarakat secara tidak langsung mengenai Autisme. |
| 34. | Program Menghubung dan Menyatu Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) Terengganu (5 April 2018, Dataran Shahbandar, Terengganu) | Pameran Malaysia Inklusif Negara Digital (Minda) merupakan program berjiwa rakyat yang bermatlamat menghubungkan rakyat, membina masyarakat bermaklumat dan merangsang ekonomi digital. Program MINDA yang julung kalinya diadakan merupakan platform yang terbaik bagi Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan membantu rakyat mendepani pelbagai cabaran di era digital yang semakin berkembang di negara kita. Antara pengisian lain program adalah sesi tayangan wayang pacak; filem Bisik Pada Langit. |
| 35. | Program Menghubung dan Menyatu Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA) Kedah (20 April 2018, Dataran Kulim, Kedah) | Pameran Malaysia Inklusif Negara Digital (Minda) merupakan program berjiwa rakyat yang bermatlamat menghubungkan rakyat, membina masyarakat bermaklumat dan merangsang ekonomi digital. Program MINDA yang julung kalinya diadakan merupakan platform yang terbaik bagi Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan membantu rakyat mendepani pelbagai cabaran era digital yang semakin berkembang di negara kita. Antara pengisian program adalah sesi tayangan wayang pacak filem Tombiruo - Penunggu Rimba. |
| 36. | Wayang Pacak Santai Minda Khas 2018 (24-25 April 2018, Dewan Alor Merah, Alor Setar, Kedah) | Program anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) inisiatif untuk merapatkan jurang saluran penyampaian kepada orang awam yang mensasarkan minat terhadap file. Tayangan filem *Kanang anak Langkau The Iban Warrior.* |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 37. | Wayang Pacak sempena Majlis Perasmian Tapak *1MYC Food Truck Hotspot* dan Festival Keusahawan *Food* (28 April 2018, Padang Utama Kampus Sultan Abdul Jalil Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI Perak) | Pengisian wayang pacak dalam program malam kebudayaan sempena Majlis Perasmian Tapak *1MYC Food Truck Hotspot* dan Festival Keusahawanan *Food Truck 2018.* Antara pengisian program adalah sesi tayangan wayang pacak filem Tombiruo - Penunggu Rimba. |
| 38. | Program Wayang Pacak Jelajah Negeri Perak anjuran Pejabat Pengerusi FINAS (1-2 Mei 2018, Pasir Salak & Tapah Perak) | Program tayangan wayang pacak secara percuma kepada penduduk sekitar Perak inisiatif untuk merapatkan jurang saluran penyampaian kepada orang awam yang mensasarkan minat terhadap filem. Antara pengisian program adalah sesi tayangan wayang pacak filem Tombiruo - Penunggu Rimba. |
| 39. | Program Wayang Pacak anjuran Pejabat Pengerusi FINAS (4-7 Mei 2018, Sekitar kawasan Slim dan Tanjong Malim, Perak) | Program Wayang Pacak anjuran Pejabat Pengerusi FINAS dianjurkan kepada penduduk kampung sekitar kawasan Slim & Tanjong Malim, Perak untuk menarik minat orang awam dan memupuk nilai cintakan filem tempatan. Antara pengisian program adalah sesi tayangan wayang pacak filem KL Wangan. |
| 40. | Program Wayang Pacak anjuran Yayasan Ihsan Rakyat (8 Mei 2018, Seri Setia, Petaling Jaya, Selangor) | Program Wayang Pacak anjuran Yayasan Ihsan Rakyat kepada pendududk kampung sekitar kawasan Seri Setia untuk menarik minat orang awam dan memupuk nilai cintakan filem tempatan. Antara pengisian program adalah sesi tayangan wayang pacak filem KL Wangan. |
| 41. | Program MyMerdeka Jelajah MydinMall Zon Utara (3-5 Ogos 2018, Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang) | Program pameran MyMerdeka anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (Japen) KKMM diadakan sesi tayangan wayang pacak sebagai satu pengisian program bersempena kempen bulan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018 bertempat di Mydin Mall. Objektif program-program ini adalah untuk merapatkan keharmonian pelbagai kaum, menarik minat kumpulan sasar dan memupuk nilai cintakan filem tempatan melalui aktiviti/ pameran interaktif yang disediakan. Filem yang ditayangkan: Filem Tombiruo. |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 42. | Program *Cyberjaya Multimedia Festival 2018 (CMF18)* (11-12 Ogos 2018, Centrus Mall, Cyberjaya) | Program ini adalah kerjasama dengan pihak MDEC. Penganjuran untuk semua peringkat umur yang didedikasikan untuk penghargaan pelajar dan penghayatan komuniti kreatif dan kemampanan dalam menyokong ekonomi dan ekosistem Malaysia. Antara pengisian program adalah *q&a* session mengenai industri (bantuan teknikal sahaja), sesi meet & greet artis pelakon Buskers – Lia Natalia & Anas Ridzuan. Tayangan filem: Buskers, KL Wangan & KL *Special Force.* |
| 43. | Program SAMA-SAMA@61 (18 Ogos 2018, Medan Selera Dato' Sagor Ipoh, Perak) | Program ini di anjurkan oleh Exco Negeri Perak sempena sambutan Kemerdekaan Malaysia yang ke-61 dan antara pengisian program adalah 'outdoor screening' yang diadakan di sekitar Ipoh, Perak yang bertujuan untuk memupuk nilai cintakan filem tempatan antara masyarakat walau berbeza kaum dan agama. SAMA SAMA membawa bermaksud SAMA SA(yangi) MA(laysia). |
| 44. | Program *MyMerdeka* Jelajah MydinMall Zon Tengah (16-19 Ogos 2018, Mydin Mall USJ Subang Jaya, Selangor) | Program pameran MyMerdeka anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (Japen) KKMM diadakan sesi tayangan wayang pacak sebagai satu pengiasian program bersempena kempen bulan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018 bertempat di Mydin Mall. Objektif program-program ini adalah untuk merapatkan keharmonian pelbagai kaum, menarik minat kumpulan sasar dan memupuk nilai cintakan filem tempatan melalui aktiviti/ pameran interaktif yang disediakan. Filem yang ditayangkan: Filem Tombiruo. |
| 45. | Program *MyMerdeka* Jelajah MydinMall Zon Utara (30 Ogos - 1 September 2018, Mydin Mall Meru Raya, Ipoh, Perak) | Program pameran *MyMerdeka* anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (Japen) KKMM diadakan sesi tayangan wayang pacak sebagai satu pengiasian program bersempena kempen bulan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018 bertempat di Mydin Mall. Objektif program-program ini adalah untuk merapatkan keharmonian pelbagai kaum, menarik minat kumpulan sasar dan memupuk nilai cintakan filem tempatan melalui aktiviti/ pameran interaktif yang disediakan. Filem yang ditayangkan: Filem *KL Special Force.* |
| 46. | Program Laman Santai, Semarak Ampheteater MPAJ 2018 (30 Ogos 2018, Ampheteater MPAJ, Ampang) | Bersempena dengan sambutan bulan Kemerdekaan 2018, pihak MPAJ telah mengadakan satu program dan salah satu pengisian adalah program merakyatkan filem tempatan dengan menyediakan tayangan wayang pacak secara percuma untuk mewujudkan minat dan komuniti cintakan filem tempatan. Filem ditayang; *Kanang Anak Langkau The Iban Warrior.* |
| 47. | Program SAMA-SAMA@61 (01 September 2018, House of Silver Youth (Kinta River Front), Perak) | Program ini di anjurkan oleh Exco Negeri Perak sempena sambutan Kemerdekaan Malaysia yang ke-61 dan antara pengisian program adalah *'outdoor screening'* yang diadakan di sekitar Ipoh, Perak yang bertujuan untuk |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| | | merapatkan jurang antara masyarakat walau berbeza kaum dan agama. SAMA SAMA membawa bermaksud SAMA SA(yangi) MA(laysia). Filem ditayangkan: Amir dan Loqman ke Laut. |
| 48. | Program *MyMerdeka* Jelajah Mydin Mall Zon Selatan (6-8 September 2018, Mydin Mall Mutiara Rini, Johor Bahru) | Program pameran *MyMerdeka* anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (Japen) KKMM diadakan sesi tayangan wayang pacak sebagai satu pengiasian program bersempena kempen bulan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018 bertempat di Mydin Mall. Objektif program-program ini adalah untuk merapatkan keharmonian pelbagai kaum, menarik minat kumpulan sasar dan memupuk nilai cintakan filem tempatan melalui aktiviti/ pameran interaktif yang disediakan. Filem yang ditayangkan: Filem Tombiruo. |
| 49. | Program SAMA-SAMA@ 61 (8 September 2018, Ipoh, Perak) | Program ini di anjurkan oleh Exco Negeri Perak sempena sambutan Kemerdekaan Malaysia yang ke-61 dan antara pengisian program adalah *'outdoor screening'* yang diadakan di sekitar Ipoh, Perak yang bertujuan untuk merapatkan jurang antara masyarakat walau berbeza kaum dan agama. SAMA SAMA membawa bermaksud SAMA SA(yangi) MA(laysia). Filem ditayangkan: Adiwiraku. |
| 50. | Program *MyMerdeka* Jelajah MydinMall Zon Sarawak (14 Sept – 16 Sept 2018, Mydin Mall Petrajaya, Kuching Sarawak) | Program pameran MyMerdeka anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (Japen) KKMM diadakan sesi tayangan wayang pacak sebagai satu pengiasian program bersempena kempen bulan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018 bertempat di Mydin Mall. Objektif program-program ini adalah untuk merapatkan keharmonian pelbagai kaum, menarik minat kumpulan sasar dan memupuk nilai cintakan filem tempatan melalui aktiviti/ pameran interaktif yang disediakan. Filem yang ditayangkan: Filem Tombiruo. |
| 51. | Program Laman Santai, Semarak Amphetеater MPAJ 2018 (22 September 2018, Amphetеater MPAJ, Ampang) | Bersempena dengan sambutan bulan Kemerdekaan 2018, pihak MPAJ telah mengadakan satu program dan salah satu pengisian adalah program merakyatkan filem tempatan dengan menyediakan tayangan wayang pacak secara percuma untuk mewujudkan minat dan komuniti cintakan filem tempatan. Filem ditayangkan: Dukun. |
| 52. | JOMBED 2.0 (Jom bersukan secara ekstrem dengan selamat edisi kedua) (13 Oktober 2018, Jambatan Victoria, Karai Sg. Siput, Perak) | Antara pengisian program ini adalah sesi tayangan wayang pacak yang disertai oleh para peserta program. Program ini telah mendapat saranan daripada YB Tan Kar Hin Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perak bagi FINAS menjayakan program wayang pacak sebagai tarikan program dan aktiviti utama seisi malam serta secara percuma mewujudkan minat dan komuniti cintakan filem tempatan. Filem ditayangkan: *KL Special Force & Kanang Anak Langkau The Iban Warrior.* |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 53. | Festival Filem ASEAN - India<br>(23-28 Februari 2018, Siri Fort Auditorium, New Delhi) | Program ini diadakan bersempena ulang tahun ke-25 hubungan dialog ASEAN-India. Antara pengisian program di Festival ini adalah wayang pacak yang turut memberi peluang dan ruang kepada FINAS untuk mempromosikan filem Malaysia dan lokasi penggambaran diperingkat antarabangsa. Selain itu, dapat menjalinkan hubungan dua hala dengan wakil industri luar yang lain turut hadir ke festival ini. Dua orang wakil penerbit filem diatas telah menghadirkan diri bagi wakil filem *Kanang Anak Langkau The Iban Warrior & Redha* bagi sesi *q&a*. Segala tiket penerbangan dan penginapan ditaja sepenuhnya oleh pihak penganjur. |
| 54. | Pesta Filem Pendek ASEAN di New York<br>(28 April 2018, McNally Amphitheatre Fordham University New York Amerika Syarikat) | Pesta Filem Pendek ASEAN *(ASEAN Short Film Festival 2018)* pada April 2018 di New York, Amerika Syarikat bagi mempromosikan filem-filem pendek dari negara-negara ASEAN. Selain daripada itu, pesta tersebut juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan antaranegara ASEAN di New York di samping mempamerkan filem pendek terbitan negara ASEAN kepada negara-negara yang lain. Filem yang dihantar: *The Persuit.* |
| 55. | Festival Filem ASEAN ke-3 di NIGERIA<br>(17-14 Ogos 2018, Abuja, Nigeria) | Merupakan penganjuran kali ke-3 tahun ini setelah julung kalinya diadakan pada April 2017 dengan menayangkan filem Nota arahan Yasu Tanaka yang menarik lebih 1,000 orang pengunjung sepanjang enam (6) hari tayangan, dan kira-kira 200 orang semasa tayangan filem Malaysia. Festival Filem ASEAN ke-3 ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat Nigeria berkenaan ASEAN dan dapat mempromosikan konsep Komuniti ASEAN yang telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2015 yang lalu. Festival kali ini dijangka akan dapat menarik lebih ramai lagi penonton dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk dari kalangan diplomatik, pegawai-pegawai kerajaan, media dan para pelajar. Filem dihantar:<br>I. Redha<br>II. Kanang Anak Langkau<br>III. *The Iban Warrior*<br>IV. Adiwiraku |
| 56. | Tayangan filem Malaysia bersempena Ulang Tahun Kebangsaan ke-61 dan Hari Malaysia<br>(01 September 2018, Harare, Zimbabwe) | ASEAN Filem Festival diadakan bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali Ke-61dan Hari Malaysia pada minggu kedua bulan September dan pada sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada minggu ketiga bulan September yang terdiri dari masyarakat setempat dan komuniti diplomatik. Acara di atas merupakan sebahagian dari pendekatan baru Kedutaan dalam menyemarakkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Zimbabwe, khususnya hubungan antara rakyat kedua-dua negara *(people-to-people contact).* Filem dihantar:<br>I. KanangAnakLangkau The Iban Warrior<br>II. Adiwiraku |

| Bil | Nama Program/ Aktiviti | Penerangan |
|---|---|---|
| 57. | 2nd Guwahati International Film Festival<br>(28-30 Oktober 2018, Guwahati, India) | *Assam State Government* telah menganjurkan *2nd Guwahati International Film Festival* pada 25-31 Oktober 2018 di Guwahati, India bagi menggalakkan budaya filem, khususnya dalam kalangan belia. Dua wakil industri dari filem Adiwiraku, Mr Jason Chong, Mr Eric Ong dan Ms Sangeeta Krishnasamy telah hadir bagi bersama sama menjayakan program ini. Filem dihantar:<br>I. *Kanang Anak Langkau The Iban Warrior*<br>II. Adiwiraku |
| 58. | Program Integrasi Ilmu dan Sinergi Industri Kelab Pencinta Filem (KPF) Retreat Universiti Utara Malaysia (UUM)<br>(22 Mac 2018, 9:00am-2:00pm FINAS Petaling Jaya) | Program seumpama ini memberi peluang kepada generasi muda membina jaringan dua hala bersama FINAS sebagai badan peneraju kemajuan industri filem Malaysia. Selain lawatan berpandu ke *Museum of Moving Image (MOMI)* yang memaparkan khazanah perfileman, para pelawat juga turut berpeluang melihat dengan lebih dekat pameran sejarah peralatan perfileman. |
| 59. | Kem seni & Retreat Budaya 2018, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)<br>(14 Disember 2018, 10:00am-5:00pm, Asia Camp, Kuala Kubu Baru) | Kem Seni & Retreat Budaya, Universiti Malaysia Terengganu 2018 diadakan selama tiga hari di Asia Camp, Kuala Kubu Baru. Salah satu pengisian program adalah melalui perkongsian ilmu tokeh seni ke arah pembangunan industri kreatif Negara iaitu slot Bicara Tokoh Seni oleh dua orang karyawan/ artis jemputan Pekin Ibrahim & Namron. |

**Petunjuk:**

- Pameran
- Rakyatkan Filem/ Program Wayang Pacak
- Penghantaran Filem ke Luar Negara
- Kelab Pencinta Filem (KPF)

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

Unit promosi telah menyertai sejumlah 29 pameran interaktif di Semenanjung Malaysia anjuran KKMM/ Agensi/ Pertubuhan Kerajaan/ Kerajaan Negeri untuk menyampaikan maklumat berhubung misi, visi dan peranan FINAS secara amnya. Dalam usaha memartabatkan kandungan kreatif tempatan melalui penerbitan buku biografi seniman, unit promosi juga memainkan peranan dalam mempromosikan jualan pesta buku di Kuala Lumpur dan Sabah. Perkara ini dilihat mampu mewujudkan platform promosi secara langsung kepada pengunjung.

Pembangunan kreatif komuniti pencinta filem tempatan merupakan intipati asas dalam mewujudkan platform karyawan dengan menyediakan program-program pembangunan. Sejumlah dua (2) program telah dilaksanakan bersama Kelab Pencinta Filem (KPF) tempatan sejajar dengan misi dan visi FINAS sepanjang tahun 2018.

Sesi apresiasi dan interaktif bersama karyawan dan ahli kelab adalah keperluan dalam mewujudkan tarikan untuk menarik minat pelapisan karyawan tempatan kearah pembangunan industri.

Sejumlah 31 program tayangan wayang pacak tempatan telah dilaksanakan dengan kerjasama KKMM/ agensi dan pertubuhan bukan kerajaan. Program ini bertujuan mengekalkan minat dan tarikan penontonan filem tempatan. Usaha ini berterusan diperingkat antarabangsa melalui penglibatan unit promosi dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan penganjur festival filem antarabangsa dengan penganjuran program layar bestari melalui slot tayangan filem tempatan di peringkat antarabangsa. Unit promosi telah menyertai sejumlah enam (6) program tayangan filem tempatan di peringkat antarabangsa.

## Maklumat/Data/Statistik Pencapaian Dalam Bentuk Jadual/Carta Bar/Carta Pai Dan Lain-Lain




Jumlah pengunjung program pameran interaktif ke tapak pameran FINAS anjuran KKMM/ Agensi / NGO

Program Pameran Interaktif anjuran KKMM / Agensi / NGO




Program Wayang Pacak Tempatan




Program tayangan Filem Tempatan di Luar Negara untuk Festival Filem Antarabangsa dan Program dengan kerjasama KLN




Jumlah peserta yang terlibat dengan Program Pembangunan Komuniti Perfileman Kelab Pencinta Filem (KPF)



"Kem Seni & Retreat Budaya 2018" anjuran Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 14 Disember 2018 bertempat di Asia Camp, Kuala Kubu Baru.



"Program MYMerdeka@61" Jelajah Mydin Mall Zon Sarawak di Mydin Mall Petrajaya, Kuching Sarawak pada 14 – 16 September 2018.



"Hari Unesco Malaysia 2018" pada 29 – 30 September 2018,bertempat di Bulatan Azlan Shah, Ipoh Perak.



"Hari Unesco Malaysia 2018" pada 29 – 30 September 2018, bertempat di Bulatan Azlan Shah, Ipoh Perak.



Pesta Filem Pendek ASEAN di New York McNally Amphitheatre Fordham University, New York Amerika Syarikat pada 28 April 2018 menayangkan filem *"The Persuit."*



Pesta Filem Pendek ASEAN di New York McNally Amphitheatre Fordham University, New York Amerika Syarikat pada 28 April 2018 menayangkan filem *"The Persuit."*




“Hari Telekomunikasi & Masyarakat Berinformasi Sedunia” pada 22 – 23 September 2018, di Pusat Sains Negara Wilayah Utara, Alor Setar Kedah.



“Hari Telekomunikasi & Masyarakat Berinformasi Sedunia” pada 22 – 23 September 2018, di Pusat Sains Negara Wilayah Utara, Alor Setar Kedah.




“2nd Guwahati International Film Festival” Guwahati, India pada 28 – 30 Oktober 2018.




“2nd Guwahati International Film Festival” Guwahati, India pada 28 – 30 Oktober 2018.




Program Fiesta Sehati @ RTM Johor” #yokdatangek pada 29 – 31 Mac 2018, di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.




“Program Fiesta Sehati @ RTM Johor” #yokdatangek pada 29 – 31 Mac 2018, di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.



# BAHAGIAN GALAKAN PENGGAMBARAN

# Bahagian Galakan Penggambaran

## Latar Belakang Bahagian

Bahagian Galakan Penggambaran terbahagi kepada dua unit iaitu Unit FIMI dan Unit Kerjasama Strategik.

## Objektif Bahagian

Menggalak & mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran dan hub penerbitan kandungan domestik serta antarabangsa melalui strategi insentif penerbitan filem di Malaysia.

## Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia/ *Film in Malaysia Incentive (FIMI)*

**Apakah Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI)?**

"Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI) adalah usaha Kerajaan untuk menarik pelabur dalam penerbitan Filem & TV bagi menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia. Dengan adanya insentif ini akan menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran dengan menawarkan 30% rebat tunai ke atas Perbelanjaan Kos Produksi di Malaysia/ *Qualifying Malaysia Production Expenditure (QMPE)* yang meliputi aktiviti produksi & pasca produksi tempatan & antarabangsa".

## Fungsi Unit FIMI

| Tugas Utama | Perkara |
|---|---|
| Merancang & Mengemaskini Garis Panduan FIMI | • Mengadakan perjumpaan dengan local sponsor / penerbit (pelanggan) untuk mengenalpasti masalah berkaitan dengan garis panduan FIMI.<br>• Mengadakan perbincangan dengan pihak peguam untuk mendapat pandangan dari sudut undang-undang. |
| Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa FIMI | • Memastikan keperluan mesyuarat disediakan<br>• Menyediakan slide presentation bagi mesyuarat<br>• Menyediakan butiran kewangan FIMI untuk perhatian ahli jawatankuasa<br>• Urusetia mesyuarat<br>• Menyemak minit jawatankuasa FIMI |
| Penyertaan FINAS Bagi Mempromosikan Malaysia Sebagai Destinasi Penggambaran | • Menghadiri pasaran lokasi filem<br>• Menjadi wakil jurucakap kepada FINAS bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran<br>• Membina jaringan hubungan dengan pihak penganjur serta menjadi perantara penganjur dan peserta/delegasi malaysia yang telibat dalam pasaran lokasi<br>• Mengadakan sesi B2B meeting dengan pihak luar |
| Pemantauan Lokasi Penggambaran | • Mengadakan pemantauan lokasi penggambaran<br>• Memastikan pihak *Local Sponsor* menjalankan penggambaran seperti yang dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa. |
| KPI FIMI | • RM100 juta (QMPE) – Membawa pelaburan luar ke dalam Malaysia. |

## Fungsi Unit Kerjasama Strategik

| Tugas Utama | Perkara |
|---|---|
| Merangka Usahasama Di Antara Pihak Industri Dengan Pihak Kerajaan. | • Menyelaras perjumpaan / mesyuarat / diskusi di antara pihak FINAS dan industri bagi membincangkan usahasama yang berkaitan.<br>• Mengumpul data dan maklumat penting bagi keperluan usahasama yang ingin dijalankan.<br>• Menyediakan dokumen / kertas kerja yang berkaitan dari semasa ke semasa. |
| Mengenalpasti Dan Menyelaras Projek Kerjasama Penerbitan Dari Luar Negara. | • Berhubung dengan pihak penerbitan luar negara bagi kerjasama penerbitan yang ingin dicapai.<br>• Menyediakan kertas cadangan kerja yang berkaitan.<br>• Menjadi pegawai perantara bagi pihak FINAS untuk sebarang urusan di antara kedua-dua pihak termasuk pihak kementerian. |
| Merangka Penyediaan Draf Perjanjian Kerjasama Penerbitan *(Film Co-Production Agreement)* Dengan Negara Luar. | • Berbincang secara khusus dengan pihak pengurusan tertinggi FINAS serta pengarah bahagian berkenaan draf yang ingin dirangka.<br>• Menjadi pegawai yang bertanggungjawab berkenaan sebarang urusan draf perjanjian di pihak FINAS dan kementerian. |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

| Bil | (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1 | RM100 Juta QMPE | RM100 Juta QMPE | RM167 Juta |
| 2 | Rundingan Kerjasama Penerbitan Filem Malaysia | 2 Rundingan | 2 Rundingan:<br>a) Turkey<br>b) Australia |

## Senarai Aktiviti/ Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *India International Film Tourism Conclave (IIFTC), Mumbai* | 1-3 Mac 2018 | Mumbai, India | Melalui penglibatan program ini, beberapa peluang baik telah diperolehi seperti:<br><br>a. Mempromosikan 30% rebat kewangan melalui *Film In Malaysia Incentive (FIMI);*<br><br>b. Bertemu dan memberi tarikan kepada penerbit filem asing terutamanya |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Bollywood, Tollywood dan Kollywood untuk menjalankan aktiviti filem di Malaysia dan menjadikan malaysia sebagai destinasi penggambaran filem antarabangsa;<br><br>c. Membangunkan reputasi malaysia sebagai hub industri kandungan kreatif yang efisien;<br><br>d. Menggalakkan ekosistem dan meningkatkan pelaburan ekonomi industri kandungan kreatif; |
| 2 | *Focus: The Meeting Place For International Production* | 4-5 Disember 2018 | Business Design Centre, London | Focus merupakan pasaran lokasi bagi penggambaran filem yang terbesar di eropah yang melibatkatkan hampir 61 buah negara dari seluruh dunia yang memfokuskan lima (5) bidang terbesar iaitu insentif filem, lokasi penggambaran, servis produksi, teknologi produksi dan juga kewangan produksi. hampir 409 peserta pameran dan delegasi yang akan mengambil bahagian dan seramai 1604 pelawat yang akan turut serta didalam program ini. penganjur bagi pasaran lokasi ini adalah *The Location Guide.* |



# BAHAGIAN KEJURUTERAAN

# Unit Penyelenggaraan Am Bangunan

## Latar Belakang Unit Penyelenggaraan Am Bangunan

Unit Penyelenggaraan Am Bangunan merupakan salah sebuah unit di bawah Bahagian Kejuruteraan dengan kekuatan seramai 17 orang kakitangan. Dianggotai oleh 1 orang Jurutera Kanan, 2 orang Penolong Jurutera Kanan, 10 orang Penolong Jurutera, 3 orang Penjaga Jentera dan 1 orang Pembantu Awam.

## Objektif Unit Penyelenggaraan Am Bangunan

Bertanggungjawab untuk memulihara, menjaga, membaiki atau mencegah kerosakan berlaku ke atas sesuatu peralatan/utiliti supaya ia dapat berfungsi dengan sempurna di keseluruhan premis FINAS iaitu FINAS Hulu Kelang, FINAS Petaling Jaya dan FINAS Jalan Pahang Kechil. Bantuan teknikal juga turut merangkumi semua Pejabat Cawangan Pelesenan & Penguatkuasaan.

## Fungsi Unit Penyelenggaraan Am Bangunan

Melaksanakan kerja-kerja baikpulih dan penyelenggaraan kerosakan bagi *Civil & Structure (C&S)* dan *Mechanical & Electrical (M&E)* yang terdiri daripada kemudahan Lif, Pencegah Kebakaran, Pemadam Api, Penyaman Udara, Elektrikal, struktur bangunan, CCTV, Telefon, Fax, Jalan, Paip/Air dan lain-lain yang berkaitan.

## Jumlah Bajet diluluskan 2018 (RM/Juta)

Unit Penyelenggaraan Am Bangunan telah memperolehi peruntukan perbelanjaan di bawah penyelenggaraan dan pembaikan kecil bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM1,506,500.00.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM1,506,500.00. |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemeriksaan berkala Jurutera Kompeten (IR) MSB, SSB & Genset<br>Penyelenggaraan mesin angkut 2 Unit (lif)<br>Penyelenggaraan penghawa dingin (split unit & central) | 12x /thn | 12x /thn |
| 2. | Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran | 4x /thn | 4x /thn |
| 3. | Penyelenggaraan & pemeriksaan elektrikal bangunan | 6x /thn | 6x /thn |
| 4. | Penyelenggaraan & pemeriksaan Paging System<br>Penyelenggaraan & pemeriksaan Kamera Litar Tertutup (CCTV)<br>Penyelenggaraan Am Bangunan | 12x /thn | 12x /thn |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja penggantian Sistem Penghawa Dingin *Air Handling Unit (AHU)* di Bangunan Utama. | 17.10.2018 | FINAS Hulu Kelang |
| 2. | Kerja-kerja penggantian *Single Busbar Air Insulated Vacuum Switchgear 11kV* bagi menggantikan *11kV Oil Link Unit (OLU) Switchgear* | 7.3.2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 3. | Kerja-kerja penggantian *Main Switch Board (MSB)* | 16.8.2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 4. | Kerja-Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan *Transformer MTM 1500kva* | 5.9.2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 5. | Kerja-kerja pembaikan Studio Pentas Bunyi | 27.8.2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 6. | Kerja-kerja pembaikan dan penggantian bumbung di kafe | 18.4.2018 | FINAS Hulu Kelang |
| 7. | Kerja-kerja pembaikan perkakas elektrik – kapasitor bank, *power factor regulator & contactor* | 26.10.2018 | FINAS Hulu Kelang |
| 8. | Kerja-kerja menukar minyak hidraulik lif di Bangunan Utama | 12.8.2018 | FINAS Hulu Kelang |
| 9. | Kerja–kerja penyelenggaraan sistem penghawa dingin. | Secara kontrak servis & *in-house* (setiap bulan) | FINAS Hulu Kelang |
| 10. | Penyelenggaraan CCTV | Secara kontrak servis & *in-house* (setiap bulan) | FINAS Hulu Kelang |
| 11. | Kerja-kerja penggantian bumbung di lobi (hadapan *porch*) Bangunan Utama. | 26.11.2018 | FINAS Hulu Kelang |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

Peruntukan Belanja Mengurus yang diperolehi pada 2018 adalah sebanyak RM1,506,500.00. Sebanyak 58 kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang telah dirancang dan tidak dirancang dilakukan bagi tahun 2018 dan telah dibelanjakan sebanyak RM1,227,158.58 iaitu 82.%. Semua KPI unit juga turut dapat dicapai mengikut perancangan yang telah dirancang sama ada secara in-house atau secara lantikan kontraktor.

## Maklumat / Data / Statistik Pencapaian Dalam Bentuk Jadual / Carta Bar / Carta Pai Dan Lain-Lain




Perbelanjaan Wang Mengurus 2018
**Unit Penyelenggaraan Am Bangunan**



24

**24 Kerja-kerja** Civil & Structure (C&S)
Di Finas Hulu Kelang dan
di Finas Petaling Jaya



35

**35 Kerja-kerja** Mechanical & Electrical (M&E)
Di Finas Hulu Kelang dan
di Finas Petaling Jaya

Kerja-kerja Pembaikan | **Unit Penyelenggaraan Am Bangunan**

| | |
|---|---|
| **12x** setahun | • Pemeriksaan berkala Jurutera Kompeten (IR) MSB, SSB & Genset<br>• Penyelenggaraan mesin angkut 2 unit *(lift)*<br>• Penyelenggaraan penghawa dingin *(split unit & central)* |
| **12x** setahun | • Penyelenggaraan & pemeriksaan kamera litar tertutup *(CCTV)*<br>• Penyelenggaraan Am bangunan<br>• Penyelenggaraan & pemeriksaan *Paging system* |
| **6x** setahun | • Penyelenggaraan & pemeriksaan Elektrikal Bangunan |
| **4x** setahun | • Penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran |

Petunjuk Prestasi Utama KPI 2018 | **Unit Penyelenggaraan Am Bangunan**



Kerja-kerja membuka & memasang indoor AHU 500,000 btu di tingkat 2 & 3, Bangunan Utama, di Finas Hulu Kelang



Pemeriksaan sistem pencegah kebakaran oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat di Finas Hulu Kelang



Penggantian dan pembaikan motor water pump Studio Sound Stage



Pemeriksaan berkala Janakuasa Tunggu Sedia (Genset)





Kerja-kerja penggantian *Single Busbar Air Insulated Vacuum Switchgear 11KV* di FINAS Petaling Jaya.



Kerja-kerja penggantian *Main Switch Board (MSB)* di FINAS Petaling Jaya



Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan *Condenser Water Pump* Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Chiller Di Kompleks FINAS Petaling Jaya



Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Servis Penyaman Udara di FINAS Petaling Jaya

# Unit Pengurusan Fasiliti

## Pengenalan

FINAS melalui Unit Pengurusan Fasiliti di Bahagian Kejuruteraan adalah dipertanggungjawab menguruskan semua Aset Tak Alih FINAS seperti penerimaan dan pendaftaran, operasi dan penyenggaraan, penilaian keadaan/ prestasi, pemulihan/ ubahsuai/ naik taraf, pelupusan dan kehilangan dan hapus kira serta mengurusetia Mesyuarat JKPAK Fasiliti FINAS.

Peruntukan Bajet Mengurus 2018 bagi Unit Pengurusan Fasiliti adalah sebanyak RM86,960.00 digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktivit berkaitan Aset Tak Alih FINAS. Antaranya adalah penilaian tanah dan bangunan di Pejabat FINAS di FINAS Ibu Pejabat, Galeri Perfileman FINAS, FINAS Petaling Jaya, FINAS Zon Utara, FINAS Zon Selatan, FINAS Sarawak (Santubong) dan FINAS Wilayah Sarawak (Petrajaya).

Selain itu, UPF juga menjalankan pemeriksaan berkaitan pengubahsuai fizikal bangunan seperti di FINAS Sarawak (Santubong). UPF juga terlibat dalam Mesyuarat JKPAK Fasiliti FINAS dan KKMM 4 kali setahun serta Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) Peringkat KKMM sebulan sekali. Disamping itu, UPF juga telah menghadiri Kursus Tatacara Pelaporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) bagi Peringkat Zon Utara Siri 1/2018 yang dianjurkan oleh pihak KKMM.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Mengemaskini data pada Laporan Aset Tak Alih bagi JKR.PATA.3A, JKR.PATA.3B dan JKR.PATA.3C mengikut sukuan. | 4x Setahun | 4x Setahun |
| 2. | Mengemaskini data pada Sistem mySPATA JKR. Seperti berikut:-<br><br>Sistem kod Aset Tak alih (SKATA).<br>i. Aset Bangunan.<br>ii. Aset Jalan.<br>iii. Aset Saliran.<br>iv. Aset Pembentungan.<br>v. Daftar Premis Aset (DPA).<br>vi. Daftar Aset Khusus (DAK). | 4x Setahun | 4x Setahun |
| 3. | Mengendalikan mesyuarat JKPAK (Fasiliti) FINAS sebanyak 4 kali setahun mengikut Arahan Pekeliling Am Bil.2 tahun 2012. | 4x Setahun | 4x Setahun |
| 4. | Melaksanakan kerja-kerja mengemaskini pelan bangunan dan mendapatkan maklumat berkaitan perubahan untuk sistem mekanikal, elektrik dan awam bangunan. | 4x Setahun | 4x Setahun |
| 5. | Menjalankan pemeriksaan berkala untuk menilai prestasi/ keadaan aset bangunan bagi pejabat FINAS. | 1x Setahun | 1x Setahun |
| 6. | Menjalankan kerja-kerja penilaian bagi tanah dan bangunan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi setiap bangunan milik FINAS. | 1x Setahun | 1x Setahun |

## Senarai Aktiviti/ Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kerja- kerja mengemaskini, melipat, menyusun dan melabelkan pelan yang sedia ada. | 14/04/2018 – 30/08/2018 | Bilik Pelan FINAS UK | Penyusunan semula Lukisan Pelan. |
| 2 | Lawatan Tapak JPPH | 18/07/2018 | FINAS Zon Utara | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 3 | Lawatan Tapak JPPH | 24/06/2018 | FINAS Johor Bahru | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 4 | Lawatan Tapak JPPH | 30/06/2018 | Galeri Perfileman FINAS | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 5 | Lawatan Tapak JPPH | 11/07/2018 | Ibu Pejabat FINAS Hulu Kelang | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 6 | Lawatan Tapak JPPH | 12/07/2018 | Sarawak (Petrajaya) | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 7 | Lawatan Tapak JPPH | 12/07/2018 | FINAS Sarawak (Santubong) | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 8 | Lawatan Tapak JPPH | 18/07/2018 | FINAS Petaling Jaya | Membuat penilaian bangunan dan tanah. |
| 9 | Lawatan Kerja Rasmi Berkaitan Pengubahsuaian Fizikal Bangunan (Aset Tak Alih) | 28/06/2018 - 29/06/2018 | FINAS Sarawak (Santubong) | Merekodkan pengubahsuaian dilakukan ke dalam laporan JKR.PATA.3B |
| 10 | Pendigitalan lukisan siap bina | 15/09/2018 - 30/09/2018 | Bilik Pelan FINAS UK | Membuat simpanan lukisan di dalam bentuk digital |
| 11 | Perbincangan bagi mendapatkan ruangan bilik untuk dijadikan Bilik Pelan di Bangunan FINAS PJ. | 19/10/2018 | FINAS PJ | Memastikan Bilik Pelan wajib ada di FINAS PJ sebagai *back-up* plan. |
| 12 | Sesi Pemurnian Bahagian Kejuruteraan | 05/10/2018 - 07/10/2018 | Langkawi, Kedah | Membincangkan fungsi bahagian dan unit. |
| 13 | Kerja-kerja pembersihan Bilik Pelan | 18/10/2018 - 30/10/2018 | FINAS PJ | Menjadikan bilik pelan yang baru diperolehi tersusun dan bersih. |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 14 | Kerja-kerja pemindahan pelan dari bilik stor penyelenggaraaan | 05/12/2018 - 12/12/2018 | Bilik Pelan FINAS PJ | Meletakkan semua pelan FINAS PJ yang ada di Bilik Pelan yang baru. |
| 15 | Kerja-kerja tagging untuk tujuan pendigitalan | 17/12/2018 - 28/12/2018 | Bilik Pelan FINAS UK | Memastikan pelan yang dikumpul disusun mengikut kategori atau jenis lukisan. |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

Unit Pengurusan Fasiliti adalah satu unit di bawah Bahagian Kejuruteraan. Unit ini berperanan menguruskan semua jenis aset tak alih FINAS yang terdiri daripada aset bangunan, tanah, jalan dan saliran.

Skop utama unit ini adalah memastikan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih iaitu Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012 daripada Jabatan Perdana Menteri dilaksanakan mengikut kesesuaian di FINAS. Dengan itu, unit ini telah mencapai objektif mengikut pekeliling tersebut dengan melaksanakan 4kali mesyuarat di tahun 2018.

Disamping itu, pada tahun 2018 juga satu penilaian dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) bagi mengenal pasti harga semasa aset tak alih FINAS selepas penilaian ini pernah dilakukan pada tahun 2015. Sekaligus ianya dapat menentukan susut atau pertambahan nilai bagi aset tak alih FINAS.

## Maklumat/Data/Statistik Pencapaian Dalam Bentuk Jadual/Carta Bar/Carta Pai Dan Lain-Lain



## Gambar-Gambar Aktiviti / Program



Penilaian Tanah dan Bangunan di sebahagian Pejabat FINAS.



Penilaian Tanah dan Bangunan di sebahagian Pejabat FINAS.



Merekodkan Pengubahsuaian Fizikal Bangunan (Aset Tak Alih) Di Finas Sarawak (Santubong).

# Unit Pembangunan Fizikal dan Penyelenggaraan Fasiliti

## Objektif Bahagian / Unit

Membantu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) merancang, mengurus, melaksanakan, mengawasi, menyenggara, membaikpulih dan memelihara meliputi peralatan perfileman dan kemudahan asas yang terdapat di FINAS melalui khidmat nasihat, aktiviti penyenggaraan dan "Projek Pembangunan Fizikal".

## Fungsi

i. Merancang, melaksana, menyelenggara, mengurus dan menyelaras pembelian alat ganti kesemua peralatan perfileman, peralatan produksi, peralatan pasca produksi dan peralatan audio visual.

ii. Merancang, menganalisa, mengurus serta melaksana Projek Pembangunan Fizikal seperti projek di bawah Rancangan Malaysia (RMK) dan projek-projek khas selaras dengan fungsi, misi dan visi dan objektif organisasi.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM 2,767,960.00 |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 |
|---|---|---|
| 1 | Penyelenggaraan studio (Sound Sound Stage, Studio Ho Ah Loke dan L.Krishnan). | 2 x Setahun |
| 2 | Penyelenggaraan DCP Pawagam Mini P. Ramlee | 2 x Setahun |
| 3 | Penyelenggaraan peralatan audio visual (Bilik Mesyuarat Samad Idris, HM Shah, Mix Stage, Finaspost, Bilik Mesyuarat Finas PJ dan Panggung 1) | 2 x Setahun |
| 4 | Penyelenggaraan server storage untuk peralatan sistem Digital Intermediate (DI) | 4 x Setahun |
| 5 | Penyelenggaraan studio (Studio Pentas Bunyi 1, Panggung 1 & 2) | 2 x Setahun |
| 6 | Penyelenggaraan Kamera Digital (P2 HD & P2 4k) termasuk peralatan sokongan | 2 x Setahun |
| 7 | Penyelenggaraan mesin suntingan (Edius & AVID) | 4 x Setahun |
| 8 | Penyelenggaraan pengimbas filem (Scanity) | 2 x Setahun |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Lokasi |
|---|---|---|
| 1 | Pembaikan tembok bangunan Finas | Finas, Ulu Kelang |
| 2 | Urusetia Rancangan Malaysia ke-11 | KKMM, Putrajaya |
| 3 | Urusetia task force bangunan Mix Stage | Midas Surplus Management Sdn Bhd, Petaling Jaya |
| 4 | Kerja pembaikan Bright Drive | Finas, Petaling Jaya |
| 5 | Penyelenggaraan Berjadual & Pembaikan Peralatan Perfileman | Finas Ulu Kelang & Finas Petaling Jaya |

## Gambar-Gambar Aktiviti / Program

### Penyelenggaraan Fasiliti



Kerja-kerja pembaikan Bright Drive Server Bilik Alihan, Finas Petaling Jaya



Kerja kerja penyelenggaraan berjadual (Hoist Light) Studio Sound Stage, Finas Ulu Kelang



Kerja kerja penyelenggaraan berjadual (Projector DCP) Pawagam Mini P. Ramlee, Finas Ulu Kelang



Kerja kerja penyelenggaraan berjadual (Steady Cam) Bilik Alat, Finas Petaling Jaya

## Pembangunan Fizikal



Kerja-kerja pembaikan tembok bangunan Finas, Finas Hulu Kelang



# BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL

# Bahagian Teknologi Audio Visual

## Latar Belakang Bahagian/Unit

Bahagian Teknologi Audio Visual (BTAV) berfungsi bagi melaksanakan fungsi FINAS berdasarkan:

i) Akta 244 Seksyen 6 (1) – (f) Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud subseksyen (2) (c)

ii) Akta 244 Seksyen 6 (2) – (c) Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan perfileman untuk pengeluar, pengedar dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar.

Bahagian ini berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada FINAS khususnya dan pihak Kementerian juga industri amnya. Selain dari itu BTAV memainkan peranan dalam mencari dan meneroka teknologi terkini industri perfileman dan penyiaran. Ini bagi membolehkan FINAS selari dengan teknologi semasa dan terkehadapan. Penambahbaikan peralatan dan sistem ini membolehkan FINAS menyediakan perkhidmatan yang baik dan berkesan.

## Objektif Bahagian/Unit

Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia melalui teknologi.

## Fungsi Bahagian/Unit

### 1. Fungsi Utama Bahagian

i. Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia melalui teknologi.

ii. Memastikan segala kemudahan fasiliti peralatan dan perkhidmatan FINAS berkendali dan berada dalam keadaan yang baik.

iii. Untuk menentukan supaya operasi setiap aktiviti diuruskan selaras dengan dasar, rancangan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi.

iv. Untuk mencadangkan langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan- kelemahan dalam sistem operasi aktiviti-aktiviti dan memberi pendapat serta pandangan yang positif, bebas dan objektif.

### 2. Fungsi Setiap Unit

#### Unit Fasiliti Produksi

i. Merancang dan melaksana pengoperasian sistem dan server audio visual arkib digital.

ii. Merancang dan melaksana kerja-kerja alihan format bahan arkib. (DCP, MOV, BLU-RAY, MPEG4, JPEG2000, FILEM,TAPE Dll..).

iii. Melaksanakan kerja-kerja Quality Control bahan terbitan produksi FINAS.

iv. Merancang dan melaksana cadangan penambahbaikkan bagi fasiliti produksi FINAS.

v. Melaksanakan kerja-kerja pengoperasian alihan CD dan DVD bagi keperluan Kementerian, agensi dan FINAS.

vi. Merancang dan melaksana pengoperasi dan seliaan Bilik Alihan.

vii. Menyediakan bahan video untuk edaran ke semua agensi kerajaan dalam menyampaikan dasar-dasar semasa kerajaan.

viii. Memberi bantuan teknikal kerja-kerja operasi dan seliaan server audio visual produksi FINAS.

ix. Melaksana jalinan kerjasama teknikal di antara FINAS dan badan–badan teknikal industri kreatif dalam dan luar negara.

x. Merancang, menguruskan dan melaksana kerja-kerja penyimpanan peralatan teknikal FINAS di stor utama peralatan, pinjaman peralatan kepada unit dalaman FINAS dan sewaan kepada syarikat produksi luar.

xi. Menyelia dan menjaga secara keseluruhan sistem operasi di *Studio Digital Mix Stage* seperti pengoperasian sistem *Foley, Audio Dubbing Room 1 & 2, Audio Sweeting Room & Optical Sound.*

## 3. Unit Teknologi Fasiliti

i. Menyediakan bahan kandungan PSA terbitan FINAS bagi tujuan hebahan di peringkat Kementerian, GLC, Agensi dan semua bentuk paparan digital.

ii. Mengurus dan menambah baik pengoperasian projek *Center Of Excellence* (COE) dalam mencapai objektif dan KPI projek.

iii. Mengenal pasti, menambah baik dan menyediakan kemudahan teknikal teknologi audio visual yang mampu meningkatkan kualiti filem Malaysia pada tahap optimum.

## 4. Unit Penyeliaan Studio

i. Bertanggungjawab untuk operasi dan seliaan teknikal bagi:

### a. FINAS UK

- *Studio Sound Stage*
- Studio Ho Ah Loke
- Studio L Krishnan
- Dataran Karyawan
- Pawagam Mini P. Ramlee
- Dewan Samad Idris
- Bilik Mesyuarat H.M. Shah
- Bilik Mesyuarat Finas Post
- Bilik Mesyuarat Mixstage
- *Concourse Mixstage*

### b. FINAS PJ

- *Studio Sound Stage*
- Panggung 1
- Panggung 2
- Panggung Makmal
- Bilik Mesyuarat Utama
- Bilik Perbincangan

ii. Menjalankan kerja-kerja teknikal untuk pelaksanaan aktiviti dan program COE, wayang pacak, program dan majlis anjuran FINAS, KKMM dan agensi berkaitan seperti sistem siaraya, paparan digital *(LED wall & LED screen/display),* projektor laser & digital, skrin gergasi & layar perak, sistem percahayaan majlis & produksi dan lain-lain yang berkaitan

iii. Mengiringi dan memantau penyewaan peralatan produksi teknikal FINAS.

iv. Melaksanakan kerja-kerja *Multi Camera Production (MCP)* bagi aktiviti FINAS.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
| --- |
| RM 416,300.00 |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Menambah koleksi arkib di dalam Sistem E-Heritage | Bil. Judul = 1000<br>Bil. Jam = 200 | Bil. Judul = 754<br>Bil. Jam = 485 |
| 2. | Melaksanakan kerja-kerja kawalan mutu (QC) bagi setiap bahan video yang diterima. | Bil. Judul = 500<br>Bil. Jam = 100 | Bil. Judul = 415<br>Bil. Jam = 428 |
| 3. | Melaksanakan pengauditan peralatan produksi di dalam Stor Peralatan | 4 | 4 |
| 4. | Paparan PSA | 3 | 3 |
| 5. | Aktiviti Dalaman FINAS<br>i. Sewaan/ Perkhidmatan<br>ii. Borang Kepuasan Pelanggan | i. Sewaan/ Perkhidmatan = 331<br>ii. Borang Kepuasan Pelanggan = 100% | iii. Sewaan/ Perkhidmatan = 450<br>iv. Borang Kepuasan Pelanggan = <85% |
| 6. | Aktiviti Luar FINAS (Wayang pacak/MCP/ Pameran)<br>i. Sewaan/ Perkhidmatan<br>ii. Borang Kepuasan Pelanggan | i. Sewaan/ Perkhidmatan = 24<br>ii. Borang Kepuasan Pelanggan = 100% | iii. Sewaan/ Perkhidmatan = 12<br>iv. Borang Kepuasan Pelanggan = <85% |

## Jadual 1 : Jumlah penggunaan kemudahan dan peralatan FINAS oleh pengguna pada tahun 2018

| Bil | Kemudahan | Bil. Penggunaan |
|---|---|---|
| 1. | Pinjaman Peralatan Perfileman (Dalaman & Luar) | 79 |
| 2. | Studio Sound Stage, Ho Ah Loke & L. Krisnan | 20 |
| 3. | Menambah koleksi arkib di dalam Sistem *E-Heritage* | 754 Judul<br>485 Jam |
| 4. | Pawagam Mini P. Ramlee, Panggung 1 & 2 | 132 |
| 5. | Dataran Karyawan & Bilik-bilik Mesyuarat FINAS Hulu Kelang & Petaling Jaya | 256 |
| 6. | *Multi Camera Production* | 3 |
| 7. | Program Wayang Pacak | 20 |



Menambah koleksi arkib *(archive)* di dalam Sistem *E-Heritage* sepanjang 2018 di bilik *server* FINAS PJ.



Kerja-kerja kawalan mutu *(QC)* bagi setiap bahan video yang diterima sepanjang 2018 di Bilik Alihan FINAS PJ.



Melaksanakan pengauditan peralatan produksi di dalam Stor Peralatan pada Mac 2018



Kerja-kerja operasi dan seliaan teknikal studio sound stage bagi program Astro Arena Panggang FINAS UK pada 21 September 2018



Kerja-kerja teknikal untuk pelaksanaan aktiviti tayangan wayang pacak program SAMA-SAMA di Ipoh, Perak pada 18 Ogos 2018



# BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI

# Bahagian Pengurusan Produksi

## Latar Belakang

Bahagian ini mempunyai dua (2) unit iaitu Unit Sekretariat Dana Kandungan Digital (DKD) dan Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Projek. Unit Sekretariat DKD bertanggungjawab dalam pengurusan permohonan DKD yang terdiri daripada penggiat industri kreatif samada secara individu atau syarikat produksi tempatan. Manakala Unit Pelaksanaan & Pemantauan Projek bertanggungjawab memastikan projek yang telah diluluskan dapat menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Bahagian ini berfungsi sebagai pelaksana dan pengurusan Dana Kandungan Digital (DKD) mulai 2015.

Dana Kandungan Digital (DKD) dahulunya dikenali dengan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) telah diperkenalkan mulai April 2015 sehingga kini oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). FINAS sebagai agensi Pelaksana DKD manakala Bahagian Pembangunan Kandungan KKMM sebagai Pengawal Selia DKD.

Objektif Dana Kandungan Digital (DKD) adalah:

I. Membantu memudahkan dan menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta tinggi dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa;

II. Membantu membangunkan modal insan yang bermutu secara lestari bagi mengoptimumkan potensi industri kandungan kreatif;

III. Membantu membangunkan kandungan kreatif yang berdaya saing sebagai sumber pendapatan negara dalam mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi;

IV. Membantu penggiat industri dalam menghasilkan harta intelek (IP) Malaysia yang berdaya saing.

## Unit Sekretariat

Fungsi Unit Sekretariat adalah:

a) Menguruskan permohonan DKD daripada individu/ syarikat.

b) Menguruskan mesyuarat yang berkaitan dengan permohonan DKD iaitu:

- Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian DKD
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus (Dana Mikro)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus DKD
- Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan DKD

c) Menguruskan program *'Outreach'* Dana Kandungan Digital (DKD) bersama penggiat industri.

d) Menguruskan Belanjawan & Perbelanjaan Bajet Mengurus & Bajet RMK 11.

Pada tahun 2018, FINAS telah menerima peruntukan sebanyak RM36.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk menguruskan dana ini. Sebanyak RM36,509,672 telah dibelanjakan dan baki peruntukan adalah sebanyak RM290,328.

Berikut merupakan jumlah kelulusan yang telah diluluskan pada tahun 2018:

| Bil | Jenis Dana | Bil. Projek | Jumlah Dana Diluluskan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Mikro | 59 | 177,000 |
| 2. | Pembangunan | 13 | 740,000 |
| 3. | Produksi | 88 | 31,483,600 |
| 4. | Pemasaran | 11 | 860,000 |
| 5. | PSA | 2 | 190,000 |
| 6. | Rayuan | 4 | 2,900,000 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **177** | **36,350,600** |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Sekretariat

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian DKD | 2 kali sebulan = 16 kali setahun | 23 kali mesyuarat |
| 2. | Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus (Dana Mikro) | 4 kali setahun | 5 kali mesyuarat |
| 3. | Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus DKD | 1 kali sebulan = 8 kali setahun | 7 kali mesyuarat |
| 4. | Menyediakan Data maklumat Dana Kandungan Digital (DKD) | 1 kali sebulan = 8 kali setahun | 1 kali sebulan = 8 kali setahun |

## Senarai Aktiviti/Program Unit Sekretariat

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Retreat penambahbaikan Dana Kandungan Digital (DKD) | 4 – 6 Januari 2018 | Genting Highland | Penambahbaikan Standard Operating Prosedur (SOP) bagi tahun 2018. |
| 2. | Sesi Mesyuarat JK Penilaian DKD di Semenanjung Malaysia | Januari – Disember 2018 | FINAS PJ & Hulu Kelang | Pihak syarikat produksi membentangkan idea dan proposal projek pada sesi *pitching* DKD untuk penilaian oleh panel. |
| 3. | Sesi Mesyuarat JK Pelulus Mikro-DKD di Semenanjung Malaysia | Januari – Disember 2018 | FINAS PJ & Hulu Kelang | Disasarkan kepada penggiat seni individu terutamanya golongan belia untuk membangunkan kandungan video untuk kegunaan platform digital. |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Sesi Taklimat Industri Dana Kandungan Digital di Sabah | 5 September 2018 | Sabah | Selaras dengan hasrat YB Menteri untuk memberikan peluang dan ruang kepada penggiat industri di Sabah mendapatkan kepelbagaian kandungan kreatif serta memudahkan dan menggalakkan penggiat industri di Sabah bagi memohon dana. |
| 5. | Sesi Pitching DKD di Sabah (Mesyuarat JK Penilaian DKD & Mesyuarat JK Pelulus Dana Mikro-DKD) | 16 September 2018 | Sabah | |
| 6. | Sesi Taklimat Industri DKD & *Sharing Session Dana Mikro DKD di Sarawak* | 1 November 2018 | Sarawak | Selaras dengan hasrat YB Menteri untuk memberikan peluang dan ruang kepada penggiat industri di Sarawak mendapatkan kepelbagaian kandungan kreatif serta memudahkan dan menggalakkan penggiat industri di Sabah bagi memohon dana. |
| 7. | Sesi *Pitching DKD* di Sarawak (Mesyuarat JK Penilaian DKD & Mesyuarat JK Pelulus Dana Mikro) | 30 November 2018 | Sarawak | |

## Maklumat/Data/Statistik Pencapaian Unit Sekretariat

### 1. Bilangan projek diluluskan mengikut **jenis dana** bagi tahun 2018

| Bil | Jenis Dana | 2018 |
|---|---|---|
| 1. | Dana Mikro | 59 |
| 2. | Dana Pembangunan | 13 |
| 3. | Dana Produksi | 88 |
| 4. | Dana Pemasaran | 11 |
| 5. | Dana PSA | 2 |
| | **Jumlah** | **173** |




### 2. Bilangan kelulusan mengikut **kategori projek** bagi tahun 2018

| Bil | Kategori Projek | 2018 |
|---|---|---|
| 1. | Filem Cereka | 49 |
| 2. | TV Siri / Program TV | 35 |
| 3. | Dokumentari | 20 |
| 4. | Animasi | 5 |
| 5. | Permainan Digital | 2 |
| 6. | PSA | 3 |
| | **Jumlah** | **114** |




### 3. Bilangan kelulusan mengikut **kategori projek** bagi **Dana Produksi** tahun 2018

| Bil | Kategori Projek | 2018 |
|---|---|---|
| 1. | Filem Cereka | 31 |
| 2. | TV Siri | 34 |
| 3. | Dokumentari | 19 |
| 4. | Animasi | 3 |
| 5. | PSA / Kapsul | 1 |
| | **Jumlah** | **88** |



### 4. Bilangan kelulusan mengikut **kategori projek** bagi **Dana Pemasaran** tahun 2018

| Bil | Kategori Projek | 2018 |
|---|---|---|
| 1. | Pengiklanan & Promosi (A & P) (Filem Cereka) | 11 |
| 2. | Penyertaan & Promosi (P & P) | 0 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **11** |

### 5. Bilangan kelulusan mengikut **kategori projek** bagi **Dana Mikro** tahun 2018

| Bil | Kategori Projek | 2018 |
|---|---|---|
| 1. | Cerita Pendek | 29 |
| 2. | Video Log | 6 |
| 3. | Muzik Video | 17 |
| 4. | Lain-lain | 7 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **59** |



## Gambar-Gambar Aktiviti / Program





| | | |
|---|---|---|
| Nama Program | : | Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Dana Kandungan (DKD) |
| Aktiviti | : | Sesi Pembentangan Projek oleh Syarikat Produksi |
| Tarikh | : | 16 September 2018 |
| Tempat | : | Kota Kinabalu, Sabah |





| | | |
|---|---|---|
| Nama Program | : | Sesi Taklimat Industri Dana Kandungan Digital (DKD) & *Program Sharing Session* Dana Mikro DKD di Sarawak |
| Tarikh | : | 1 November 2018 |
| Tempat | : | Ibu Pejabat, FINAS Sarawak |






Nama Program : Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus Dana Mikro DKD
Tarikh : 30 November 2018
Tempat : Ibu Pejabat, FINAS Sarawak





Nama Program : Sesi Mesyuarat Penilaian DKD & Mesyuarat Jawatankuasa Pelulus Dana Mikro DKD
Tarikh : Januari 2018 - Disember 2018
Tempat : FINAS Hulu Kelang

## Unit Pelaksanaan & Pemantauan Projek

Unit Pelaksanaan & Pemantauan Projek merupakan unit di bawah Bahagian Pengurusan Dana yang berfungsi untuk memantau projek-projek yang menerima Dana Kandungan Digital. Selain itu, unit ini juga berperanan dalam memproses pembayaran setiap projek yang menerima dana mengikut jadual milestone yang telah ditetapkan dalam perjanjian.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Pelaksanaan & Pemantauan Projek

Berikut merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah dicapai oleh unit ini pada tahun 2018:

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian *Milestone* | 20 kali | 24 kali |
| 2. | Bilangan Projek Yang Dipantau | 100 projek | 173 projek |
| 3. | Bilangan Projek Yang Telah Disiapkan | 50 projek | 10 projek |
| 4. | Pemantauan Projek Dilapangan | 12 kali | 8 kali |
| 5. | Bilangan Perjanjian Yang Disediakan | 100 perjanjian | 173 perjanjian |

## Pencapaian Projek Di Bawah Dana Kandungan Digital

Secara keseluruhannya sebanyak 626 projek telah diluluskan dibawah Dana Kandungan Digital (DKD) sejak tahun 2015. Daripada jumlah tersebut sebanyak 280 projek telah berjaya disiapkan, 269 projek lagi masih dalam proses, 24 projek menarik diri dan 53 projek ditamatkan. Berikut statistik projek yang dipantau sehingga kini:



Pada tahun 2018, sebanyak 173 projek telah diluluskan di bawah Dana Kandungan Digital. Daripada jumlah tersebut sebanyak 10 projek telah disiapkan, 148 masih peringkat penerbitan, 6 syarikat menarik diri dan 9 projek yang dibatalkan. Statistik status projek yang dipantau untuk tahun 2018 adalah seperti berikut:




| Bil | Syarikat | Tajuk | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | Asia Tropical Films Sdn Bhd | Paskal | • Kutipan box office sebanyak RM30 juta |
| 2. | Veedu Production Sdn Bhd | Vedigundu Passange | • Kutipan box office sebanyak RM1.3 juta<br>• Memenangi Anugerah Lakon Layar Terbaik dai Barcelona Planet Film Festival 2018 |
| 3. | Skop Production Sdn Bhd | Munafik 2 | • Kutipan box office RM40 juta<br>• Berjaya ditayangkan di Indonesia |
| 4. | Pixel Play Sdn Bhd | One Two Jaga | • Kutipan *box office* RM343 ribu<br>• Terpilih untuk tayangan filem terbaik Asia di Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-29<br>• Tercalon filem terbaik di 17th New York Asian Film Festival 2018 dan *Grand Prix* (filem terbaik Asia) di *12th Five Flavours Asian Film Festival, Poland.*<br>• Tayangan khas di *21st Shanghai International Film Festival (China), 20th Udine Far East Film Festival (Itali) & Fukuoku International Film Festival 2018.* |

| Bil | Syarikat | Tajuk | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 5. | Lomo Pictures Sdn Bhd | A House of Happiness | • Kutipan *box office* sebanyak RM2.18 juta<br>• Ditayangkan di China pada 15 Jun 2018<br>• Telah dijual di *Fox's TV, Taiwan*<br>• Telah dijual di *'In Flight Sales'* seluruh Asia<br>• Terpilih di Festival Filem Vancouver Chinese ke-6 |
| 6. | Fadhlin Sakina Abdullah | The Pursuit | • Terpilih ke Festival filem Pendek Asean di New York |
| 7. | Giggle Garage Sdn Bhd | Cam & Leon | • Jumlah tontonan di *Youtube* melebihi 3 juta |
| 8. | CB Pictures Sdn Bhd | Lee Chong Wei: Rise of The Legend | • Kutipan box office sebanyak RM4.8 juta<br>• Ditayangkan di 8000 pawagam di China<br>• Ditayangkan di Hong Kong, Macau & Taiwan |

## Senarai Pemantauan Projek Di Lapangan

| Bil | Tarikh Pemantauan | Syarikat Produksi | Lokasi Pamantauan | Tajuk Projek |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 17 Okt 2018 | Red Circle Studio Sdn Bhd | Kajang, Selangor | Robozeta |
| 2. | 17 Okt 2018 | Makmur Megah Sdn Bhd | Ampang, Selangor | MAC & TAC: The Power of Garuda |
| 3. | 17 Okt 2018 | NS Star Sdn Bhd | Menara TM, Bangsar | Hero |
| 4. | 24 Okt 2018 | Funwerk Sdn Bhd | Scribble Studio, Bandar Sri Damansara | Henry The Black & The Secret of Forefathers |
| 5. | 24 Okt 2018 | Hud Hud Media Sdn Bhd | Pejabat Karangkraf, Shah Alam | Reqaman |
| 6. | 24 Okt 2018 | Kash Picture Sdn Bhd | Chain FX Studio Sdn Bhd, Cyberjaya | Suatu Ketika |
| 7. | 24 Okt 2018 | Elite Forsure Sdn Bhd | PKS-UMT Putrajaya Ayer@8 | Jodoh-Jodoh Annisa |
| 8. | 24 Nov 2018 | Two Tones Sdn Bhd | Two Tone Sdn Bhd Lingkaran Cyberpoint Barat, Cyberjaya | The Adventure of Buntat/ Budak Botak |

## Sesi Pemantauan Projek Di Lapangan Sepanjang Tahun 2018

### 1) Sead Studios Sdn Bhd Siri Animasi "Awang Khenit Ss.2"





Sesi makluman status projek dan sesi memperkenalkan karakter-karakter bagi animasi Awang khenit ss.2

### 2) Infinite Motion Sdn Bhd-Animasi "Maya"





Lawatan studio animasi Infinite Motion Sdn Bhd dan penerangan oleh Dato' Rahman iaitu CEO syarikat tersebut.

### 3) Giggle Garage Sdn Bhd Siri Animasi "Cam & Leon"




Sesi penayangan karakter Cam & Leon serta penerangan perancangan tayangan di stesen televisyen.

4) **Syarikat Red Circle Studio Sdn Bhd-Siri Animasi “Robozeta”**





Sesi *post production (editing)* untuk setiap episod dan juga tayangan beberapa *scene* untuk setiap episod yang telah siap sepenuhnya.

5) **Syarikat Makmur Megah Sdn Bhd Filem Cereka Animasi “Mac & Tac: The Power of Garuda”**





Sesi penerangan editing untuk pergerakan karakter-karakter didalam animasi ini

6) **Syarikat NS Star Sdn Bhd-Filem Cereka “Hero”**





Penggambaran telah dilakukan di Menara TM, Bangsar. Adegan-adegan penting telah dibuat di sini. Merupakan lokasi kedua terakhir untuk projek ini.



# BAHAGIAN KREATIF DAN TEKNIKAL

# Bahagian Kreatif dan Teknikal

## Bahagian Kreatif dan Teknikal

Sebagai barisan hadapan penyedia kandungan berkualiti serta khazanah audio visual negara, Bahagian Kreatif dan Teknikal mengorak langkah meneruskan legasi pencapaian penerbitannya. Ia memiliki objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman rakyat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan menerusi kandungan yang diterbitkan.

Bahagian ini menjalankan fungsi merancang, mengendali dan menerbitkan dokumentari, video pendek dan promo serta mengendalikan liputan peristiwa bersejarah negara secara cekap, bermutu dan berkesan. Ia juga memberi khidmat nasihat kepada pihak industri mengenai penerbitan dokumentari dan promo.

Terdapat 5 unit yang saling melengkapi dalam usaha melaksanakan peranannya iaitu Unit Dokumentari, Unit Promo, Unit Media dan Dokumentasi, Unit Kamera dan Audio serta Unit Suntingan dan Grafik.

FINAS melalui Bahagian Kreatif dan Teknikal diberi keutamaan dan kepercayaan sebagai media rasmi bagi majlis dan sambutan penting negara antaranya Pilihanraya Umum Ke-14, Hari Kebangsaan dan Istiadat Pertabalan Sultan Kedah Ke-29.

Pada 2018, sebanyak 175 tajuk berjaya dihasilkan.

## Senarai Penerbitan Mengikut Jenis Kandungan Pada 2018

| Bil | Jenis Kandungan | Bilangan | Jumlah Jam Penerbitan |
|---|---|---|---|
| 1. | Dokumentari | 19 | 9 Jam 42 Minit |
| 2. | Video Pendek | 8 | 24 Minit |
| 3. | Promo | 36 | 35 Minit 30 Saat |
| 4. | Liputan Arkib | 112 | 195 Jam 9 Minit |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **175** | **205 Jam 50 Mini 30 Saat** |

## Unit Dokumentari

Unit Dokumentari berperanan menerbitkan kandungan berkaitan dokumentari dan video pendek khususnya mengenai dasar dan kejayaan negara. Bagi mempelbagaikan skop kandungan, unit ini turut menerbitkan dokumentari daripada pelbagai genre dan topik khususnya berkaitan *human interest.*

Unit Dokumentari turut menjalin usahasama penerbitan dengan negara-negara lain khususnya rantau Asia Pasifik dan syarikat produksi antarabangsa seperti AETN, National Geographic serta History Channel.

Sepanjang tahun 2018, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan serta pencapaian bagi unit adalah seperti berikut:

| Bil | Pelan Tindakan | Sasaran Prestasi Tahun 2018 | Pencapaian Tahun 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Penerbitan Dokumentari & Video Pendek | 5 | 27 |

## Senarai Penerbitan Dokumentari Mengikut Kategori Pada 2018

| Bil | Tajuk |
|---|---|
| **A.** | **Dasar Dan Program Nasional** |
| 1. | Pahang Memakmurkan Rakyat |
| 2. | Kedah : Menerus Kemajuan, Menzahir Impian |
| 3. | Transformasi Pembangunan Perlis |
| 4. | Pulau Mutiara : Lestari Pembangunan Rakyat |
| 5. | Kelantan : Serambi Merealisasikan Impian Rakyat |
| 6. | Selangor Negeriku |
| 7. | Dekad Baharu Johor |
| 8. | Terengganu Molek Doh! |
| 9. | Melaka Merintis Masa Hadapan |
| 10. | Negeri Sembilan Memakmurkan Negeri, Mensejahterakan Rakyat |
| 11. | Kemajuan Negeri Perak |
| 12. | Sabah : Permata Asia |
| 13. | Wilayah Persekutuan Memacu Kecemerlangan |
| **B.** | **Perayaan Dan Sambutan** |
| 1. | Sayangi Malaysiaku |
| **C.** | **Institusi Raja** |
| 1. | Pertabalan Yang di-Pertuan Agong XV |
| **D.** | **Persidangan/ Mesyuarat** |
| 1. | Istiadat Pembukaan Penggal Ke-6 Parlimen Ke-13 |
| 2. | Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ke-14 |
| 3. | Istiadat Angkat Sumpah Ahli Parlimen Malaysia Ke-14 |
| **E.** | **Aktiviti Kementerian** |
| 1. | Video NBOS / CTU Kuala Terengganu, Terengganu |
| 2. | Video NBOS / CTU Kg. Pak Kalib, Pontian, Johor |
| 3. | Video NBOS / CTU  Ledang, Johor |
| 4. | Video NBOS / CTU Sik, Kedah |
| 5. | Video NBOS / CTU Sibu, Sarawak |
| 6. | Video NBOS / CTU Kampar, Perak |
| 7. | Video NBOS / CTU Bachok, Kelantan |
| 8. | Video NBOS / CTU Kota Belud, Sabah |
| **F.** | **Pelbagai** |
| 1. | Destinasi Pelancongan Pahang |

## Unit Promo

Unit Promo berfungsi menerbitkan promo-promo berbentuk agenda dan dasar kerajaan, isu semasa, serta sambutan dan majlis utama. Karya promo yang dihasilkan adalah berdasarkan permohonan daripada pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

Promo terbitan FINAS yang berbentuk hebahan sesuatu majlis sambutan atau pesanan khidmat awam bukan sahaja kerap ditayang di semua stesen televisyen tempatan malah turut menerima pengiktirafan.

Promo Tahun Melawat Pahang 2017 mengungguli Anugerah Iklan Terbaik Mengenai Malaysia di Anugerah Pelancongan Malaysia Ke-20.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan serta pencapaian bagi Unit Promo pada tahun 2018 adalah seperti berikut :

| Bil | Pelan Tindakan | Sasaran Prestasi Tahun 2018 | Pencapaian Tahun 2018 |
|---|---|---|---|
| 1 | Penerbitan Promo | 25 | 36 |

## Senarai Penerbitan Promo Mengikut Kategori Pada 2018

| Bil | Tajuk |
|---|---|
| **A.** | **Dasar Dan Program Nasional** |
| 1. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Kelantan |
| 2. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Terengganu |
| 3. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Sembilan |
| 4. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Melaka |
| 5. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Perlis |
| 6. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Kedah |
| 7. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Pahang |
| 8. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Johor |
| 9. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Perak |
| 10. | Pembangunan Dan Kemajuan Negeri Pulau Pinang |
| **B.** | **Institusi Raja** |
| 1. | Sultan Pahang Berjiwa Rakyat |
| 2. | Tengku Mahkota Pahang Di Hati Rakyat |

| Bil | Tajuk |
|---|---|
| **C.** | **Perayaan/ Sambutan** |
| 1. | Kisah Raya |
| 2. | Jemputan Rumah Terbuka Perdana Menteri 2018 |
| 3. | Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2018 |
| 4. | Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibarkan Jalur Gemilang |
| 5. | Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2018 |
| 6. | My Merdeka |
| 7. | Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018 |
| 8. | Video Klip "Kita Punya Malaysia" |
| 9. | Rangkuman Program-Program Hari Kebangsaan 2018 |
| 10. | Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong 2018 |
| 11. | Rangkuman Sambutan Majlis Sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong |
| 12. | Montaj Pelancaran Hari Kebangsaan 2018 |
| 13. | Perayaan Deepavali |
| 14. | Perayaan Hari Krismas |
| 15. | Amanat YB Menteri KKMM Sempena Tahun Baharu 2019 |
| **D.** | **Aktiviti FINAS** |
| 1. | Pertandingan Skrip Skrin 2018 |
| **E.** | **Agama / Kerohanian** |
| 1. | Maulidur Rasul Tahun 1440H / 2018M |
| **F.** | **Pelbagai** |
| 1. | Derma Darah |
| 2. | Mesej Untuk Majikan |
| 3. | Bagaimana Mengundi |
| 4. | Jom Mengundi (PRU-14) |
| 5. | Keselamatan Jalan Raya - "Kedai Pajak Lampu Isyarat" |
| 6. | Tipu Panggilan (1) |
| 7. | Tipu Panggilan (2) |

## Unit Media dan Dokumentasi

Unit Media dan Dokumentasi pula berperanan penting dalam menyedia dan menerajui penerbitan kandungan khususnya merekod peristiwa bersejarah negara sebagai bahan arkib.

Unit ini juga membuat liputan majlis atau program FINAS dan KKMM. Bagi melancarkan pengurusan produksi, Unit Media dan Dokumentasi bertindak sebagai urusetia penerbitan mencakupi hal ehwal persiapan penggambaran, menguruskan bajet serta mesyuarat, rakaman fotografi dan membuat edaran bahan produksi ke stesen televisyen.

Dari aspek pembangunan modal insan pula, kursus Pengendalian Drone Tahap Lanjutan diadakan pada 9 hingga 12 Oktober, 2018 di Kuala Terengganu, Terengganu bagi mempertingkatkan kemahiran di kalangan juru kamera dan penerbit FINAS.

Buat pertama kalinya, Pertandingan Skrip Skrin 2018 diperkenalkan bagi menghargai dan menggalakkan penulisan skrip bagi kategori dokumentari, pesanan khidmat awam serta video pendek institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Penyertaan dibuka mulai 24 September dan berlangsung sehingga 31 November 2018. Sesi penjurian diadakan pada 20 Disember 2018 dan penyampaian hadiah dilaksanakan pada Februari 2019.

Sepanjang tahun 2018, unit ini melaksanakan sebaiknya peranan yang dipertanggungjawabkan berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan iaitu:

| Bil | Pelan Tindakan | Sasaran Prestasi Tahun 2018 | Pencapaian Tahun 2018 |
|---|---|---|---|
| 1 | Liputan Arkib | 100 | 112 |

Unit Media dan Dokumentasi beriltizam mengupayakan potensi sebaik mungkin dalam mencapai objektifnya untuk memperkayakan koleksi kandungan visual sebagai khazanah negara dan bahan rujukan sepanjang zaman khususnya untuk generasi akan datang.

Manakala **Unit Kamera dan Audio** dan **Unit Suntingan dan Grafik** bersama-sama memberi perkhidmatan teknikal dari aspek penggambaran dan peringkat pasca produksi menggunakan peralatan dan teknologi semasa dalam mencapai sasaran KPI yang digariskan.

## Gambar-Gambar Aktiviti / Program



Mesyuarat Bilik Gerakan PRU 14




Anugerah Iklan Pelancongan Terbaik



Temuramah khas Sultan Kedah



Media Rasmi Pertabalan Sultan Kedah



Dokumentari Hari Kebangsaan



Penerbitan Promo Skrip Skrin 2018



Promo Raya



Penyusunan Penyertaan Skrip Skrin 2018



# BAHAGIAN MAKMAL

# Bahagian Makmal

## Latar Belakang Bahagian Makmal

Menerajui perubahan dalam era penghasilan filem iaitu transformasi daripada analog kepada teknologi digital telah mencetuskan perubahan dalam fungsi dan misi Bahagian Makmal. Penggubalan objektif, visi dan misi Bahagian Makmal merupakan satu inisiatif strategik dalam melaksanakan pembangunan khazanah dan warisan negara. Perubahan teknologi yang begitu pantas menuntut Bahagian Makmal untuk menggalas tanggungjawab dan matlamat utamanya dalam memastikan bahan-bahan filem berformat analog yang berada dalam simpanan FINAS sentiasa dalam keadaan yang baik dan boleh diakses bagi tujuan pengarkiban. Aktiviti seperti menguruskan penyimpanan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audio visual khususnya melalui kaedah pendigitalan telah menjadi fungsi utama bahagian ini ditubuhkan. Perubahan serta tuntutan pemodenan teknologi yang berlaku pada harini memerlukan Bahagian Makmal merangka pelan strategik yang akan memandu bahagian ini ke arah matlamat yang disasarkan. Justeru, bagi merealisasikan hasrat FINAS dalam memacu pembangunan industri melalui komponen arkib dan restorasi, Bahagian Makmal telah menggariskan tiga visi utama iaitu:

1) Menyediakan perkhidmatan preservasi kandungan audio visual yang terbaik dan terkini;

2) Memelihara dan memulihara kandungan digital negara sepanjang zaman;

3) Memastikan khazanah kandungan audio visual sentiasa tersedia dalam format terkini serta mampu diakses

## Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus

Peruntukan yang diluluskan pada tahun 2018 di bawah Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM97,900.00. Keseluruhan prestasi Perbelanjaan Mengurus Bahagian Makmal adalah berjumlah RM75,209.48 (76.82%) termasuk bayaran Bekalan Dan Bahan-Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan serta Bayaran Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain sebanyak RM56,842.48 untuk keperluan penggunaan aktiviti restorasi dan preservasi bahan audio visual.




**Rajah 1:** Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Bajet Mengurus 2018

## Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Pembangunan

Pada keseluruhannya, Bahagian Makmal telah diperuntukkan sebanyak RM495,000.00 untuk projek-projek pembangunan. Sejumlah RM325,000.00 telah diperuntukan untuk Pembangunan dan Kecemerlangan Kerjaya *(Certification & Affiliation)* manakala RM170,000.00 diperuntukan untuk komponen *Life Long Learning.* Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bahagian Makmal Tahun 2018 adalah berjumlah RM81,137.00 atau 16.39% daripada peruntukan bagi komponen Pembangunan dan Kecemerlangan Kerjaya *(Certification & Affiliation)* dan *Life Long Learning.*

## Aktiviti/ Program Bahagian Makmal 2018

Salah satu faktor yang menyumbang kepada perkembangan intelektual dan pengalaman berkaitan pengarkiban adalah dengan mewujudkan hubungan dua hala antara badan-badan kerajaan atau penggiat industri seni. Penglibatan aktif daripada badan-badan kerajaan dan industri seni melalui sinergi dan usaha sama dengan FINAS dalam menyediakan kemahiran dan latihan dilihat dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Sepanjang tahun 2018, beberapa program telah dianjurkan dengan kerjasama industri yang melibatkan Bahagian Makmal dan Agensi-agensi Kerajaan seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Pustaka Negeri Sarawak. Sebagai contoh, salah satu inisiatif FINAS melalui Bahagian Makmal adalah dengan membina kolaborasi strategik bersama ANM dan telah menerima kunjungan daripada ANM pada 20 September 2018. Objektif



**Gambar 1:** Sesi Perbincangan Bagi Pencalonan Bahan *'Memory Of The World'*



**Gambar 2:** Latihan Sangkutan bersama Pustaka Negeri Sarawak




**Gambar 3:** Lawatan Delegasi SARBICA

utama lawatan tersebut adalah lebih tertumpu kepada perkongsian pengalaman dan menjadikan ANM sebagai mentor dan rujukan dalam usaha untuk menyertai pencalonan *'Memory of The World'* di bawah Program *'Documentary Heritage'* anjuran UNESCO.

Pada 15 sehingga 19 Oktober 2018, FINAS melalui Bahagian Makmal telah melaksanakan Program Latihan Sangkutan bersama Pustaka Negeri Sarawak selama lima hari bertempat di Bahagian Makmal FINAS Petaling Jaya. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perkongsian ilmu di dalam skop bidang restorasi dan preservasi bahan audio visual. Di antara pengisian program tersebut adalah pegawai daripada Pustaka Negeri Sarawak diberi penerangan, latihan serta praktikal mengenai pengurusan pendokumentasian bahan koleksi dan berkaitan pemuliharaan bahanaudio visual. Di samping itu juga, penerimaan kunjungan daripada pertubuhan dan institusi pengarkiban antarabangsa iaitu *Southeast Asia Regional Branch of The International Council on Archives (SARBICA)* pada 25 Oktober 2018 dilihat dapat mencapai objektif Bahagian Makmal untuk membina jaringan perkongsian ilmu dengan agensi luar yang berkemahiran dalam bidang pengarkiban. Selain itu, Bahagian Makmal komited dalam melahirkan pegawai yang berpengalaman dalam bidang restorasi dan preservasi dengan menganjurkan kursus dan bengkel latihan seperti berikut:

1) Kursus Restorasi *Digital: Colour Grading* (9-13 April 2018)

2) Kursus Pelupusan Rekod (26 April 2018)

3) Kursus *'Film & Digital as Archival Medium'* (13 - 15 Mei 2018)

4) Kursus dan Bengkel *'Discover, Remember and Share'* (1-4 Oktober 2018)

## Pencapaian Tahunan Bahagian Makmal

Fungsi dan matlamat Bahagian Makmal diperkukuhkan lagi dengan penubuhan tiga unit utama iaitu Unit Pengurusan Arkib, Unit Restorasi Analog dan Unit Restorasi Digital. Setiap unit ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan matlamat utama Bahagian Makmal dapat dilaksanakan dengan jayanya.



**Gambar 4 :** Ujian A-D Strip dilakukan pada setiap filem

## a) Unit Pengurusan Arkib

Unit Pengurusan Arkib diperkenalkan untuk tujuan pengurusan dan pendokumentasian koleksi audio visual dari dalam dan luar negara serta memastikan data maklumat sahih dan boleh diakses secara terkawal. Terdapat tiga tugas utama di bawah unit ini iaitu aktiviti pengdokumentasian bahan audio visual yang diterima pada Sistem E-Makmal, menyelenggara urus tadbir pada 4 vault iaitu penggantian peralatan pemuliharaan *(silica gel, molecular sieve,* label, penggantian plastik, *AD-Strips,* termasuk aktiviti memantau dan merekod bacaan perubahan suhu dan *Relative Humidity* (%RH) serta menguruskan urusan registri dan pengeluaran koleksi bagi tujuan alihan, rujukan dan simpanan arkib FINAS. Prestasi unit ini secara keseluruhannya pada tahun 2018 adalah pada tahap menepati sasaran iaitu pada skor antara 93% hingga 100% untuk setiap petunjuk prestasi utama (KPI) yang dikelompokkan dalam empat aktiviti utama. Butiran adalah seperti yang ditunjukkan di Rajah 2:




**Rajah 2:** Pencapaian Tahunan Unit Pengurusan Arkib

Bagi aktiviti menyelenggara urus tadbir pada 4 *vault,* pencapaian 1800 bacaan ditunjukkan melalui rekod pemantauan suhu dan kelembapan bagi empat buah vault, manakala pencapaian sebanyak 7351 bacaan ditunjukkan melalui ujian *AD-Strips* yang dilakukan pada setiap bahan filem. Bagi aktiviti pendokumentasian bahan audio visual yang diterima pada Sistem E-Makmal, tahap pencapaian yang direkodkan adalah 455 judul merangkumi bahan simpanan arkib yang diterima dari Bahagian Produksi FINAS yang terdiri daripada liputan dokumentari, arkib dan promosi. Sementara aktiviti menguruskan urusan registri dan pengeluaran koleksi bagi tujuan alihan, rujukan dan simpanan arkib FINAS pula merekodkan pencapaian sebanyak 3070 *can* filem.

## b) Unit Restorasi Analog

Unit ini telah memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan semua koleksi audio visual yang diterima daripada simpanan vault berada di dalam keadaan baik dan sempurna. Aktiviti seperti semakan dan baikpulih bahan filem menjadi tunjang kepada pemuliharaan bahan audio visual supaya bahan ini sentiasa terpelihara dan dapat dimanfaatkan bagi kemudahan rujukan generasi yang akan datang. Justeru, bagi memastikan setiap bahan filem yang berada di Vault Filem melalui proses restorasi dan preservasi, unit ini telah melaksanakan semakan fizikal dan baik pulih pada bahan audio visual (filem) bagi tujuan alihan digital sebanyak 92.4 peratus (2864 can filem) peratus berbanding tahun sebelum ini iaitu hanya 81.7 peratus (2533 can filem). Manakala 89 can filem telah dibaik pulih pada tahun 2018.



**Gambar 5 :** Aktiviti semakan fizikal dan baik pulih pada bahan audio visual

## c) Unit Restorasi Digital

Unit ini merupakan salah satu pemacu penting dalam memastikan bahan audio visual berada dalam format yang mudah diakses untuk penyimpanan dan boleh dimanfaatkan untuk rujukan pengguna pada masa akan datang. Unit ini telah menfokuskan usaha mentransformasikan bahan audio visual kepada format digital untuk tujuan restorasi dengan bantuan sub-sub unit sedia ada. Antaranya ialah cleaning/ cucian ultrasonik, perisisan *Diamant* dan *DaVinci Resolve.* Dari segi usaha memastikan bahan audio visual berada dalam keadaan yang baik dan terpelihara, 5 aktiviti utama telah dilaksanakan iaitu :

1) Sejumlah 20 jam 7 min 43 saat bahan audio visual telah melalui proses restorasi digital *(defects)* bahan audio visual

2) Sejumlah 27 jam 21 min 52 saat bahan audio visual telah melalui proses restorasi digital (larasan warna) bahan audio visual

3) 729 can bahan audio visual telah melalui proses cucian menggunakan cucian ultrasonik

4) Mengendalikan proses alihan *digital/scanning* bahan audio visual sejumlah 56 jam 29 min 25 saat

5) Melengkapkan 1315 tajuk metadata bahan audio visual



**Gambar 6 :** Aktiviti imbasan bahan audio visual menggunakan mesin *Scanity*



# FINAS CAWANGAN SARAWAK

# FINAS Cawangan Sarawak

## Objektif

1. Merancang, mengendali dan menyiapkan pelbagai bentuk produksi dengan cekap, bermutu dan berkesan.

2. Melahirkan penerbit yang kreatif, produktif dan berkaliber.

## Fungsi

1. Memperkasakan industri perfileman yang lebih efektif dan efisien / berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

2. Menerbitkan audio visual yang berkesan / berkualiti / bermutu tinggi mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan.

3. Menyediakan prasarana dan modal insan yang lebih kondusif dan pro aktif bagi pembangunan industri perfileman tempatan.

## Senarai Program/Projek Utama Sepanjang Tahun

1. Merakam liputan Arkib Peristiwa

2. Menerbitkan Dokumentari Penan

3. Menerbitkan Promo Hari Malaysia 2018

4. Menerbitkan Promo/PSA Pembangunan Negeri Sarawak

## Penggambaran Dokumentari Pan Borneo












## Pencapaian KPI Finas Cawangan Sarawak Tahun 2018

| Sasaran Tahun 2018 | | |
|---|---|---|
| Dokumentari | Promo / PSA | Liputan Arkib |
| 1 | 11 | 50 |
| **Pencapaian Tahun 2018** | | |
| Dokumentari | Promo / PSA | Liputan Arkib |
| 1 | 12 | 58 |

## Dokumentari 2018

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Penerbit |
|---|---|---|---|
| 1 | D/2018 - ( 01 ) | PENAN | GILBERT |

## Kapsul / Promo 2018

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Penerbit |
|---|---|---|---|
| 1. | KP/2018 – ( 01 ) | TRANSFORMASI SARAWAK – PERUMAHAN RAKYAT 1 MALAYSIA | GILBERT |
| 2. | KP/2018 – ( 02 ) | TRANSFORMASI SARAWAK – EKONOMI LUAR BANDAR | AZMAN |
| 3. | KP/2018 – ( 03 ) | TRANSFORMASI SARAWAK – TELEKOMUNIKASI ICT | GILBERT |
| 4. | KP/2018 – ( 04 ) | TRANSFORMASI SARAWAK – EMPANGAN HIDROELEKTRIK BAKUN | GILBERT |
| 5. | KP/2018 – ( 05 ) | PROMO GAWAI DAN KAAMATAN 2018 | AZMAN |
| 6. | KP/2018 – ( 06 ) | TRANSFORMASI SARAWAK PEMACU KESEJAHTERAAN RAKYAT | OUT SOURCE |
| 7. | KP/2018 – ( 07 ) | UNITY IN DIVERSITY | OUT SOURCE |
| 8. | KP/2018 – ( 08 ) | ICT | ALSIUS |
| 9. | KP/2018 – ( 09 ) | PROMO HARI MALAYSIA 2018 | AZMAN |
| 10. | KP/2018 – ( 10 ) | GEN Y | OUT SOURCE |
| 11. | KP/2018 – ( 11 ) | TRANSFORMASI SEKOLAH CINA | OUT SOURCE |
| 12. | KP/2018 – ( 12 ) | KRAFTANGAN | AZMAN |

## Liputan Arkib 2018

| BIL. | NO PRODUKSI | TAJUK PRODUKSI | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|---|
| 1. | AK/2018 – ( 01 ) | TAN SRI CELESTINE UJANG MENINGGAL DUNIA (MANTAN MENTERI KABINET SARAWAK) | 11 – 12.01.2018 | KUCHING (TABUAN JAYA) |
| 2. | AK/2018 – ( 02 ) | LAWATAN PERDANA MENTERI KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN | 18.01.2018 | LABUAN |
| 3. | AK/2018 – ( 03 ) | LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH | 18 – 19.01.2018 | SABAH (PENAMPANG, NABAWAN, KOTA MERUDU) |
| 4. | AK/2018 – ( 04 ) | ISTIADAT PERSIDANGAN KHAS MESYUARAT KETIGA BAGI PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KE – 18 BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE – 150 DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK | 30.01.2018 | KUCHING (DEWAN UNDANGAN NEGERI) |
| 5. | AK/2018 – ( 05 ) | MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN PASAR RAYA BESAR MYDIN PETRA JAYA OLEH KETUA MENTERI SARAWAK | 26.01.2018 | KUCHING (MYDIN, PETRA JAYA) |
| 6. | AK/2018 – ( 06 ) | LAWATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN | 09 – 10.02.2018 | LABUAN |
| 7. | AK/2018 – ( 07 ) | PERHIMPUNAN AGONG PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) KE - 14 | 08 - 11.02.2018 | KUCHING (BCCK) |
| 8. | AK/2018 – ( 08 ) | KUNJUNGAN TAHUN BARU CINA OLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI DAN KETUA MENTERI SARAWAK | 16.02.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 9. | AK/2018 – ( 09 ) | MAJLIS PERASMIAN KONGRES SENI SARAWAK | 21.02.2018 | KUCHING (HOTEL PULLMAN) |
| 10. | AK/2018 – (10) | ISTIADAT ANGKAT SUMPAH PERLANTIKAN SEMULA DAN MENANDATANGANI SURAT SUMPAH JAWATAN TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK | 28.02.2018 | KUCHING (DEWAN UNDANGAN NEGERI & LAPAU) |

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 11. | AK/2018 – (11) | LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH | 02.03.2018 | SABAH (SEPANGGAR, KOMPLEKS PENTADBIRAN SABAH) |
| 12. | AK/2018 – (12) | LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE SARAWAK | 03 – 04.03.2018 | KUCHING (SEKITAR KUCHING) |
| 13. | AK/2018 – (13) | MAJLIS PELANCARAN PETROLEUM SARAWAK BERHAD (PETROS) | 06.03.2018 | KUCHING (PULLMAN HOTEL) |
| 14. | AK/2018 – (14) | MAJLIS TAUTAN MESRA BERSAMA MEDIA | 12.03.2018 | KUCHING (THE WHITE BAROUK RESTAURANT) |
| 15. | AK/2018 – (15) | MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN JUALAN SENTUHAN RAKYAT, PELANCARAN OKEY TV, TINJAUAN PROJEK JALAN RAYA TELIPOK-KIULU-RONDAGONG OLEH PERDANA MENTERI DAN MAJLIS PECAH TANAH POLITEKNIK KOTA BELUT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI | 21 – 23.03.2018 | KOTA KINABALU, KIULU, KOTA BELUT, SABAH |
| 16. | AK/2018 – (16) | RANDAU PETANG BERSAMA KETUA MENTERI | 27.03.2018 | RTM KUCHING |
| 17. | AK/2018 – (17) | SIDANG MEDIA MENGENAI LRT OLEH KETUA MENTERI | 29.03.2018 | WISMA BAPA MALAYSIA, KUCHING |
| 18. | AK/2018 – (18) | MAJLIS PENYERAHAN BAKUN HYDROELECTRIC POWER PLANT DI BELAGA OLEH PERDANA MENTERI | 04–06.04.2018 | BELAGA, SARAWAK |
| 19. | AK/2018 – (19) | PILIHANRAYA UMUM KE-14 (SARAWAK) | 27.4–09.05.2018 | SARAWAK |
| 20. | AK/2017 – (20) | FIESTA NBOS | 13–15.04.2017 | SARIKEI, SARAWAK |
| 21. | AK/2018 – (21) | PILIHANRAYA UMUM KE-14 (SABAH) | 25.4–09.05.2018 | SABAH |
| 22. | AK/2018 – (22) | ANGKAT SUMPAH TIMBALAN SPEAKER DUN SARAWAK | 15.05.2018 | ASTANA, SARAWAK |

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 23. | AK/2018 – (23) | MESYUARAT KHAS PBB BERKENAAN PRU KE-14 | 16.05.2018 | IBU PEJABAT PBB |
| 24. | AK/2018 – (24) | PROGRAM YANG TERAMAT MULIA TUNKU TEMENGGONG KEDAH | 02-03.06.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 25. | AK/2018 – (25) | MAJLIS PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH SEMPENA SELESAI PRU14 | 08.06.2018 | HOTEL HILTON |
| 26. | AK/2018 – (26) | MESYUARAT PBB | 12.06.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 27. | AK/2018 – (27) | PERARAKAN GAWAI DAYAK (NITI DAUN) PERINGKAT NEGERI SARAWAK | 22.06.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 28. | AK/2018 – (28) | TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK MENGHADIRI GAWAI DAYAK DINNER SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN GAWAI DAYAK 2018 | 23.06.2018 | PCC DEMAK, KUCHING |
| 29. | AK/2018 – (29) | PERASMIAN DAN PESIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH | 01-04.07.2018 | DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH |
| 30. | AK/2018 – (30) | MAJLIS PERBARISAN PEMBUKAAN SEMPENA MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KETIGA PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KE-18 | 09.07.2018 | DEWAN UNDANGAN NEGERI BAHARU, PETRA JAYA, KUCHING |
| 31. | AK/2018 – (31) | LAWATAN RASMI MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA KE JKR SARAWAK | 09.07.2018 | MAIN ENTRANCE, GROUND FLOOR, WISMA SABERKAS, KUCHING |
| 32. | AK/2018 – (32) | KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YANG DI PERTUA NEGERI SARAWAK,TUN PEHIN SRI ABDUL TAIB MAHMUD DARIPADA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA, MOHAMAD SABU | 09.07.2018 | DEMAK JAYA, KUCHING |

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 33. | AK/2018 – (33) | YB BARU BIAN MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA MENTERI SARAWAK | 09.07.2018 | TINGKAT 5, DEWAN UNDANGAN NEGERI BAHARU, PETRA JAYA, KUCHING |
| 34. | AK/2018 – (34) | YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, TUN DR MAHATHIR MOHAMAD KE KUCHING SARAWAK | 14-15.07.2018 | LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING |
| 35. | AK/2018 – (35) | AGENDA DAN SAMBUTAN BAGI NEGERI SARAWAK TAHUN 2018 | 20-22.07.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 36. | AK/2018 –(36) | PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2018 | 07.08.2018 | SK LUMBA KUDA, KUCHING |
| 37. | AK/2018 – (37) | LAWATAN MUHIBAH KEPIMPINAN PAKATAN HARAPAN | 17.08.2018 | JABATAN PENERANGAN SARAWAK |
| 38. | AK/2018 – (38) | HARI RAYA QURBAN DAN PROSES PENYEMBELIHAN | 22.08.2018 | KAMPUNG SG. LUMUT, PETRA JAYA, KUCHING |
| 39. | AK/2018 – (39) | SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI SABAH | 29-01.09.2018 | DATARAN BANDARAN, KOTA KINABALU, SABAH |
| 40. | AK/2018 – (40) | HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK | 28-02.09.2018 | HOTEL PULLMAN, MIRI |
| 41. | AK/2018 – (41) | SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV | 07-11.09.2018 | SRI AMAN, SARAWAK |
| 42. | AK/2018 – (42) | LIPUTAN PROGRAM HARI MALAYSIA SABAH 2018 | 13-17.09.2018 | DATARAN BANDARAN KOTA KINABALU, SABAH |

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 43. | AK/2018 – (43) | LIPUTAN SESI TAKLIMAT SST BERSAMA MENTERI KEWANGAN MALAYSIA | 05.09.2018 | GRAND BALLROOM, HOTEL PULLMAN |
| 44. | AK2018 – (44) | LIPUTAN LAWATAN KERJA HIS EXCELLENCY TEO CHEE HEAN, DEPUTY PRIME MINISTER AND COORDINATING MINISTER FOR NATIONAL SECURITY OF REPUBLIC OF SINGAPORE | 06.09.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 45. | AK/2018 – (45) | LIPUTAN MAJLIS ISTIADAT PENYAMPAIAN PINGAT KEBESARAN NEGERI SARAWAK | 06.09.2018 | DEWAN BESAR, ASTANA NEGERI SARAWAK |
| 46. | AK/2018 – (46) | LIPUTAN MAJLIS PELANCARAN BUKU KISAH KEJAYAAN 50 USAHAWAN PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD NEGERI SARAWAK | 06.09.2018 | DEWAN AUDITORIUM, PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR, KUCHING |
| 47. | AK/2018 – (47) | LIPUTAN KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DATUK SERI ANWAR IBRAHIM | 08.09.2018 | DEMAK JAYA, KUCHING |
| 48. | AK/2018 – (48) | LIPUTAN MAJLIS PERJUMPAAN AHLI PARTI KEADILAN RAKYAT (PKR) BERSAMA DATUK SERI ANWAR IBRAHIM | 08.09.2018 | HOTEL HILTON, KUCHING |
| 49. | AK/2018 – (49) | LIPUTAN MAJLIS PERASMIAN MYMERDEKA SAYANGI MALAYSIAKU | 13-16.09.2018 | SEKITAR KUCHING |
| 50. | AK/2018 - (50) | LIPUTAN ARKIB MEDIA RASMI BAGI KETUA MENTERI SABAH KE MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA YAB KETUA MENTERI SARAWAK | 11.10.2018 | HOTEL RIVERSIDE ASTANA WING, KUCHING |
| 51. | AK/2018 – (51) | LIPUTAN ARKIB PESTA LUNDU | 22-23.09.2018 | WATERFRONT, LUNDU |

| Bil. | No Produksi | Tajuk Produksi | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 52. | AK/2018 – (52) | LIPUTAN ARKIB LAWATAN YB TUAN GOBIND SINGH DEO BAGI PROGRAM PITCHING UNTUK PENGGIAT SENI SABAH | 15.09.2018 | HOTEL HORIZON, SABAH |
| 53. | AK/2018 – (53) | LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN HARI JADI T.Y.T SABAH 2018 | 4.10.2018 | SEKITAR KOTA KINABALU, SABAH |
| 54. | AK/2018 – (54) | LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN PERAYAAN HARI JADI KE 82 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK | 12-15.10.2018 | SEKITAR SIBU |
| 55. | AK/2018 - (55) | LIPUTAN ARKIB MEDIA RASMI BAGI PROGRAM TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK, TUN PEHIN SRI ABDUL TAIB MAHMUD | 12.10.2018 | ASTANA NEGERI, PETRA JAYA KUCHING |
| 56. | AK/2018 - (56) | LIPUTAN ARKIB PERASMIAN KUCHING WATERFRONT MUSICAL | 14.10.2018 | WATERFRONT KUCHING |
| 57. | AK/2018 – (57) | LIPUTAN ARKIB DOKU SATU SEMBILAN TUJUH DUA (RECCE) | 18-24.11.2018 | SRI AMAN & SIBU |
| 58. | AK/2018 – (58) | LIPUTAN ARKIB CHANGES AND CHALLENGES OF PENAN | 27-3.12.2018 | MIRI |
| 59. | AK/2018 – (59) | LIPUTAN ARKIB MAJLIS PELANCARAN PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA SARAWAK YANG AKAN DIRASMIKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA | 30-02.12.2018 | BINTULU, SARAWAK |
| 60. | AK/2018 – (60) | LIPUTAN ARKIB LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE KEM PENRISSEN BATU 10, KUCHING MARKAS PEMERINTAHAN MEDAN TIMUR TENTERA DARAT | 03.12.2018 | KEM PENRISSEN BATU 8, KUCHING DAN KEM MUARA TUANG |



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Unit Komunikasi Korporat

## Objektif Unit Komunikasi Korporat

- Membina, memelihara, dan meningkatkan imej Perbadanan melalui strategi pemasaran maklumat perkhidmatan yang berkesan.
- Memupuk dan meningkatkan hubungan korporat yang harmoni di antara Perbadanan dengan pihak industri, media massa, dan pelanggan.
- Mengurus dan mengawal selia segala aktiviti yang berhubung kait dengan isu dan aduan awam terhadap perkhidmatan yang diberikan.

## Peranan Unit Komunikasi Korporat

- Merancang, menyelaras, dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej Perbadanan melalui pelan promosi, publisiti.
- Penyampaian dan penyaluran maklumat yang tepat, pantas, dan terkini berkaitan program-program anjuran FINAS dan industri perfileman melalui saluran rasmi FINAS.
- Pengukuhan hubungan strategik di antara FINAS dengan media-media tempatan dan persatuan-persatuan perfileman.
- Pengurusan aduan, pertanyaan, maklum balas dan cadangan yang diterima dari orang awam, dan penggiat industri.
- Penyelarasan lawatan bersepadu dari pihak kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun, industri, IPTA dan IPTS.

## Peruntukan Bajet Unit Komunikasi Korporat

Sepanjang tahun 2018, Unit Komunikasi Korporat telah menerima sebanyak RM135,300.00 sahaja dibawah Cost Centre 04060101 bagi melaksana dan menjayakan program/aktiviti yang dirancang. Sebanyak RM18,000 pula telah diberikan oleh Bahagian Kewangan di bawah OS42000 bagi pelaksanaan program berbentuk *Corporate Social Responsibility (CSR)* bersama penggiat industri kreatif.

## Laman Portal Dan Media Sosial Rasmi FINAS

Laman Portal FINAS, www.finas.gov.my merupakan salah satu saluran rasmi daripada empat (4) platform media sosial elektronik FINAS termasuk *"Facebook – FINAS Malaysia", "Twitter - @FinasMy",* dan Instagram – Finas Malaysia yang berfungsi sepenuhnya dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat tepat dan cepat berkaitan FINAS dan perkembangan industri kreatif tempatan dalam bentuk kandungan interaktif meliputi berita, penerbitan video, laporan dan artikel. Laman sesawang rasmi FINAS telah mencapai 84,569 capaian pada tahun 2018 manakala media sosial Facebook – FINAS Malaysia mencatatkan peningkatan pengunjung laman sosial sebanyak 19079 ribu berbanding tahun sebelum iaitu 15000 ribu pengunjung sahaja.

Di laman portal www.finas.gov.my ini mempunyai maklumat mengenai piagam FINAS, maklumat Ahli-ahli Perbadanan dan pegawai, berita-berita terkini berkaitan FINAS dan industri, perkhidmatan dan aktiviti yang dilaksanakan FINAS, maklumat-maklumat seperti skim Wajib Tayang, maklumat lesen, kemudahan fasiliti FINAS meliputi sewaan studio dan peralatan perfileman, info berkaitan pembangunan modal insan serta artikel berhubung pencapaian industri.

Pelbagai jaringan ilmu berkaitan perfileman sama ada dalam dan luar negara dikongsi di dalam laman sosial FINAS Malaysia bagi menyampaikan maklumat secara terus kepada pengunjung yang mengikuti perkembangan industri semasa.

## Program Kebajikan Ziarah Kasih FINAS Bersama penggiat Industri Kreatif

Unit Komunikasi Korporat juga berperanan dalam memantau dan memelihara kebajikan penggiat industri kreatif melalui program-program sosial *(Corporate Social Responsibility - CSR)* yang dijenamakan sebagai Program Ziarah Kasih FINAS seperti membuat kunjungan dan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai bagi kematian, sakit dan kurang berupaya dari segi kesihatan. Antara penggiat industri kreatif yang menerima kunjungan rasmi dan sumbangan daripada pihak FINAS sepanjang tahun 2018 ialah komposer Dato Ooi Eow Jin, dramatis Fatimah Yasin, penyanyi Allahyarham Saleem dan penulis hiburan Akmal Abdullah. Selain daripada itu, FINAS juga berkesempatan menziarahi keluarga Allahyarham Dato' M.Daud Wahid sebagai memenuhi tanggungjawab sosial FINAS.









## Program Integrasi Ilmu Dan Sinergi Industri Bersama Kementerian, Badan-Badan Kerajaan Dan Swasta, Institusi Pengajian Dan Komuniti Luar Bandar

Sepanjang tahun 2018, Unit Komunikasi Korporat bersama Unit Mediatheque telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali sebanyak 22 program integrasi ilmu dan sinergi industri di Pejabat FINAS Petaling Jaya dengan penglibatan seramai 1159 pelawat. Program seumpama ini dianjurkan bagi menyampaikan maklumat secara jelas berkaitan fungsi FINAS dalam memajukan industri kreatif negara disamping mendedahkan peserta / pengunjung berkaitan Museum of Moving Images (MOMI). Selain lawatan ke Museum of Moving Image (MOMI) yang memaparkan khazanah perfileman, para peserta program juga turut berpeluang melihat dengan lebih dekat pameran peralatan perfileman serta berkunjung ke Negatif Room dan Makmal Warna P. Ramlee bagi mendalami pengetahuan dalam bidang restorasi dan pendigitalan kandungan.










## Sokongan FINAS Terhadap Pembangunan Industri Kreatif Tempatan

Selaras dengan meningkatkan pembangunan industri kreatif tempatan samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa, FINAS melalui Unit Komunikasi Korporat telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi merealisasikan program anjuran badan-badan tertentu melalui sokongan bantuan kewangan dan pembangunan modal insan. Unit Komunikasi Korporat juga sering membuat liputan dan promosi berkaitan program-program ilmiah perfileman seperti program @WayangBudiman, Program Bicara Filem, tayangan perdana bagi filem-filem terbaru, festival filem Iran di Malaysia, program wacana dan banyak lagi.









## Hubungan Strategik FINAS Dan Media Hiburan

Bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan jalinan kerjasama di antara FINAS dan para media, satu program jaringan ilmu iaitu Bengkel Penulisan Seni Kretaif telah dianjurkan FINAS dengan kerjasama Persatuan Wartawan dan Penulis Hiburan Malaysia (WHAM) di Movenpick Hotel, Sepang pada 13-14 Oktober 2019. Antara panel jemputan ketika program tersebut berlangsung ialah Datuk Yusof Haslam dan pelakon Yana Shamsudin. Turut hadir mengikuti kursus ialah Presiden WHAM, Datuk Tengku Khalidah Tengku Bidin.





## Hubungan Strategik FINAS Dan Persatuan Perfileman Malaysia

Sebagai tanda sokongan dan kerjasama kepada persatuan – persatuan perfileman di Malaysia, FINAS telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu program sinergi industri bersama presiden-presiden persatuan. Tujuan program ini adalah bagi mendapatkan input dan membincangkan isu-isu semasa secara dekat bersama persatuan demi kemajuan industri kreatif di tanah air.







# UNIT AUDIT DALAM

# Unit Audit Dalam

## Latar Belakang Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia diwujudkan pada 2 Januari 2006. Unit Audit Dalam diketuai oleh seorang Juruaudit Gred W44 dibantu oleh seorang Juruaudit Gred W41 dan seorang Penolong Juruaudit Gred W29 serta seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19. Unit ini bertanggungjawab dan melaporkan secara terus kepada Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) selaku Pengurusan Tertinggi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Kuasa yang diberi tertakluk kepada Akta, peraturan dan prosedur yang diperuntukkan dan pekeliling Kerajaan yang diterima pakai oleh FINAS.

## Objektif Unit Audit Dalam

Melaksanakan tugas-tugas pengauditan secara profesional, jujur, amanah dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM28,400.00 |

## Fungsi Unit Audit Dalam

- **MEMBANTU** Ketua Pengarah FINAS melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan dengan menjalankan auditan secara bebas ke atas urusan kewangan dan pengurusan supaya tercapai satu sistem operasi yang cekap, teratur, berkesan dan ekonomi.

- **MENENTUKAN** supaya operasi setiap aktiviti diuruskan selaras dengan dasar, rancangan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbadanan dan memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi.

- **MENCADANGKAN** langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam sistem operasi aktiviti-aktiviti dan memberi pendapat serta pandangan yang positif, bebas dan objektif.

- **MEMASTIKAN** pengurusan kewangan mematuhi sistem dan prosedur serta peraturan yang diterima pakai oleh Perbadanan.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian/Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1 | Menjalankan Pengauditan/Penampilan Audit Pengurusan Kewangan di Pejabat Cawangan/Zon | Enam (6) lokasi | Enam (6) lokasi |
| 2 | Menjalankan Pengauditan Mengejut Di Pejabat Cawangan/Zon | Dua (2) lokasi | Dua (2) lokasi |
| 3 | Menjalankan Pengauditan Mengejut Panjar Wang Runcit (PWR) Di FINAS Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan Petaling Jaya | Dua (2) kali pengauditan | Satu (1) kali pengauditan |
| 4 | Menjalankan Pengauditan Prestasi – Kajian Terhadap Pengurusan Pembersihan dan Pencucian FINAS 2017-2018 | Satu (1) laporan | Satu (1) laporan |

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 5 | Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) FINAS | Empat (4) kali mesyuarat | Tiga (3) kali mesyuarat |
| 6 | Menyediakan dan mengedarkan Laporan Sukuan Unit Audit Dalam | Setiap tiga (3) bulan/empat (4) laporan | Setiap tiga (3) bulan/empat (4) laporan |
| 7 | Menyediakan dan mengedarkan Laporan Tahunan 2017 Unit Audit Dalam | Satu (1) laporan | Satu (1) laporan diedarkan |
| 8 | Menyediakan dan mendapat kelulusan Rancangan Audit Tahun 2019 | Satu (1) kertas kerja | Diluluskan |

## Senarai Aktiviti/Program 2018

| Bil | Nama Program/Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengauditan/Penampilan Audit Pengurusan Kewangan Di Pejabat Cawangan/Zon | 22 hingga 25 Januari 2018 | FINAS Zon Selatan | Dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Pejabat Cawangan/Zon telah dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. |
| | | 26 hingga 28 Februari 2018 | FINAS Zon Timur | |
| | | 9 hingga 12 April 2018 | FINAS Zon Utara | |
| | | 3 hingga 6 Julai 2018 | FINAS Cawangan Sabah | |
| | | 23 hingga 26 Julai 2018 | Pejabat Cawangan Sarawak (Petrajaya & Santubong) | |
| 2 | Pengauditan Mengejut Di Pejabat Cawangan/Zon | 14 November 2018 | FINAS Zon Selatan | Diadakan untuk menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. |
| | | 22 November 2018 | FINAS Zon Utara | |

| Bil | Nama Program/Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Lokasi |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Pengauditan Mengejut Panjar Wang Runcit (PWR) di FINAS Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan Petaling Jaya | 15 hingga 18 Januari 2018 | FINAS Ibu Pejabat & Petaling Jaya | Dijalankan bagi memastikan PWR diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini, teratur serta mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. |
| 4 | Pengauditan Prestasi – Kajian Terhadap Pengurusan Pembersihan dan Pencucian FINAS 2017-2018 | Oktober hingga November 2018 | FINAS Ibu Pejabat & Petaling Jaya | Dilaksanakan untuk menilai sama ada perancangan, pengendalian dan pemantauan perkhidmatan pembersihan dan pencucian dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan teratur. |
| 5 | Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) FINAS | 17 Januari 2018 10.00 pagi | Bilik Mesyuarat Aras 1, Mixstage | Bilangan 2 Tahun 2017 |
| | | 19 April 2018 9.30 pagi | Bilik Mesyuarat Dewan Samad Idris | Bilangan 1 Tahun 2018 |
| | | 6 September 2018 9.30 pagi | Bilik Mesyuarat Aras 1, Mixstage | Bilangan 2 Tahun 2018 |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

Sepanjang tahun 2018, Unit Audit Dalam telah berjaya mencapai 19 Sasaran Kerja Tahunan melalui 6 jenis aktiviti/program. Antara aktiviti/program yang telah dijalankan melibatkan aspek seperti berikut:

i. Pengauditan/Penampilan Audit Pengurusan Kewangan;
ii. Pengauditan Mengejut;
iii. Pengauditan Mengejut Panjar Wang Runcit;
iv. Pengauditan Prestasi;
v. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA FINAS);
vi. Penyediaan Laporan Sukuan, Laporan Tahunan serta Rancangan UAD.

### i. Pengauditan/Penampilan Audit Pengurusan Kewangan

Sepanjang tahun 2018, Unit Audit Dalam telah menjalankan enam (6) aktiviti pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Cawangan Sarawak (Petrajaya dan Santubong) dan Sabah serta di Zon Utara, Timur dan Selatan. Pendekatan Audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan. Pengurusan kewangan yang lemah akan memberi ruang kepada isu negatif seperti penyelewengan, pemborosan dan pembaziran. Antara aspek pengauditan meliputi Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Barang-barang Berharga.

### ii. Pengauditan Mengejut

Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Pengauditan mengejut dijalankan untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diuruskan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Pada tahun 2018, Unit Audit Dalam telah menjalankan pengauditan di dua (2) lokasi iaitu di Pejabat Zon Selatan dan Utara.

### iii. Pengauditan Mengejut Panjar Wang Runcit

Pengauditan mengejut terhadap Panjar Wang Runcit (PWR) dijalankan terhadap sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Bahagian/Unit yang menerima dan menguruskan Panjar Wang Runcit di FINAS Ibu Pejabat dan Cawangan Petaling Jaya. Ia bertujuan untuk memastikan PWR telah dilaksanakan dengan rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini, teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

### iv. Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan untuk menentukan sama ada sesuatu sumber, operasi atau aktiviti/program telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif atau matlamat yang telah ditetapkan. Bagi memastikan proses perolehan yang dijalankan di FINAS adalah mengikut peraturan dan prosedur Kerajaan yang telah ditetapkan, pihak Unit Audit Dalam telah mengambil inisiatif dengan menjalankan Kajian Terhadap Pengurusan Pembersihan dan Pencucian FINAS sepanjang tahun 2017 hingga 2018.

### v. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA FINAS)

Jawatankuasa Audit Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (JKA FINAS) telah diwujudkan pada tahun 2004 melalui keputusan Mesyuarat Ahli Perbadanan Bilangan 3 Tahun 2003 bertarikh 13 November 2003 mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. JKA FINAS ditubuhkan bertujuan untuk meneliti kedua-dua laporan Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar bagi memastikan aspek keberkesanan pemantauan dalam menangani isu kewangan dan akaun yang berbangkit.

Pada tahun 2018, Jawatankuasa ini dianggotai oleh tiga (3) orang ahli terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah bukan Eksekutif iaitu:

i. YBhg. Dato' Mohid Mohamed (Pengerusi)
ii. Puan Siti Juriani Jalaluddin (Ahli)
iii. Encik Zahrin Haji Aris (Ahli)

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Sepanjang tahun 2018, JKA FINAS hanya dapat mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali sahaja berikutan ketiadaan pengganti Ahli Jawatankuasa yang telah tamat tempoh pada 30 Jun 2018 dan 5 Oktober 2018. Mesyuarat JKA FINAS telah diadakan pada tarikh seperti berikut:

i. 17 Januari 2018 (Rabu);
ii. 19 April 2018 (Khamis);
iii. 6 September 2018 (Khamis);

Mesyuarat JKA FINAS juga telah meminta beberapa pegawai FINAS untuk turut hadir dan memberi penerangan dalam mesyuarat dan juga meminta dikemukakan rekod dan dokumen yang berhubung kait dengan laporan Audit yang dibentangkan.

## Maklumat/Data/Statistik Pencapaian Dalam Bentuk Jadual/Carta Bar/Carta Pai Dan Lain-Lain

Pencapaian Unit Audit Dalam berdasarkan laporan lengkap yang berjaya disiapkan dan diedarkan terhadap aktiviti pengauditan yang dijalankan sepanjang tahun 2018 seperti di Carta 1.




**Carta 1:** Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan Unit Audit Dalam Bagi Tahun 2018

**GAMBAR 1 & 2:**
Aktiviti Pengauditan Pengurusan Kewangan Di Pejabat FINAS Cawangan/Zon



**Lokasi:** FINAS Zon Timur | **Tarikh:** 27 Februari 2018



**Lokasi:** FINAS Zon Utara | **Tarikh:** 10 April 2018

**GAMBAR 3 & 4:**
Aktiviti Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) FINAS Bil. 1/2018 dan Bil.2/2018



**Lokasi:** Dewan Mesyuarat Samad Idris, FINAS Ibu Pejabat | **Tarikh:** 19 April 2018



**Lokasi:** Bilik Mesyuarat Mix Stage, FINAS Ibu Pejabat | **Tarikh:** 6 September 2018



# UNIT INTEGRITI

# Unit Integriti

## Latar Belakang Unit Integriti

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam bertujuan memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan patriotis di semua agensi awam.

Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta perlanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Berikutan itu, waran perjawatan Unit Integriti FINAS telah diluluskan pada 13 April 2015 dan mula beroperasi pada tahun tersebut.

## Objektif Unit Integriti

i. Memastikan warga FINAS mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism;

ii. Membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan warga FINAS;

iii. Memastikan pematuhan warga FINAS terhadap dasar, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

iv. Memantapkan amalan nilai-nilai murni melalui tindakan kesedaran *(awareness)* dan pendidikan.

## Fungsi Unit Integriti

1. **Pengurusan Aduan**
   Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

2. **Pengesanan Dan Pengesahan**
   - Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
   - Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

3. **Tatatertib**
   Melaksanakan fungsi keurusetiaan Lembaga Tatatertib;

4. **Pengukuhan Integriti**
   Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

5. **Pematuhan**
   Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

6. **Tadbir Urus**
   Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
| --- |
| RM13,900. |

## Jumlah Bajet

Unit Integriti telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM12,800 bagi perbelanjaan tahun 2018 dan pada bulan Jun 2018, Unit Integriti telah mendapat pertambahan peruntukan sebanyak RM1,000 dan menjadikan keseluruhan peruntukan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM13,900. Peruntukan ini adalah merangkumi Majlis Ikrar Bebas Rasuah dan tuntutan-tuntutan dalaman oleh pegawai-pegawai Integriti.

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Menguruskan dan menyelaras tindakan tatatertib untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib sehingga kes selesai. | 3 | 3 |
| 2. | Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) FINAS. | 3 | 1 |
| 3. | Mempamerkan dan mengedar bahan-bahan berkaitan integriti poster dan artikel untuk dihebahkan kepada warga FINAS untuk berkongsi perkembangan dan maklumat berkaitan integriti kepada semua warga FINAS dan menanam kesedaran integriti. | 4 | 5 |
| 4. | Menganjurkan program-program integriti dan nilai-nilai murni seperti ceramah, kursus/latihan dalaman, kempen, lawatan sambil belajar dan muhasabah diri. | 1 | 3 |
| 5. | Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan membantu Jawatankuasa menjalankan siasatan bagi mengesan dan mengesahkan laporan dan aduan yang diterima sebelum tindakan yang sewajarnya diambil. | 3 | 3 |
| 6. | Mengadakan pemeriksaan berjadual dan tidak berjadual terhadap dasar, undang-undang, kod etika dan peraturan yang berkaitan dengan tatakelakuan dan etika organisasi. | 2 | 2 |
| 7. | Memastikan pematuhan berkaitan keberkesanan pelaksanaan dan ketidakpatuhan terhadap dasar, undang-undang dan peraturan bagi tindakan susulan dan melaporkan kes penyelewengan, salah laku dan salah guna kuasa kepada Pengurusan Tertinggi. | 2 | 2 |
| 8. | Memantau dan mengemaskini rekod pengisytiharan harta penjawat-penjawat FINAS bagi memastikan warga FINAS bersih dari pertuduhan dan terlibat dengan rasuah/ salah guna kuasa. | 1 | 1 |
| 9. | Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. | 5 | 5 |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi | Penerangan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ikrar Bebas Rasuah | 1 Mac 2018 | Studio *Sound Stage* FINAS UK | Sesi bacaan lafaz ikrar bebas rasuah oleh penjawat-penjawat FINAS yang diketuai oleh Ketua Pengarah FINAS. |
| 2. | Kursus Pengurusan Tatatertib | 14-16 Mac 2018 | INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam | Kursus yang dianjurkan bagi memberi kesedaran dan kepentingan tindakan tatatertib serta kesannya kepada penjawat awam. |
| 3. | Kursus Pengurusan Risiko Rasuah | 12-14 November 2018 | Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang | Kursus yang dianjurkan bertujuan mengenalpasti ruang-ruang risiko rasuah yang boleh dicegah di peringkat awal. |
| 4. | Majlis Ikrar Bebas Rasuah beserta Ceramah Integriti dan Tatatertib di FINAS Cawangan Sarawak | 28 Mac 2018 | FINAS Santubong, Sarawak | Ikrar dan ceramah dianjurkan di FINAS Cawangan Sarawak. |
| 5. | Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib | 10 April & 6 Julai 2018 | Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia | Tindakan tatatertib diambil bagi penjawat yang melanggar tatakelakuan mengikut Akta 605. |

## Laporan Aktiviti Dan Pencapaian 2018

### Ikrar Bebas Rasuah

Pada bulan Mac 2018, bersempena Perhimpunan FINAS, Unit Integriti telah bekerjasama dengan Bahagian Khidmat Pengurusan dalam pengisian modul Majlis Ikrar Bebas Rasuah yang dilafazkan oleh kesemua penjawat FINAS. Bacaan lafaz Ikrar Bebas Rasuah ini diketuai oleh YBhg. Dato' Fauzi Ayob, Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan disaksikan oleh Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan disusuli dengan sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah. Inisiatif ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk menggalakkan dan membimbing penjawat-penjawat FINAS agar menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah dan memupuk sikap bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka.

### Kursus Pengurusan Tatatertib

Kursus ini dianjurkan oleh Unit Integriti dengan kerjasama Unit Pengurusan Sumber Manusia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai penyelia FINAS akan Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun yang terkandung di dalam Akta Badan-Badan Berkanun

(Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan menerangkan kepada pegawai-pegawai penyelia FINAS akan peranan mereka dalam menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib. Hasil pembelajaran daripada kursus ini, para peserta telah:-

i. mengetahui dan memahami kepentingan dan kesan tindakan tatatertib ke atas seseorang pegawai;
ii. memahami tanggungjawab penyelia dalam memastikan tatakelakuan penjawat-penjawat sentiasa dipantau; dan
iii. mempelajari teknik penyediaan Laporan Pelanggaran Tatatertib yang lengkap dan teratur untuk pertimbangan Jawatankuasa Tatatertib FINAS

## Kursus Pengurusan Risiko Rasuah

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah merupakan satu langkah terancang dalam mewujudkan tadbir urus yang terbaik bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi menerusi penyediaan pelan pengurusan risiko yang sistematik. Justeru itu, bagi merealisasikan hasrat organisasi dalam membendung perlakuan rasuah di kalangan penjawat-penjawat FINAS, Unit Integriti dengan kerjasama Unit Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan Kursus Pengurusan Risiko Rasuah. Hasil pembelajaran daripada kursus yang dijalankan adalah para peserta telah:-

i. mengenalpasti dan mengurangkan ruang-ruang dan risiko-risiko rasuah yang berkemungkinan terjadi;
ii. mempelajari dan memahami kaedah Pendekatan Penilaian dan Pengurusan Risiko dalam sesuatu sistem pengurusan;
iii. menghasilkan penambahbaikan ke atas sistem pengurusan bagi tujuan pengurangan ketirisan dan risiko pendedahan kepada elemen-elemen rasuah; dan
iv. mempelajari bagi membentuk Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang boleh diguna pakai oleh pengurusan FINAS dalam membendung dan mengurangkan ruang-ruang dan risiko-risiko terjadinya rasuah.

## Sesi Bacaan Ikrar Bebas Rasuah dan Ceramah Integriti dan Tatatertib di FINAS Cawangan SARAWAK

Unit Integriti telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah kepada penjawat-penjawat FINAS yang bertugas di FINAS Cawangan Sarawak. Justeru itu, seramai 30 orang penjawat FINAS Cawangan Sarawak telah melafazkan ikrar sewaktu Majlis Ikrar Bebas Rasuah diadakan. Selain itu, Unit Integriti dengan kerjasama Unit Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan Ceramah Integriti dengan menjemput penceramah daripada SPRM Negeri Sarawak bagi memupuk kesedaran dalam mencegah perlakuan rasuah di kalangan penjawat-penjawat FINAS, menanam sikap berintegriti di dalam diri dan menitikberatkan kesan tindakan tatatertib ke atas individu.

## Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib

Unit Integriti yang merupakan urus setia Jawatankuasa Tatatertib telah mengadakan beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib bagi mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang telah melanggar tatakelakuan dan peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan ini juga diambil bagi memberi kesedaran kepada kesemua penjawat FINAS agar sentiasa menanam sikap berdisiplin dan berakauntibiliti dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada setiap individu sebagaimana dilafazkan di dalam aku janji penjawat awam.

## Gambar-Gambar Aktiviti/ Program




**Gambarajah 1 :** Sesi bacaan Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai oleh YBhg. Dato' Fauzi Ayob, Ketua Pengarah FINAS dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), SPRM sempena Perhimpunan FINAS pada 1 Mac 2018 jam 10.00 pagi di Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang.




**Gambarajah 2 :** Sesi menandatangani sijil Ikrar Bebas Rasuah oleh YBhg. Dato' Fauzi Ayob, Ketua Pengarah FINAS dan Tuan Haji Mohd Zulkifli Ab. Wahab, Timbalan Ketua Pengarah (Produksi & Teknikal) FINAS yang disaksikan oleh YBhg. Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), SPRM sempena Perhimpunan FINAS pada 1 Mac 2018 jam 10.00 pagi di Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang.



**Gambarajah 3 :** Sesi bergambar warga FINAS bersama tetamu-tetamu jemputan SPRM sempena Perhimpunan FINAS pada 1 Mac 2018 jam 10.00 pagi di Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang.




**Gambarajah 4 :** Penceramah dari Unit Operasi Khas, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi taklimat berkenaan pengurusan tatatertib kepada para peserta Kursus Pengurusan Tatatertib pada 14-16 Mac 2018 di INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam.



**Gambarajah 5 :** Sesi perbincangan kumpulan para peserta Kursus Pengurusan Tatatertib pada 14-16 Mac 2018 di INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam.




**Gambarajah 6 :** Sesi bergambar warga FINAS Cawangan Sarawak bersama tetamu-tetamu jemputan SPRM Negeri Sarawak setelah selesai Majlis Ikrar Bebas Rasuah pada 28 Mac 2018 jam 9.00 pagi di FINAS Santubong, Sarawak.



# UNIT MEDIATHEQUE

# Unit Mediatheque

## Pengenalan Bahagian / Unit

- Mediatheque FINAS ditubuhkan untuk merekod, menyimpan dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif serta maklumat sejarah dunia perfileman.
- Semua koleksi ini adalah untuk kegunaan FINAS, agensi-agensi kerajaan dan orang awam.

## Objektif Bahagian / Unit

- Mendokumentasikan segala perolehan secara sistematik, mengendali dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif audio visual serta maklumat sejarah dunia perfileman Negara.

## Skop Kerja Bahagian / Unit

- Menyampaikan maklumat khazanah audio visual dan maklumat sejarah dunia perfileman dengan lebih sistematik dan berkesan
- Meningkatkan kesedaran orang awam tentang  isu-isu perkembangan kandungan kreatif negara.
- Memberi pendedahan kepada orang awam dalam penggunaan teknologi media Interaktif dan semasa.
- Memudahkan akses maklumat berkaitan khazanah audio visual negara kepada orang awam.

## Fungsi Bahagian / Unit

- Pusat Sumber
    - Pembangunan Prasarana Ilmu dan Maklumat
    - Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
    - Penyediaan dan Memperkayakan Koleksi
    - Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan

- *Museum of Moving Images (MOMI)*
    - Pembangunan Prasarana Koleksi
    - Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
    - Penyediaan dan Memperkayakan Koleksi
    - Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan

| Jumlah Bajet Diluluskan 2018 |
|---|
| RM52,600.00 |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian / Unit

| Bil | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) | Sasaran 2018 | Pencapaian 2018 |
|---|---|---|---|
| 1. | Program pameran dan jalinan kerjasama dengan industri | 69 | 57 |
| 2. | Jumlah Pengunjung/ pelawat/ taklimat ke *Mediatheque* & MOMI | 9630 | 9937 |
| 3. | Memperkayakan koleksi rujukan : | | |
| | 1. Buku | 100 | 55 |
| | 2. Majalah | 300 | 107 |
| | 3. Dokumentari/ cereka | 180 | 56 |
| | 4. Liputan peristiwa arkib | 300 | 194 |
| | 5. Keratan akhbar | 2100 | 1822 |
| 4. | Menyediakan perkhidmatan rujukan, akses bahan & sirkulasi koleksi kandungan kreatif | 2960 | 5121 |

## Senarai Aktiviti / Program 2018

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Sinergi Ilmu Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah, Perak | 16 Januari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 2. | Prebiu Bahan Kandungan Kreatif Bersama Pegawai dan Anggota dari MINDEF | 17 Januari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 3. | Lawatan Sinergi Ilmu Seri Stamford College, Kepong | 17 Januari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 4. | WWF Sinergi Ilmu | 17 Januari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 5. | Lawatan kerja MRCB | 24 Januari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 6. | Lawatan MRSM Sungkai, Perak | 26 Februari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 7. | Lawatan UKM Bangi | 27 Februari 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 8. | Pameran Bersempena Program Fiesta Sehati@RTM di Manjung, Perak | 9 – 11 Mac 2018 | Perak |
| 9. | Lawatan Majlis Belia Perak | 9 Mac 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 10. | Pameran Bersempena Program Sehati@RTM di Sungai Petani, Kedah | 15 - 17 Mac 2018 | Kedah |
| 11. | Pameran Bersempena Program Sehati@RTM di Kota Kinabalu, Sabah | 16 - 18 Mac 2018 | Sabah |
| 12. | Lawatan Benchmarking MMU | 22 Mac 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 13. | Lawatan UPSI | 22 Mac 2018 | FINAS Petaling Jaya |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 14. | Lawatan UUM | 22 Mac 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 15. | Lawatan Kolej MSU | 27 Mac 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 16. | Pameran Bersempena Program Sehati@RTM di Pasir Gudang, Johor | 29 - 31 Mac 2018 | Johor |
| 17. | Program Karnival Rindok Hati Ke Tupong, Sarawak | 5 – 8 April 2018 | Sarawak |
| 18. | Program Fiesta Sehati@Rtm Di Bachok, Kelantan | 5 – 7 April 2018 | Kelantan |
| 19. | Lawatan Kolej Epitome | 5 April 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 20. | Program Sepakat Komuniti 1malaysia | 7 April 2018 | Putrajaya |
| 21. | Program Fiesta Nbos Di Sarikei, Sarawak | 13 – 15 April 2018 | Sarawak |
| 22. | Lawatan UiTM Shah Alam | 19 April 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 23. | Lawatan SMK Bachok, Kelantan | 19 April 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 24. | Program Menghubung Menyatu Nbos – CTU Khas Di Pasir Puteh, Kelantan | 21 April 2018 | Kelantan |
| 25. | Pameran MINDA di Kulim, Kedah | 20 – 22 April 2018 | Kedah |
| 26. | Lawatan UiTM Shah Alam, Selangor | 24 April 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 27. | Lawatan Menteri KKMM ke FINAS Petaling Jaya | 25 Jun 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 28. | Lawatan Delegasi Press Information Department Bangladesh (PID) | 26 Jun 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 29. | Pameran Aktiviti & Program Tan Sri Taib Andak di Muzium Tokoh, Johor | 9 Julai 2018 | Johor |
| 30. | Pameran Jelajah MyMerdeka@61 di Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang | 3 – 5 Ogos 2018 | Pulau Pinang |
| 31. | Pameran Caring Bridge: Kempen Kibar Jalur Gemilang di Padang Kota Lama, Pulau Pinang | 3 – 5 Ogos 2018 | Pulau Pinang |
| 32. | Lawatan Sinergi Industri dari Seri Stamford College, Selangor | 9 Ogos 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 33. | Pameran Sempena Program Kibaran Jalur Gemilang di SK Batu Muda, KL | 10 Ogos 2018 | Kuala Lumpur |
| 34. | Lawatan Sinergi Industri dari Politeknik Sultan Mizan, Kuala Terengganu, Terengganu | 16 Ogos 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 35. | Pameran Jelajah MyMerdeka@61 di Mydin Mall USJ Subang Jaya, Selangor | 16 – 19 Ogos 2018 | Selangor |
| 36. | Pameran Sempena Flag Off Kembara Merdeka 2018 di Putrajaya | 27 Ogos 2018 | Putrajaya |

| Bil | Nama Program / Aktiviti | Tarikh & Masa | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 37. | Pameran Jelajah MyMerdeka@61 di Mydin Mall Meru Raya, Ipoh, Perak | 29 Ogos – 1 Sept 2018 | Perak |
| 38. | Pameran Jelajah MyMerdeka@61 di Mydin Mall Mutiara, Johor | 5 – 8 Sept 2018 | Johor |
| 39. | Pameran Jelajah MyMerdeka@61 di Mydin Mall Petrajaya, Kuching, Sarawak | 13-17 Sept 2018 | Sarawak |
| 40. | Hari Telekomunikasi & Masyarakat Berinformasi Sedunia 2018 di Alor Setar, Kedah | 22 – 23 Sept 2018 | Kedah |
| 41. | Lawatan Deligasi Penerbit dari Jakarta, Indonesia | 25 Sept 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 42. | Lawatan Kerja Timbalan Menteri KKMM | 27 Sept 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 43. | Hari UNESCO di Ipoh, Perak | 29 – 30 Sept 2018 | Perak |
| 44. | Lawatan SK Seksyen 9 Kota Damansara | 3 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 45. | Lawatan Sambil Belajar Pegawai dan Kakitangan Perpustakaan Negeri Sarawak Sempena Perasmian Latihan Sangkutan Pemuliharaan Bahan Audio Visual | 15 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 46. | Lawatan Sambil Belajar Kelab Kewartawanan & Penyiaran (KKWP) USIM | 16 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 47. | Lawatan Sambil Belajar Pegawai dan Kakitangan Perpustakaan Negeri Sarawak | 19 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 48. | Lawatan Sambil Belajar SK Lubok Terua, Lanchang, Pahang | 24 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 49. | Lawatan Delegasi Southeast Asia Regional Branch of The International Council on Archives (SARBICA) | 25 Okt 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 50. | Lawatan Sinergi Ilmu dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor | 1 Nov 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 51. | Program Xplorasi Ilmu & Fiesta Seni 2018 di Perlis | 14 – 15 Nov 2018 | Perlis |
| 52. | Lawatan dari Kolej City University | 13 Nov 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 53. | Lawatan dari pelajar UiTM ke Mediatheque | 26 Nov 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 54. | Lawatan dari Badan Penyiaran Swasta Taiwan | 29 Nov 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 55. | Lawatan dari UiTM dan UPM | 04 Dis 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 56. | Lawatan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan | 05 Dis 2018 | FINAS Petaling Jaya |
| 57. | Penggambaran Lokasi dari Harian Metro | 21 Dis 2018 | FINAS Petaling Jaya |

***Mediatheque & Museum of Moving Images (MOMI)***

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan 4 teras utama iaitu pembangunan prasarana koleksi ilmu, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkayakan koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan/ khazanah negara.

Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam bilik kawalan *'film vault'* adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah Negara. Sehingga Disember 2018, bahan audio visual bagi koleksi Dokumentari/ Treler/ Cereka adalah sebanyak 4,119 tajuk (1,212 jam), koleksi Liputan Arkib sebanyak 6,700 liputan (2,098 jam) dan koleksi bahan Pita Audio sebanyak 16,883 pita (8,441 jam). Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh diakses dan pratonton melalui terminal yang disediakan diruang Mediatheque.

Selain itu, perkhidmatan rujukan lain yang boleh didapati di Mediatheque adalah seperti koleksi buku rujukan, langganan majalah tempatan dan antarabangsa (27 judul), keratan akhbar tempatan berjilid berkaitan industri, laporan tahunan, gambar pegun, poster dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2018 jua, pelbagai aktiviti dan program telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. Dimaklumkan sejumlah 34 lawatan dan 22 program pameran telah berjaya diadakan bagi mencapai matlamat mendekatkan masyarakat dengan koleksi khazanah audio visual negara. Hasil dari lawatan dan program pameran yang telah diadakan ini, FINAS telah berjaya mengumpul sejumlah 9,937 pengunjung yang terdiri daripada penggiat industri, pelajar dan masyarakat. Melalui program yang telah diadakan, para pengunjung dapat lebih mengenali dengan lebih dekat FINAS sekaligus dapat menjadikan Mediatheque FINAS sebagai hub khazanah kandungan kreatif negara. Prasarana untuk kemudahan dan keselesaan pengguna juga telah dilaksanakan seperti bilik prebiu bahan koleksi, terminal pencarian bahan koleksi, sudut interaktif, perkhidmatan dalam talian *(online),* kemudahan internet berkelajuan tinggi (100 Mbps) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk memberikan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

MOMI pula merupakan muzium imej bergerak pertama di rantau Asia Tenggara, yang didedikasikan khas bagi tujuan pameran dan pembelajaran industri perfileman tempatan. Muzium ataupun galeri industri perfileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami tentang industri perfileman. MOMI juga menyediakan lawatan berpandu kepada pengunjung untuk menyaksikan proses produksi, pasca produksi dan restorasi bahan kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat umum melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan kreatif negara. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 9,937 pengunjung telah melawat muzium perfileman ini.

## Maklumat/Data/Statistik Pencapaian Dalam Bentuk Jadual/Carta Bar/Carta Pai Dan Lain-Lain

| Bil | Aktiviti | Petunjuk Prestasi Utama (Tahunan) | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Sukuan 1 (Jan-Mac) | Sukuan 2 (Apr-Jun) | Sukuan 3 (Jul-Sep) | Sukuan 4 (Okt-Dis) | |
| 1 | Pengunjung/ Pelawat | 2,443 | 1,933 | 4,004 | 1,557 | 9,937 |
| 2 | Aktiviti / Pameran/ Lawatan Berpandu (Tempatan) | 16<br>- | 11<br>1 | 14<br>1 | 12<br>2 | 52<br>4 (Antarabangsa) |

## Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Mediatheque & MOMI bagi Tahun 2018




**Statistik Pengunjung Mediatheque & MOMI**




Koleksi Kandungan Khazanah Negara "Timeless Temiar"




Koleksi Kandungan Khazanah Negara "Bapa Malaysia"




Koleksi Majalah Tempatan & Antarabangsa




Koleksi Majalah Tempatan & Antarabangsa



Lawatan Kerja YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi & Multimedia Malaysia ke FINAS Petaling Jaya pada 25 Jun 2018



Lawatan Kerja YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi & Multimedia Malaysia ke FINAS Petaling Jaya pada 27 September 2018



Program MyMerdeka@61 di Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 3 – 5 Ogos 2018




Program Xplorasi Ilmu dan Fiesta Seni 2018 di Galeri Seni, Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada 14 – 15 November 2018



# PENYATA KEWANGAN FINAS 2018

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN
FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018**

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat Berteguran

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

### Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. **Belanja Susut Nilai Tidak Direkodkan – RM1,698,835**
   Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan Belanja Susut Nilai berjumlah RM1,698,835 pada tahun 2018 sepertimana ketetapan Perenggan 17.15B, MPERS Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.

2. **Pelaburan Simpanan Tetap Tidak Memperoleh Kelulusan Menteri Kewangan – RM93,357,690**
   Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi pelaburannya di dalam Simpanan Tetap berjumlah RM93,357,690 seperti mana ketetapan Seksyen 18, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

3. **Peruntukan Manfaat Pekerja Terkurang Nyata**
   Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan Peruntukan Manfaat Pekerja seperti mana ketetapan Perenggan 28.3, MPERS Seksyen 28 Manfaat Pekerja.

4. **Penghutang Pinjaman Melebihi 12 Bulan Tidak Direkodkan Pada Nilai Semasa**
   Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan Penghutang Pinjaman melebihi 12 bulan pada nilai semasa seperti mana ketetapan Perenggan 11.13, MPERS Seksyen 11 Instrumen Kewangan Asas.

5. **Peraturan Kewangan Tidak Disediakan**
   Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak menyediakan Peraturan Kewangan seperti mana ketetapan Seksyen 34 (1), Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Ahli Perbadanan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

3 / 5

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Hal-hal Lain**

a. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia disaran untuk mempertingkatkan kawalan kualiti dan membuat semakan dengan lebih teliti terhadap penyata kewangan yang akan dikemukakan untuk diaudit bagi memastikan penyata kewangan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

4 / 5

b. Laporan ini dibuat untuk Ahli Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN**
b.p.KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
22 NOVEMBER 2019

5 / 5

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN
## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

Kami, **DATO' GERALD HANS ISAAC** dan **ABDUL RASHID KARIM BIN MOHD RAZHA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Perbadanan,

**DATO' GERALD HANS ISAAC**
Pengerusi

Tarikh: 19 NOV 2019

Kuala Lumpur

Bagi pihak Ahli Perbadanan,

**ABDUL RASHID KARIM BIN MOHD RAZHA**
Ahli

Tarikh: 19 NOV 2019

Kuala Lumpur

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**
**YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**
**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

Saya, **AHMAD IDHAM BIN AHMAD NADZRI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya )
Diakui oleh penama di atas )
Di W.P. Putrajaya )
pada 19 NOV 2019

**AHMAD IDHAM BIN AHMAD NADZRI**
**710717-02-5253**

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
NO: W427
NAMA : LABIBUN BINTI HARUN
1 JAN 2019 - 31 DIS 2021
MALAYSIA

NO.8A, LORONG SELANGOR
OFF JALAN BANDAR 3
TAMAN MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR

# PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| | | | Dinyatakan semula |
| | | RM | RM |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 5 | 233,659,076 | 221,199,024 |
| Aset Tidak Ketara | 6 | 1,165,612 | 1,156,381 |
| Aset Cukai Tertunda | 15 | 634,451 | 462,129 |
| Penghutang Pinjaman Bukan Semasa | 10 | 472,088 | 652,235 |
| **JUMLAH ASET BUKAN SEMASA** | | **235,931,227** | **223,469,769** |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Penghutang Perniagaan | 7 | 23,736 | 3,388,776 |
| Penghutang Pelbagai | 8 | 1,191,511 | 952,084 |
| Deposit dan Prabayar | 9 | 122,226 | 123,271 |
| Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman | 10 | 218,232 | 466,816 |
| Faedah Terakru | | 676,593 | 600,018 |
| Simpanan Tetap | 11 | 93,357,690 | 130,000,000 |
| Wang di Tangan dan di Bank | 12 | 92,777,205 | 29,299,423 |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | **188,367,193** | **164,830,388** |
| **JUMLAH ASET** | | **424,298,420** | **388,300,157** |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| **MODAL DAN RIZAB** | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 27,518,472 | 21,037,349 |
| Rezab Penilaian Aset | | 37,531,751 | 24,559,580 |
| Lain - lain Kumpulan Wang | | 700,000 | 700,000 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **65,750,223** | **46,296,929** |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang Operasi | | 360,776 | 298,438 |
| Pemiutang Pelbagai dan Akruan | 13 | 806,502 | 765,315 |
| Manfaat Pekerja | 14 | 382,802 | 273,279 |
| Peruntukan Cukai | | 1,152,834 | 14,213,934 |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | **2,702,914** | **15,550,966** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Liabiliti Cukai Tertunda | 15 | 1,606,793 | 962,045 |
| Deposit Filem | 16 | 17,655,100 | 19,096,600 |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 17(a) | 125,069,985 | 92,965,183 |
| Kumpulan Wang Amanah | 17(b) | 14,810,717 | 19,153,701 |
| Kumpulan Wang Dana-dana lain | 17(c) | 26,230,527 | 23,802,571 |
| Geran Tertunda Tanah & Bangunan PTP | | 170,472,162 | 170,472,162 |
| **JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA** | | **355,845,283** | **326,452,262** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **424,298,420** | **388,300,157** |

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018 | 2017 Dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | |
| Pelunasan Kumpulan Wang | 17 | 90,581,253 | 127,671,406 |
| Pelunasan Tanah & Bangunan PTP | 27 | - | 3,288,919 |
| Sumbangan Kerajaan | 18 | 39,150,000 | 31,648,723 |
| Lesen Dan Bayaran Filem | 19 | 2,889,990 | 3,476,434 |
| Produksi dan Latihan | | 76,247 | 718,910 |
| Promosi dan Perolehan | | 73,387 | 40,828 |
| Sewaan | | 487,058 | 595,805 |
| Faedah | | 4,803,475 | 3,734,748 |
| Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan | | 1,657,616 | 545,936 |
| Lain-Lain Pendapatan | 20 | 2,080,352 | 432,218 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | **141,799,378** | **172,153,927** |
| **Tolak: PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | 21 | 21,542,507 | 19,563,609 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 22 | 66,443,237 | 97,998,603 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | | 37,655,119 | 29,439,814 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | | 5,009,090 | 3,558,473 |
| Susutnilai dan Pelunasan | 5&6 | 2,231,026 | 5,805,378 |
| Hapuskira | | 3,200,414 | 920,328 |
| Audit | | 49,913 | 25,000 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **136,131,306** | **157,311,205** |
| **UNTUNG / (RUGI) BAGI TAHUN KEWANGAN SEBELUM CUKAI** | | **5,668,072** | **14,842,722** |
| **Tolak: Cukai** | 23 | 1,152,834 | 751,963 |
| **Keuntungan pada tahun semasa** | | **4,515,238** | **14,090,759** |
| **PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN** | | | |
| ***Item tidak akan dikelaskan pada untung atau rugi:*** | | | |
| Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan | | 12,972,171 | - |
| **JUMLAH UNTUNG/(RUGI) KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN** | | **17,487,409** | **14,090,759** |

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | NOTA | LEBIHAN TERKUMPUL | LAIN-LAIN KUMPULAN WANG: PINJAMAN KENDERAAN | LAIN-LAIN KUMPULAN WANG: PINJAMAN KOMPUTER | LAIN-LAIN KUMPULAN WANG: TABUNG KHAS | LAIN-LAIN KUMPULAN WANG: SKIM KEMUDAHAN PRODUKSI (SKP) | REZAB PENILAIAN ASET | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 01 Januari 2018 | | 21,037,349 | 600,000 | 100,000 | - | - | 24,559,580 | 46,296,929 |
| Penilaian semula HLP - Tahun Semasa | | - | - | - | - | - | 12,972,171 | 12,972,171 |
| Keuntungan/Kerugian Tahun Semasa | | 4,515,238 | - | - | - | - | - | 4,515,238 |
| Lain - lain pelarasan | | 1,965,885 | - | - | - | - | - | 1,965,885 |
| **Pada 31 Disember 2018** | | **27,518,472** | **600,000** | **100,000** | **-** | **-** | **37,531,751** | **65,750,223** |
| | | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2017 sebelum pelarasan | | 53,885,839 | 600,000 | 100,000 | 207,118 | 3,000,000 | - | 57,792,957 |
| Pelarasan tahun-tahun lepas | 24 | (25,809,642) | - | - | - | - | - | (25,809,642) |
| Penilaian semula HLP - Pelarasan tahun lepas | 24 | - | - | - | - | - | 24,559,580 | 24,559,580 |
| ***Pada 1 Januari 2017 selepas pelarasan*** | | **28,076,197** | **600,000** | **100,000** | **207,118** | **3,000,000** | **24,559,580** | **56,542,895** |
| Keuntungan/Kerugian Tahun Semasa | | 14,090,759 | - | - | - | - | - | 14,090,759 |
| Pelarasan tahun semasa | | (21,129,607) | - | - | (207,118) | (3,000,000) | - | (24,336,725) |
| **Pada 31 Disember 2017** | | **21,037,349** | **600,000** | **100,000** | **-** | **-** | **24,559,580** | **46,296,929** |

3

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## PENYATA ALIRAN TUNAI PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | 2018 | Dinyatakan semula 2017 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Keuntungan sebelum cukai | 5,668,072 | 14,842,722 |
| *Pelarasan:* | | |
| Susutnilai hartanah , loji dan peralatan | 1,918,653 | 2,551,905 |
| Pendapatan faedah | (4,803,475) | (3,734,748) |
| Hapuskira | 3,200,412 | - |
| Defisit atas penilaian hartanah dan bangunan | 3,936,527 | - |
| Pelunasan aset tak ketara | 312,373 | 254,331 |
| Peruntukan Manfaat Pekerja | 300,000 | - |
| Pendapatan dari kendalian sebelum modal kerja | 10,532,562 | 13,914,210 |
| *Peningkatan/(penurunan) dari modal kerja* | | |
| Penghutang Perniagaan | 164,628 | (1,936,060) |
| Penghutang Pelbagai | (239,427) | 4,816,921 |
| Deposit dan Prabayar | 1,045 | - |
| Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman | 428,732 | - |
| Pemiutang Operasi | 62,338 | (70,629,556) |
| Pemiutang Pelbagai dan Akruan | 41,187 | 1,038,594 |
| **Tunai dijana/(digunakan) dari operasi** | **10,991,065** | **(52,795,891)** |
| Deposit Filem | (1,441,500) | 645,700 |
| Manfaat Pekerja Dibayar | (190,477) | - |
| Cukai dibayar | (12,251,184) | - |
| **Tunai bersih (digunakan) daripada aktiviti operasi** | **(2,892,096)** | **-52,150,191** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Tambahan hartanah, loji dan peralatan | (4,867,502) | (1,247,581) |
| Tambahan aset tak ketara | (321,603) | (357,338) |
| Faedah diterima | 4,726,900 | 3,134,729 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | **(462,205)** | **1,529,810** |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | |
| Kumpulan Wang Pembangunan | 32,104,801 | 20,221,331 |
| Kumpulan Wang Amanah | (4,342,985) | 66,987,419 |
| Kumpulan Wang Dana-Dana Lain | 2,427,957 | 11,128,425 |
| **Tunai bersih yang dijana dalam aktiviti pembiayaan** | **30,189,773** | **98,337,175** |
| PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 26,835,472 | 47,716,795 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 159,299,423 | 111,582,628 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 186,134,895 | 159,299,423 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai :** | | |
| Wang di tangan dan di bank | 92,777,205 | 29,299,423 |
| Simpanan Tetap | 93,357,690 | 130,000,000 |
| | 186,134,895 | 159,299,423 |

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## 1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2013 (Akta A1451) selaras penggabungan FINAS dengan Jabatan Filem Negara Malaysia.

Tujuan Penubuhan FINAS adalah untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman. Pejabat FINAS terletak di Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8, Jalan Hulu Kelang, Selangor.

Penyata Kewangan setiap entiti dalam Perbadanan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

Matawang fungsian Perbadanan adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

## 2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ('MPERS"). Penyata Kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah, kecuali bagi penilaian semula aset dan liabiliti tertentu.

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti di bawah.

## 3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Perbadanan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, kecuali tanah pegangan bebas.

Selepas pengiktirafan sebagai aset, tanah pegangan bebas dan pajakan serta bangunan dibawa pada amaun dinilai semula, iaitu pada nilai saksama pada tarikh penilaian semula, ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul berikutnya. Penilaian semula dibuat dengan kekerapan yang mencukupi untuk memastikan bahawa amaun bawaan tidak berbeza secara ketara daripada apa yang ditentukan menggunakan nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan.

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebihan penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah.

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal kerana ia mempunyai hayat infiniti. Bangunan atas tanah pegangan kekal dan tanah pegangan pajak dilunaskan pada kadar 2% setahun. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat .

| | % |
|---|---|
| Tanah Pegang Pajak | Bergantung kepada Tempoh Pajakan |
| Bangunan | 2 |
| Alat Perfileman | 20 |
| Pelbagai Harta | 10 |
| Kenderaan Bermotor | 20 |
| Kelengkapan Pejabat | 10 |
| Perabot & Lengkapan | 10 |
| Komputer | 20 |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM2,000.00 dan ke bawah diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan.

### 3.2 Aset Tidak Ketara

Aset Tidak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atas nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tidak Ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tidak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos berkaitan dengan Aset Tidak Ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu Aset Tidak Ketara itu akan dinilai sama ada tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tidak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahun lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tidak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai di bawah aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### 3.3 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

(i) Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

(ii) Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

(iii) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir tempoh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif termasuk :

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- pelanggaran kontrak
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan
- ia berkemungkinan peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- data dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran
- tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset

Kerugian rosotnilai yang diukur pada kos dilunaskan merupakan perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur melalui perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik di mana Perbadanan akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung. Pembalikan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

(iv) Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, diselesai, atau Perbadanan memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhan adalah perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima. Sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

### 3.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan sehingga dua belas bulan dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

**3.5 Liabiliti dan Ekuiti**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

**i. Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

**ii. Pengukuran Awal**

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan diukur pada harga urusniaga termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan, tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian melainkan perjanjian membentuk sebuah urusniaga pembiayaan bagi Perbadanan kepada pengaturan.

**iii. Pengukuran Seterusnya – Liabiliti Kewangan diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

**iv. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila kewajipan yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

**3.6 Peruntukan**

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan peristiwa yang lalu, terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

### 3.7 Geran kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

### 3.8 Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Pendapatan sewaan alat diiktiraf berdasarkan akruan sesuai dengan substansi perjanjian. Pendapatan lesen filem dan bayaran filem serta kompaun diiktiraf atas dasar tunai.

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

### 3.9 Manfaat Anggota

Upahan, gaji dan bonus telah diakrukan sebagai perbelanjaan bagi tahun di mana perkhidmatan telah disempurnakan anggota.

Ganti rugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek diiktiraf apabila perkhidmatan telah disempurnakan anggota dengan meningkatkan kelayakan mereka terhadap ganti rugi kehadiran ke masa hadapan tertakluk kepada maksimum 150 hari. Manakala, ganti rugi ketidakhadiran jangka pendek terkumpul diiktiraf apabila ianya berlaku.

Caruman Wajib di bawah undang-undang diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi anggota yang tidak memilih Skim Pencen Kerajaan. Bahagian Pencen yang berkenaan akan mentadbir dan mengurus perihal pencen anggota.

### 3.10 Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali setakat yang berkaitan dengan gabungan perniagaan atau item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka yang perlu dibayar atau boleh diterima atas pendapatan atau kerugian yang boleh dikenakan cukai bagi tahun tersebut, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar berkenaan dengan tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, memberikan perbezaan sementara di antara nilai bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai mereka. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian yang boleh dikira atau tidak. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka digunakan untuk perbezaan sementara apabila ia terbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada entiti yang boleh dikenakan cukai yang sama, atau pada entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa secara bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tidak lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

Perbadanan telah diberi status pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2003 dan (No.22) 2006 ke atas geran yang diterima oleh kerajaan termasuk pemberian dan subsidi. Walau bagaimanapun, pendapatan ke atas pelaburan adalah tertakluk kepada kenaan cukai pendapatan.

## 4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### 4.1 Anggaran dan pertimbangan penting perakaunan

Anggaran, andaian mengenai masa depan dan pertimbangan dibuat dalam penyediaan penyata kewangan. Ia memberi kesan kepada penggunaan dasar perakaunan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan, dan pendedahan yang dibuat. Ianya dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor-faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan.

Andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama anggaran atau ketidakpastian pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan penyesuaian material kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan di bawah.

**a) Cukai**

Perbadanan mempunyai pendedahan kepada cukai pendapatan dalam banyak bidang kuasa. Pertimbangan penting terlibat dalam menentukan peruntukan kumpulan untuk cukai pendapatan. Terdapat urus niaga tertentu dan perhitungan yang mana penentuan cukai muktamad tidak pasti semasa perniagaan biasa. Perbadanan mengiktiraf liabiliti untuk isu-isu cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dibayar. Jika hasil cukai akhir dari perkara-perkara ini berbeza dari jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh penentuan sedemikian dibuat.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah meminda kelayakan terhadap hasil tertentu bagi sebuah Pihak Berkuasa Berkanun sebagai pendapatan yang dikecualikan cukai (dikecualikan daripada cukai pendapatan) dan mengenakan penilaian cukai pendapatan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai punca faedah.

**b) Rosotnilai aset bukan kewangan**

Perbadanan menilai sama ada aset bukan kewangannya, yang termasuk hartanah, loji dan peralatan mempunyai sebarang petunjuk untuk penurunan nilai pada akhir tarikh pelaporan. Apabila penunjuk tersebut wujud, aset bukan kewangan terjejas dengan menilai sejauh mana amaun yang boleh diperolehi semula aset-aset ini kurang daripada kosnya. Kaedah yang digunakan untuk menentukan amaun boleh diperolehi termasuk penilaian laporan penilaian dan aliran tunai diskaun. Pertimbangan penting diperlukan dalam menganggar nilai semasa aliran tunai masa depan yang dihasilkan oleh aset, yang melibatkan ketidakpastian dan terjejas dengan ketara oleh andaian yang digunakan dan pertimbangan yang dibuat mengenai anggaran aliran tunai masa depan dan kadar diskaun. Perubahan dalam andaian boleh menjejaskan keputusan ujian Perbadanan untuk merosotnilai aset.

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

### c) Susutnilai hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat berguna hartanah, loji dan peralatan. Pengurusan menganggarkan hayat berguna hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 3. Ini adalah jangkaan hayat biasa yang digunakan dalam industri. Perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi yang dijangkakan akan memberi impak kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset-aset tersebut, oleh itu caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

Perbadanan telah mengambil tindakan berdasarkan teguran audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tujuan mengambilkira di dalam Penyata Kewangan 2018 aset yang perlu dirosotnilai iaitu aset peralatan alat filem yang bertempat di Bangunan Mix Stage telah mencapai Nilai Buku Bersih (carrying amount value) RM1 dari tarikh perolehan aset itu iaitu pada tahun 2010 dengan kadar susutnilai 20%.

Kadar susutnilai tiada perubahan di dalam pengiraan hanya kesilapan mencatat di dalam Penyata Kewangan dari tahun perakaunan 2014. Setakat tahun berakhir 2017, rosotnilai juga tidak perlu diperuntukan bagi aset peralatan filem yang berada di Bangunan Mix Stage itu dan pelarasan bagi tahun terdahulu tidak perlu dilakukan.

### d) Rosotnilai aset kewangan

Kerugian ditubuhkan apabila terdapat bukti objektif bahawa Perbadanan tidak akan dapat mengutip semua amaun yang terhutang mengikut terma asal penghutang. Ini ditentukan berdasarkan profil pengumuran, corak kutipan yang dijangka bagi setiap baki boleh diterima, kualiti kredit dan kerugian kredit yang ditanggung. Pengurusan dengan teliti memantau kualiti kredit baki boleh terima dan membuat anggaran mengenai jumlah kerugian kredit yang telah ditanggung pada setiap tarikh laporan penyata kewangan. Apa-apa perubahan kepada profil penuaan, corak koleksi, kualiti kredit dan kerugian kredit boleh memberi kesan ke atas penurunan nilai yang dicatatkan.

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | TANAH RM | TANAH PAJAKAN RM | TANAH PTP RM | BANGUNAN RM | BANGUNAN PTP RM | PEMBAIKAN BANGUNAN RM | ALAT PERFILEMAN RM | PELBAGAI HARTA RM | KENDERAAN BERMOTOR RM | KELENGKAPAN PEJABAT RM | PERABOT & LENGKAPAN RM | KOMPUTER RM | JUMLAH 2018 RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KOS** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 1,753,432 | - | 154,700,000 | 38,806,935 | 22,350,000 | - | 98,383,303 | 99,834 | 3,334,544 | 2,378,165 | 3,620,568 | 4,026,692 | 329,453,473 |
| Pelarasan | 5,443,099 | 18,996,370 | - | (16,742,836) | - | 518,993 | - | - | - | - | - | - | 8,215,626 |
| Pada 1 Januari 2018-selepas pelarasan | 7,196,531 | 18,996,370 | 154,700,000 | 22,064,099 | 22,350,000 | 518,993 | 98,383,303 | 99,834 | 3,334,544 | 2,378,165 | 3,620,568 | 4,026,692 | 337,669,099 |
| Tambahan | - | - | - | - | - | - | 3,198,359 | - | 146,590 | 9,500 | 1,071,753 | 441,300 | 4,867,502 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Rosot nilai | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pelarasan | 277,912 | 7,987,120 | (9,070,000) | (272,032) | 2,330,000 | - | - | - | (1) | - | - | 1 | 1,253,000 |
| Pada 31 Disember 2018 | 7,474,443 | 26,983,490 | 145,630,000 | 21,792,067 | 24,680,000 | 518,993 | 101,581,662 | 99,834 | 3,481,133 | 2,387,665 | 4,692,321 | 4,467,993 | 343,789,601 |
| **SUSUTNILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | - | 564,670 | 5,683,840 | 11,079,542 | 894,000 | - | 98,003,162 | 99,801 | 2,515,227 | 1,357,411 | 2,644,380 | 3,554,468 | 126,396,501 |
| Pelarasan | - | 270,986 | - | (10,225,347) | - | 59,997 | (32,062) | - | - | 1 | - | - | (9,926,425) |
| Pada 1 Januari 2018-selepas pelarasan | - | 835,656 | 5,683,840 | 854,195 | 894,000 | 59,997 | 97,971,100 | 99,801 | 2,515,227 | 1,357,412 | 2,644,380 | 3,554,468 | 116,470,076 |
| Pelarasan | - | (835,656) | (5,683,840) | (844,708) | (894,000) | - | - | - | - | - | - | | (8,258,204) |
| Tambahan | - | - | - | 18,926 | - | 10,380 | 942,953 | - | 196,772 | 176,432 | 241,703 | 331,487 | 1,918,653 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Rosotnilai | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2018 | - | - | - | 28,413 | - | 70,377 | 98,914,053 | 99,801 | 2,711,999 | 1,533,844 | 2,886,083 | 3,885,955 | 110,130,525 |
| **AMAUN DIBAWA** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 7,474,443 | 26,983,490 | 145,630,000 | 21,763,654 | 24,680,000 | 448,616 | 2,667,609 | 33 | 769,134 | 853,821 | 1,806,238 | 582,038 | 233,659,076 |
| **KOS** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | 1,753,432 | - | 154,700,000 | 44,239,114 | 22,350,000 | - | 98,352,707 | 99,834 | 2,570,697 | 2,397,834 | 3,386,758 | 3,756,348 | 333,606,724 |
| Pelarasan | 5,443,099 | 18,996,370 | - | (16,742,835) | - | 518,993 | - | - | - | - | - | - | 8,215,627 |
| Pada 1 Januari 2017-selepas pelarasan | 7,196,531 | 18,996,370 | 154,700,000 | 27,496,279 | 22,350,000 | 518,993 | 98,352,707 | 99,834 | 2,570,697 | 2,397,834 | 3,386,758 | 3,756,348 | 341,822,351 |
| Tambahan | - | - | - | - | - | - | 160,310 | - | 657,929 | 24,150 | 139,246 | 265,946 | 1,247,581 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Rosot nilai | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pelarasan | - | - | - | (5,432,180) | - | - | (129,714) | - | 105,918 | (43,819) | 94,564 | 4,398 | (5,400,833) |
| Pada 31 Disember 2017 | 7,196,531 | 18,996,370 | 154,700,000 | 22,064,099 | 22,350,000 | 518,993 | 98,383,303 | 99,834 | 3,334,544 | 2,378,165 | 3,620,568 | 4,026,692 | 337,669,099 |
| **SUSUTNILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | - | 537,024 | 2,841,920 | 10,566,706 | 447,000 | - | 97,292,265 | 99,820 | 2,100,585 | 1,176,741 | 2,390,100 | 3,403,528 | 120,855,689 |
| Pelarasan | - | (113,561) | - | (9,872,860) | - | 59,997 | - | - | - | - | - | - | (9,926,424) |
| Pada 1 Januari 2017-selepas pelarasan | - | 423,463 | 2,841,920 | 693,846 | 447,000 | 59,997 | 97,292,265 | 99,820 | 2,100,585 | 1,176,741 | 2,390,100 | 3,403,528 | 110,929,265 |
| Pelarasan | - | - | - | (225,960) | - | - | (70,463) | (19) | 89,847 | 4,210 | 8,583 | (70,766) | (264,568) |
| Tambahan | - | 412,193 | 2,841,920 | 386,310 | 447,000 | - | 749,298 | - | 324,794 | 176,460 | 245,697 | 221,706 | 5,805,378 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Rosotnilai | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2017 | - | 835,656 | 5,683,840 | 854,196 | 894,000 | 59,997 | 97,971,100 | 99,801 | 2,515,226 | 1,357,411 | 2,644,380 | 3,554,468 | 116,470,075 |
| **AMAUN DIBAWA** | | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 7,196,531 | 18,160,714 | 149,016,160 | 21,209,903 | 21,456,000 | 458,996 | 412,203 | 33 | 819,318 | 1,020,754 | 976,188 | 472,224 | 221,199,024 |

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

### 6. ASET TIDAK KETARA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | 1,439,562 | 1,082,224 |
| Tambahan | 321,604 | 357,338 |
| Pada 31 Disember | 1,761,166 | 1,439,562 |
| **Pelunasan terkumpul** | | |
| Pada 1 Januari | 283,181 | 28,850 |
| Pelunasan tahun semasa | 312,373 | 254,331 |
| Pada 31 Disember | 595,554 | 283,181 |
| **Amaun dibawa** | 1,165,612 | 1,156,381 |

### 7. PENGHUTANG PERNIAGAAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Penghutang Perkhidmatan Produksi | - | 425,000 |
| Penghutang Sewaan Fasiliti (FFF) | 16,536 | 929,827 |
| Penghutang Lesen | - | 240,988 |
| Penghutang Bayaran Filem Import | 7,200 | - |
| Penghutang Dana Cereka dan SKP | - | 1,792,961 |
| | 23,736 | 3,388,776 |

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

## 8. PENGHUTANG PELBAGAI

| | 2018 RM | 2017 RM (Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| A/K Lain Siberhutang | - | 952,084 |
| Pelbagai Penghutang | 1,191,511 | - |
| | 1,191,511 | 952,084 |

## 9. DEPOSIT DAN PRABAYAR

| | 2018 RM | 2017 RM (Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Deposit | 25,500 | 25,500 |
| Cagaran | 37,143 | 38,188 |
| Pelbagai cagaran | 59,583 | 59,583 |
| | 122,226 | 123,271 |

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

## 10. PENDAHULUAN DAN PENGHUTANG PINJAMAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Pendahuluan | 48,654 | 297,238 |
| **PENGHUTANG PINJAMAN SEMASA** | | |
| Penghutang Pinjaman Kenderaan | 114,321 | 114,321 |
| Penghutang Pinjaman Komputer | 55,257 | 55,257 |
| | 169,578 | 169,578 |
| | **218,232** | **466,816** |
| **PENGHUTANG PINJAMAN BUKAN SEMASA** | | |
| Penghutang Pinjaman Kenderaan | 412,577 | 504,567 |
| Penghutang Pinjaman Komputer | 59,511 | 147,668 |
| | **472,088** | **652,235** |

Pendahuluan terdiri daripada pendahuluan diri dan pelbagai. Pendahuluan diri adalah wang yang dibayar kepada pegawai bagi tujuan sewaan hotel dan elaun makan semasa menjalankan tugasan rasmi termasuk menjalani kursus. Manakala pendahuluan pelbagai adalah bayaran yang dibuat kepada Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa yang memerlukan wang tunai untuk membiayai aktiviti atau program yang telah diluluskan dalam belanjawan tahunan semasa.

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

## 11. SIMPANAN TETAP

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Bank Berlesen | 93,357,690 | 130,000,000 |

Purata kadar keuntungan atas simpanan tetap bagi tahun adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| 2018 | 4.00% |
| 2017 | 4.02% |
| 2016 | 3.80% |

## 12. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Wang di tangan | 9,500 | - |
| Bank | 92,767,705 | 29,299,423 |
| | 92,777,205 | 29,299,423 |

## 13. PEMIUTANG PELBAGAI DAN AKRUAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Pemiutang pelbagai | 32,681 | 81,398 |
| Akruan | 770,143 | 649,757 |
| Deposit | 3,678 | 34,160 |
| | 806,502 | 765,315 |

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

## 14. MANFAAT PEKERJA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari | 273,279 | 22,279 |
| Peruntukan tahun semasa | 300,000 | 251,000 |
| Bayaran tahun semasa | (190,477) | - |
| 31 Disember | 382,802 | 273,279 |

## 15. ASET / LIABILITI CUKAI TERTUNDA

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Aset cukai tertunda | 634,451 | 462,129 |
| Liabiliti cukai tertunda | (1,606,793) | (962,045) |
| | (972,342) | (499,916) |

Liabiliti cukai tertunda di atas adalah kesan daripada penilaian semula bangunan FINAS pada tahun 2015.

19

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

## 16. DEPOSIT FILEM

Deposit filem adalah cagaran yang dikenakan kepada aktiviti pengeluaran, pengedaran dan pempameran yang terlibat di dalam filem dan video.

Deposit filem yang diterima / yang dikembalikan atau dilucuthak mengikut aktiviti-aktiviti adalah seperti di bawah Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983.

| AKTIVITI | PENGELUARAN FILEM | PENGEDARAN FILEM | PAMERAN FILEM | JUMLAH 2018 | (Dinyatakan semula) 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 3,705,750 | 10,473,750 | 4,917,100 | 19,096,600 | 18,450,900 |
| Deposit diterima | 179,000 | 234,000 | 340,600 | 753,600 | 1,076,700 |
| | 3,884,750 | 10,707,750 | 5,257,700 | 19,850,200 | 19,527,600 |
| Deposit Dikembali | (21,500) | (353,000) | (151,600) | (526,100) | (492,000) |
| | 3,863,250 | 10,354,750 | 5,106,100 | 19,324,100 | 19,035,600 |
| Deposit dilucuthak | (318,000) | (1,138,000) | (213,000) | (1,669,000) | - |
| Pelarasan pada tahun semasa | - | - | - | - | 61,000 |
| Pada 31 Disember | 3,545,250 | 9,216,750 | 4,893,100 | 17,655,100 | 19,096,600 |

20

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

Pecahan pergerakan deposit filem seperti berikut:

| AKTIVITI | PENGELUARAN FILEM | PENGEDARAN FILEM | PAMERAN FILEM | JUMLAH 2018 | (Dinyatakan semula) 2017 |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Baki awal tahun** | | | | | |
| Filem | 3,238,000 | 2,545,000 | 1,388,000 | 7,171,000 | 6,699,000 |
| Video | 467,750 | 7,928,750 | 3,529,100 | 11,925,600 | 11,751,900 |
| | 3,705,750 | 10,473,750 | 4,917,100 | 19,096,600 | 18,450,900 |
| **Deposit diterima** | | | | | |
| Filem | 174,000 | 132,000 | 44,000 | 350,000 | 608,000 |
| Video | 5,000 | 102,000 | 296,600 | 403,600 | 468,700 |
| | 179,000 | 234,000 | 340,600 | 753,600 | 1,076,700 |
| **Deposit dikembali** | | | | | |
| Filem | (16,500) | (16,000) | (70,000) | (102,500) | (141,000) |
| Video | (5,000) | (337,000) | (81,600) | (423,600) | (351,000) |
| | (21,500) | (353,000) | (151,600) | (526,100) | (492,000) |
| **Deposit dilucuthak** | | | | | |
| Filem | (233,000) | (83,000) | - | (316,000) | - |
| Video | (85,000) | (1,055,000) | (213,000) | (1,353,000) | - |
| | (318,000) | (1,138,000) | (213,000) | (1,669,000) | - |
| **Deposit dilaraskan pada tahun semasa** | | | | | |
| Filem | - | - | - | - | 5,000 |
| Video | - | - | - | - | 56,000 |
| | - | - | - | - | 61,000 |
| **Baki akhir tahun** | | | | | |
| Filem | 3,162,500 | 2,578,000 | 1,362,000 | 7,102,500 | 7,171,000 |
| Video | 382,750 | 6,638,750 | 3,531,100 | 10,552,600 | 11,925,600 |
| | 3,545,250 | 9,216,750 | 4,893,100 | 17,655,100 | 19,096,600 |

21

## 17. DANA-DANA KHAS

| | 17(a) | | | 17(b) | 17(c) | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | PEMBANGUNAN | DANA NKEA | RMK II | DANA DIKD | DANA DUTI HIBURAN FILEM | DANA DOKUMENTARI | DANA KENEGARAAN | DANA ANIMASI | DANA-DANA LAIN | DANA DIKN | DANA CILL | JUMLAH |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 01 Januari 2018 sebelum pelarasan | 967,192 | 10,521,956 | 81,476,035 | 19,153,701 | 2,762,003 | 2,299,085 | 6,023,552 | 4,396,377 | 2,611,248 | 2,979,209 | 2,731,097 | 135,921,455 |
| Pelarasan tahun lalu | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pada 01 Januari 2018 selepas pelarasan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Tambahan | - | - | 59,243,200 | - | - | - | - | - | 20,850,000 | - | - | 80,093,200 |
| Pengurangan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pelarasan tahun semasa (if any) | 5,667,856 | - | 35,896,192 | 652,201 | - | 45,500 | - | - | 3,646,663 | 970,791 | (533,520) | 46,345,683 |
| Pelunasan | - | (1,921,517) | (61,113,073) | (4,995,185) | - | (57,000) | (35,000) | - | (18,386,130) | (3,950,000) | (123,348) | (90,581,253) |
| Pindahan dalaman | (5,667,856) | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | (5,667,856) |
| Pada 31 Disember 2018 | 967,192 | 8,600,439 | 115,502,354 | 14,810,717 | 2,762,003 | 2,287,585 | 5,988,552 | 4,396,377 | 8,721,781 | - | 2,074,229 | 166,111,229 |
| (dinyatakan semula) | | | | | | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2017 | 1,733,634 | 9,007,611 | 28,750,483 | (47,833,717) | 2,958,514 | 1,657,381 | 4,328,420 | 2,498,285 | - | 5,902,678 | 2,861,486 | 11,864,775 |
| Tambahan | - | - | 130,528,588 | 41,450,000 | - | - | - | - | 4,195,760 | - | - | 176,174,348 |
| Pengurangan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pelarasan tahun semasa | - | 8,522,692 | 35,399,671 | 27,664,569 | 2,762,003 | 641,704 | 3,554,091 | 2,416,492 | (555,729) | (2,923,469) | 1,030,228 | 78,512,252 |
| Pelunasan | (766,442) | (7,008,347) | (113,202,707) | (2,127,151) | - | - | (1,858,959) | (518,400) | (1,028,783) | - | (1,160,617) | (127,671,406) |
| Pindahan dalaman | - | - | - | - | (2,958,514) | - | - | - | - | - | - | (2,958,514) |
| Pada 31 Disember 2017 | 967,192 | 10,521,956 | 81,476,035 | 19,153,701 | 2,762,003 | 2,299,085 | 6,023,552 | 4,396,377 | 2,611,248 | 2,979,209 | 2,731,097 | 135,921,455 |

Dana Khas ini adalah terimaan daripada Kerajaan bagi menggalakkan pembangunan industri perfileman dan kandungan digital, yang akan diberi kepada penerima dan diluluskan oleh jawatankuasa bebas yang dilantik.

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

## 18. SUMBANGAN KERAJAAN

Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia.

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Wang Mengurus | 39,150,000 | 28,707,500 |
| Lain-lain | - | 2,941,223 |
| | 39,150,000 | 31,648,723 |

## 19. LESEN DAN BAYARAN FILEM

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Perolehan Lesen Sumber Filem | 701,300 | 761,435 |
| Perolehan Lesen Sumber Video | 610,400 | 758,900 |
| Jumlah Perolehan Lesen | 1,311,700 | 1,520,335 |
| Bayaran Filem | 1,578,290 | 1,956,099 |
| | 2,889,990 | 3,476,434 |

## 20. LAIN-LAIN PENDAPATAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Pendapatan dari penalti | 362,474 | 43,162 |
| Deposit Lucuthak | 1,669,000 | - |
| Sumbangan dari pertubuhan | - | 227,000 |
| Lain-Lain | 48,878 | 162,056 |
| | 2,080,352 | 432,218 |

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

### 21. EMOLUMEN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| **a) Manfaat Pekerja** | | |
| Gaji dan Upahan | 12,716,373 | 11,825,164 |
| Elaun Tetap | 4,216,974 | 3,944,199 |
| Sumbangan Berkanun Kakitangan | 342,714 | 465,120 |
| Elaun Lebih Masa | 1,337,242 | 1,261,489 |
| Pencen | 2,032,099 | 1,544,706 |
| Bantuan Khas Kewangan | 730,350 | 380,500 |
| Elaun dan Imbuhan lain - lain | 166,755 | 142,431 |
| | 21,542,507 | 19,563,609 |
| **b) Kakitangan Pengurusan Utama** | | |
| (termasuk dalam Manfaat Pekerja) | 576,033 | 461,250 |
| **c) Elaun Tetap Ahli Perbadanan** | | |
| (termasuk dalam Perkhidmatan dan Bekalan) | 131,506 | 176,532 |

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

### 22. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup | 1,648,580 | 1,393,411 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 82,516 | 36,595 |
| Perhubungan Dan Utiliti | 2,154,504 | 2,340,934 |
| Sewaan | 424,870 | 928,248 |
| Bekalan Bahan Api | 400,231 | 314,849 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 687,063 | 843,166 |
| Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil | 3,938,477 | 3,306,302 |
| | 9,336,241 | 9,163,505 |
| **Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti** | | |
| Pecahan perbelanjaan seperti berikut: | | |
| Festival & Minggu Filem | 5,000 | 1,422,310 |
| Pasaran Filem | 400,437 | - |
| Manfaat Anggota –Perubatan | 1,473,530 | 1,289,054 |
| Pengauditan Projek | 1,171,162 | 2,486,396 |
| Perundangan | 484,676 | 214,142 |
| Penilaian & Pengurusan Harta | 69,184 | 69,958 |
| Latihan Kakitangan | 415,409 | 526,035 |
| Komputer dan Prosesan Data | 87,300 | 83,945 |
| Penerbitan Treler/Promo/PSA | 6,750,878 | 1,547,753 |
| Bantuan Teknikal | 38,800 | 1,720,324 |
| Pengiklanan | 34,220 | 236,606 |
| Perlindungan & Keselamatan | 820,089 | 657,303 |
| Penyediaan Makanan | 136,052 | 189,279 |
| Seniman, Pelukis, Pemuzik & Penulis | 163,308 | 165,900 |
| Dokumentari | 4,630,860 | 4,139,059 |
| Animasi | 2,472,520 | 8,701,410 |
| Bengkel dan Latihan | 2,233,441 | 3,300,234 |
| Filem Cereka | 27,708,189 | 59,174,363 |
| Elaun Tetap Ahli Perbadanan(termasuk tuntutan perjalanan) | 199,016 | 268,910 |
| Pembekal Khidmat | 6,046,891 | 1,871,690 |
| Lain-lain Perkhidmatan | 1,766,034 | 770,427 |
| | 57,106,996 | 88,835,098 |
| | 66,443,237 | 97,998,603 |

## 23. CUKAI

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Cukai pada tahun semasa | 1,152,834 | 751,963 |
| | 1,152,834 | 751,963 |

Cukai pendapatan dikenakan pada kadar 24% (2017 : 24%) daripada keuntungan pendapatan faedah pada tahun semasa.

Belanja cukai pendapatan bagi tahun kewangan semasa boleh dipelaraskan dengan lebihan pendapatan daripada perbelanjaan sebelum cukai di penyata pendapatan seperti berikut

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Keuntungan sebelum cukai | 5,668,072 | 14,842,722 |
| Cukai pada kadar 24% (2017 : 24%) | 1,360,337 | 3,562,253 |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai | (32,879,017) | (39,631,262) |
| Belanja tidak dibenarkan dalam percukaian | 32,671,514 | 36,820,972 |
| | 1,152,834 | 751,963 |

Perbadanan telah diberi pengecualian daripada membayar cukai pendapatan ke atas pendapatan-pendapatan yang diterima kecuali pendapatan faedah.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

**24. Pelarasan tahun lepas**

a) Penyata kewangan pada tahun - tahun lepas mengandungi beberapa kesalahan berkaitan aset-aset, liabiliti-liabiliti, hasil dan perbelanjaan Perbadanan pada tahun semasa telah mengenalpasti kesilapan tersebut dan membuat pelarasan tahun lepas secara retrospektif.

b) Kesan kepada penyata kewangan berkaitan pelarasan tahun lepas yang telah dibuat secara retrospektif adalah seperti berikut:

**Kesan kepada Ekuiti**

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari, seperti dinyatakan sebelumnya | 35,352,659 | 57,792,957 |
| Kesan kepada pelarasan tahun sebelum | 10,944,270 | (1,250,062) |
| Pada 1 Januari, selepas dinyatakan semula | 46,296,929 | 56,542,895 |

**Kesan kepada pendapatan tahun semasa**

| | 2017<br>RM |
|---|---|
| Pendapatan tahun semasa sebelum dinyatakan semula | 747,829 |
| Kesan kepada pelarasan | 13,342,930 |
| Pendapatan tahun semasa selepas dinyatakan semula | 14,090,759 |

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

## 25. Angka - angka perbandingan

Beberapa angka - angka perbandingan telah dibuat pelarasan/pengkelasan yang mana perlu supaya boleh disesuaikan dengan persembahan angka tahun semasa

| | 2017<br>Sebelum dinyatakan semula<br>RM | Pengkelasan/Pelarasan<br>RM | 2017<br>Selepas dinyatakan semula<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Penyata Kedudukan Kewangan** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 32,584,811 | 188,614,213 | 221,199,024 |
| Aset tak ketara | - | 1,156,381 | 1,156,381 |
| Aset cukai tertunda | - | 462,129 | 462,129 |
| Kerja dalam kemajuan | 359,469 | (359,469) | - |
| Pendahuluan dan penghutang pinjaman | 1,214,077 | (95,026) | 1,119,051 |
| Faedah Terakru | - | 600,018 | 600,018 |
| Penghutang sewaan | 1,641,592 | (1,641,592) | - |
| Penghutang perniagaan | - | 3,388,776 | 3,388,776 |
| Penghutang pelbagai | 3,362,545 | (2,410,461) | 952,084 |
| Wang dibank dan ditangan | 31,283,958 | (1,984,535) | 29,299,423 |
| Kumpulan wang | 95,217,340 | 40,704,115 | 135,921,455 |
| Pemiutang dan akruan | 50,964,124 | (50,964,124) | - |
| Pemiutang operasi | - | 298,438 | 298,438 |
| Pemiutang pelbagai dan akruan | - | 765,315 | 765,315 |
| Peruntukan cukai | - | 14,213,934 | 14,213,934 |
| Liabiliti cukai tertunda | - | 962,046 | 962,046 |
| Jumlah ekuiti | 35,352,659 | 10,944,270 | 46,296,929 |

28

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2018

| | 2017 Sebelum dinyatakan semula RM | Pengkelasan/Pelarasan RM | 2017 Selepas dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| **Penyata Pendapatan Komprehensif** | | | |
| Pelunasan kumpulan wang | 112,523,672 | 15,147,734 | 127,671,406 |
| Sumbangan kerajaan | 31,875,723 | (227,000) | 31,648,723 |
| Lesen dan bayaran filem | 3,471,933 | 4,501 | 3,476,434 |
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 759,738 | (213,802) | 545,936 |
| Sewaan | 586,693 | 9,112 | 595,805 |
| Faedah | 3,166,316 | 568,432 | 3,734,748 |
| Lain - lain pendapatan | 726,051 | (293,833) | 432,218 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 96,653,851 | 1,344,752 | 97,998,603 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 28,383,826 | 1,055,988 | 29,439,814 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 2,516,458 | 3,288,920 | 5,805,378 |
| Perbelanjaan lain | 5,244,553 | (1,686,080) | 3,558,473 |
| Cukai tahun semasa | - | 751,963 | 751,963 |

## 26. KOMITMEN MODAL

| | 2018 RM | 2017 RM |
|---|---|---|
| Diluluskan dan dikontrakkan | 291,271 | 703,445 |

Penglibatan modal adalah untuk pembangunan dan perolehan aset tak ketara MYFIS.

29

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**
**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR**
**31 DISEMBER 2018**

## 27. GERAN TERTUNDA TANAH & BANGUNAN PTP

Tanah dan bangunan di FINAS Petaling Jaya dan Kompleks Pejabat FINAS di Kuching yang digunakan sebagai pejabat FINAS adalah merupakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Kedua-dua pejabat ini adalah berstatus pajakan tanpa syarat. Tanah dan bangunan disusutnilaikan dan dilunaskan mengikut kaedah hasil tertunda.

Dibawah adalah pecahan tanah dan bangunan PTP:

| **TANAH PTP** | **2018** | **2017** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| | | **(Dinyatakan semula)** |
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | 154,700,000 | 154,700,000 |
| Pelarasan | (9,070,000) | - |
| Pada 31 Disember | 145,630,000 | 154,700,000 |
| **Pelunasan terkumpul** | | |
| Pada 1 Januari | 5,683,840 | 2,841,920 |
| Pelarasan | (5,683,840) | - |
| Pelunasan tahun semasa | - | 2,841,920 |
| Pada 31 Disember | - | 5,683,840 |
| **Amaun dibawa** | 145,630,000 | 149,016,160 |

| **BANGUNAN PTP** | **2018** | **2017** |
|---|---|---|
| | **RM** | **RM** |
| | | **(Dinyatakan semula)** |
| **Kos** | | |
| Pada 1 Januari | 22,350,000 | 22,350,000 |
| Pelarasan | 2,330,000 | - |
| Pada 31 Disember | 24,680,000 | 22,350,000 |
| **Susutnilai terkumpul** | | |
| Pada 1 Januari | 894,000 | 447,000 |
| Pelarasan | (894,000) | - |
| Susutnilai tahun semasa | - | 447,000 |
| Pada 31 Disember | - | 894,000 |
| **Amaun dibawa** | 24,680,000 | 21,456,000 |

## 28. PERISTIWA SELEPAS TAMAT TEMPOH PELAPORAN

Perbadanan telah mengambil tindakan perundangan kepada 2 syarikat iaitu Pixelbud Studios Sdn. Bhd. (penerbitan siri animasi bertajuk 'Pohtato') dan juga kepada Topaz 7 Sdn. Bhd. (penerbitan filem 'Mat Kilau - The River Warrior') di mana kedua-dua syarikat telah menerima geran Dana Industri Kreatif Negara dan telah gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan seperti di dalam perjanjian penerimaan geran.

a) Perbadanan telah menyaman Syarikat Pixelbud Studios Sdn. Bhd. melalui WA-A52NCVC-601-07/2018 dan telah diputuskan oleh mahkamah di bawah penghakiman ingkar kehadiran pada 3 Ogos 2018 bahawa Syarikat Pixelbud Studios Sdn. Bhd. hendaklah membayar kepada Perbadanan sebanyak RM240,000.00 serta faedah pada kadar 5% setahun pada jumlah RM240,000.00 dari tarikh saman hingga ke penyelesaian penuh dan kos sebanyak RM1,276.00. Walaubagaimana pun sehingga 20 September 2019, Perbadanan masih belum menerima apa-apa amaun seperti yang telah diputuskan. Pada 25 September 2019 peguam Perbadanan telah memberi tempoh 30 hari sekiranya masih gagal membuat bayaran maka Perbadanan akan meneruskan proses'proceeding' termasuk 'winding up' bagi mendapatkan semula amaun di atas.

   Syarikat Pixelbud Studios Sdn. Bhd. telah membuat rayuan pada 22 Oktober 2019 kepada Perbadanan agar bayaran boleh dibuat dalam 3 peringkat iaitu pada 30 Oktober 2020, 30 April 2021 dan 31 Oktober 2021 iaitu sebanyak RM80,000.00 bagi setiap peringkat dan memohon untuk diberi 'waiver' ke atas faedah dan kos. Setakat ini, pihak pengurusan sedang mempertimbangkan permohonan rayuan tersebut.

b) Perbadanan telah menyaman syarikat Topaz 7 Sdn. Bhd. melalui WA-22NCvC-408/07/2018 dan pada 25 Julai 2018 telah ditetapkan untuk pengurusan kes dan pada 1 Oktober 2018 pula bagi pengurusan semula kes di hadapan Yang Arif Hakim. Seterusnya, pada 15 Oktober 2018, peguam Syarikat Topaz 7 Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa Yang Arif Hakim telah meminta Perbadanan dan Syarikat Topaz 7 Sdn. Bhd. untuk bersemuka dan membincangkan penyelesaian bersama sebelum pengurusan kes 23 Oktober 2018. Kedua-dua pihak telah berbincang pada 19 Oktober 2018 dan Perbadanan telah menetapkan bahawa baki sebanyak RM800,000.00 tidak boleh disalurkan terus kepada syarikat disebabkan syarikat tidak mengemukakan output sepertimana dalam perjanjian, pelanjutan tempoh kepada syarikat untuk menyiapkan filem perlu diangkat kepada Ahli Perbadanan dan Perbadanan meminta syarikat membuktikan pelabur yang berminat untuk melabur dalam penerbitan filem ini.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR
## 31 DISEMBER 2018

Pada 2 April 2019, penghakiman persetujuan adalah seperti di bawah bahawa:

i. Perbadanan bersetuju untuk memberikan perlanjutan masa kepada Syarikat Topaz 7 Sdn. Bhd. untuk menyiapkan filem cereka yang bertajuk 'The River Warrior' selama 10 bulan;

ii. Perbadanan akan memberikan baki 'Grant Funds' berjumlah RM800,000.00 kepada Syarikat Topaz 7 Sdn. Bhd. Setelah syarikat menyiapkan tahap-tahap yang dinyatakan dalam 'Schedule 6 Drawdown Key/Performance Indicators' [Part A-Milestone] sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian "Creative Industry Fund Agreement For Grant" bertarikh 8 Januari 2013 antara Perbadanan dan Syarikat.

iii. Syarikat dan Pengarah Urusan iaitu Zolfikar Ali bin Esa (No. K/P: 720720-01-5047) hendaklah menandatangani 'Supplemental Agreement' dan/atau memberikan Jaminan Peribadi 'Personal Guarantee' pada atau sebelum 1 Mei 2019.

iv. Tiada perintah atas kos.

v. Sekiranya Syarikat gagal dan/atau enggan dan/atau abai dan/atau cuai melaksanakan obligasi-obligasinya dalam terma (1) sehingga (3) di atas dalam masa yang ditetapkan sebagaimana di terma-terma tersebut, maka Perbadanan berhak untuk perintah-perintah berikut:-

- Syarikat bertanggungan untuk membayar kepada Perbadanan wang sejumlah RM1,200,000.00 atau apa-apa wang yang telah dilepaskan dan/atau dibayar oleh Perbadanan kepada Syarikat;
- Syarikat hendaklah memindah milik dan menyerah hak Projek dan Musik bagi Projek tersebut kepada Perbadanan;
- Faedah pada kadar 5% setahun pada amaun RM1,200,000.00 atau apa-apa wang yang telah dilepaskan dan/atau dibayar oleh Perbadanan kepada Syarikat dari tarikh saman hingga ke penyelesaian penuh; dan
- Kos.

### 29. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 yang beraudit telah dibentangkan d dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil 3/2019 pada 21 Oktober 2019 dan melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan pada 19 November 2019.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
Kompleks Studio Merdeka, Lot 1662, Batu 8,
Jalan Hulu Kelang, 68000 Ampang, Selangor
MALAYSIA
No. Tel: 603-41041300
No. Fax: 603-41075216
Emel: info@finas.my

**www.finas.gov.my**